

Bil. 39

**Isnin
3 Julai 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
- Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006	(Halaman 20)
USUL:	
- Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 69)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
- Bank Negara Perlu Memantau Operasi Bank <i>Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)</i>	(Halaman 70)
- Kecacatan Pili Bomba di Seberang Perai Akibat Pencurian <i>Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan)</i>	(Halaman 71)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. " Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) - UMNO
16. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. " Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) - UMNO
20. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah) - MIC
23. " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP

23. Yang Berhormat Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN

61. Yang Berhormat Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS

-
98. Yang Berhormat Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sehingga (Bintulu) – SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) – SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) – PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) – PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) – UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) – MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) – MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Azanariah binti Mohd Yunan

Norhasani binti Yaacob

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 3 Julai 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) jumlah graduan yang masih menganggur mengikut bidang pengajian dan universiti terlibat; dan
- (b) rancangan kerajaan untuk membantu siswazah yang menganggur ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) *Job Clearing System* atau JCS, Kementerian Sumber Manusia mencatatkan setakat 12 Jun 2006, bilangan siswazah yang masih menganggur, tidak bekerja semasa mendaftar berjumlah 20,217 orang.

Pecahan mengikut institusi dan bidang pengajian siswazah adalah seperti ditunjukkan melalui jadual-jadual seperti di bawah:

Pendaftar aktif siswazah mengikut institusi pengajian setakat 12 Jun 2006. Saya akan pecahkan kepada institusi pengajian, jumlah dan peratus.

Institusi Pengajian	Jumlah	Peratus
UiTM	3,278	16.2
UUM	1,532	7.6
IPTS	1,217	6.0
UTM	1,147	5.7
UKM	971	4.8
UPM	919	4.5
IPTA lain	840	4.2
UM	531	2.6
USM	505	2.5
UMS	371	1.8
UIA	358	1.8

Institusi Pengajian	Jumlah	Peratus
IPT luar negara	342	1.7
UNIMAS	174	0.9
UPSI	39	0.2
Lain-lain	7.993	39.5
Jumlah	20,217	

Pendaftar aktif bermaksud pencari kerja yang telah mendaftar melalui JCS dan tempoh pendaftarannya adalah masih sah laku. Tempoh sah laku pendaftaran adalah enam bulan mulai tarikh pendaftaran atau tarikh membaharui pendaftaran. Lain-lain, kolej awam dan swasta, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia yang saya sebutkan yang bermaksud lain-lain.

Manakala pendaftar aktif siswazah mengikut bidang pengajian setakat 12 Jun 2006, sebagaimana soalan, saya pecahkan kepada bidang, jumlah dan peratus juga.

Bidang	Jumlah	Peratus
ICT	3,942	19.5
Pentadbiran Perniagaan/Perdagangan	2,714	13.4
Perakaunan	1,923	9.5
Kejuruteraan Elektrik/Elektronik/Telekomunikasi	1,229	6.1
Pengurusan Sumber Manusia	1,022	5.1
Kejuruteraan Awam	983	4.9
Kejuruteraan Mekanikal/Mekatronik	884	4.4
Sastera/Sains Sosial	843	4.2
Sains Tulen	770	3.8
Kewangan/Perbankan/Insurans/ Pelaburan/Hartanah	613	3.0
Pengurusan Teknologi Pejabat/Pengurusan Maklumat/Pengurusan Perpustakaan	552	2.7
Senibina/Bangunan/Ukur Bahan/Ukur Tanah	540	2.7
Sains Gunaan	533	2.6
Ekonomi	440	2.2
Pertanian/Perhutanan/Perikanan/ Alam Sekitar	401	2.0
Lain-lain	2,828	13.9
Jumlah	20,217	100.0

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Di antara program-program yang dilaksanakan dan yang berjaya membantu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah adalah seperti berikut:
- (i) menyediakan perkhidmatan pekerjaan melalui *Job Clearing System* atau JCS, ke pencari kerja

- atau penganggur untuk mendaftar secara *online* atau mendaftar di pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja. Permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat swasta;
- (ii) mengadakan Karnival Pekerjaan anjuran Jabatan Tenaga kerja bagi menemukan pencari kerja dan majikan. Sebanyak lapan Karnival Pekerjaan nasional telah diadakan sepanjang tahun 2005 di mana sejumlah 8,494 penempatan untuk siswazah telah dicadangkan oleh majikan. Manakala pada tahun ini kita telah pun melaksanakan sehingga sekarang iaitu sebanyak enam Pesta Karnival Pekerjaan;
 - (iii) melaksanakan semula Skim Latihan Graduan atau SLG, di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad untuk melatih graduan yang menganggur. Sehingga hari ini kita telah mencapai latihan kira-kira 15,000 pelajar;
 - (iv) meningkatkan penyertaan siswazah di bidang keusahawanan dengan menyediakan program atau kursus keusahawanan yang diperkenalkan melalui Skim Latihan Graduan dan dimasukkan ke dalam Modul Latihan Kemahiran bertujuan menggalakkan pelatih melibatkan diri dalam perniagaan dan bekerja sendiri;
 - (v) mengadakan ceramah-ceramah kerjaya di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi;
 - (vi) bekerjasama dengan Kementerian Institusi Pengajian Tinggi dan juga EPU dari segi *job matching, career counseling*, analisis statistik dan maklumat profil graduan dalam bidang pengajian dan IPT serta peluang-peluang pekerjaan baru yang wujud di pasaran kerja;
 - (vii) mengadakan kerjasama dari masa ke semasa antara pihak industri dengan institusi pengajian tinggi mengenai dengan latihan bagi menentukan keperluan sebenar industri dan kualiti kelulusan yang benar-benar diperlukan daripada graduan; dan
 - (viii) merancang untuk melibatkan syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di seberang laut dalam Karnival Pekerjaan.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih timbalan menteri. Sabak Bernam ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kerana pada bulan lepas ceramah ataupun pameran oleh Jabatan Tenaga Kerja telah dilaksanakan di Sabak Bernam untuk dua kawasan Parlimen, terima kasih. Ini harus diteruskan.

Sabak Bernam ingin bertanya dua perkara. Yang pertama, ada atau tidak rancangan untuk mengadakan suatu permuafakatan dengan Kementerian Pelajaran melalui kaunselor sekolah-sekolah yang memang dari masa ke semasa membimbing pelajar-pelajar dalam kerjaya mereka. Ini pun ada kaitan dengan siswazah menganggur pada masa akan datang. Perkara yang kedua, saya dapati bahawa agensi mencari pekerjaan ini cukup sensitif. Daftar untuk mencari pekerjaan hari ini, esok dipanggil. Apakah rancangan pihak kementerian ini untuk melaksanakan program yang begini baik yang dilaksanakan oleh agensi swasta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Soalan pertama mengenai dengan permuafakatan dengan Kementerian Pelajaran yang melibatkan kaunselor. Memang telah lama kita usahakan dan jalankan dari segi bagaimana untuk kita menyelesaikan sebahagian daripada penganggur-penganggur yang lulusan daripada Institusi Pengajian Tinggi sama ada awam ataupun swasta mahupun di kolej-kolej. Ini kita akan teruskan malah kita mengesyorkan kepada pihak kementerian mengenai dengan keperluan industri dan juga syarikat-syarikat dalam menentukan bidang pengajian di sekolah-sekolah.

Kedua agensi mencari pekerjaan memang begitu baik sekali dan menyentuh tentang program-program yang ada memang kita menggalakkan bukan sahaja pihak kerajaan ataupun kementerian yang turut membantu tetapi juga pihak swasta-swasta, syarikat-syarikat sama ada syarikat dalam negeri ataupun syarikat luar negeri yang meletakkan bidang pekerjaan di negara ini. Kita memang sentiasa memanggil majikan-majikan dan juga ini terbukti dalam *Jom Cari Kerja* yang telah kita laksanakan pada tahun lepas dan tahun ini. Memang sentiasa kita melibatkan syarikat-syarikat. Di dalam 'Jom Cari Kerja' kita melibatkan di antara 20 sehingga 40 *company* ataupun syarikat untuk membantu graduan mencari pekerjaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukkan bahawa masalah siswazah yang menganggur lebih serius bila dibandingkan dengan IPTS dan sesetengah IPTA. Lebih serius lagi apabila dibandingkan dengan IPT luar negara dan sehingga sekarang kita boleh tengok dalam iklan-iklan IPTS-IPTS satu ciri penarikan ialah bahawa mereka menawarkan kursus-kursus supaya ada *employable graduates*, sehingga ini masalah bahawa kita ada universiti-universiti yang mengeluarkan *unemployable graduates*. Bukankah ini perlu satu perubahan yang *institutional* mengenai kualiti dalam universiti-universiti tempatan kita.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang pihak kita menyedari bahawa pengangguran di kalangan IPTA dan IPTS berbeza. Sebagai contohnya, pengangguran di kalangan IPTA dalam lingkungan 70% di mana IPTS di dalam lingkungan 26% dan pengangguran daripada luar negara berkisar dalam 34%. *Employable graduates* ini memang suatu usaha yang telah dimulakan semenjak lama tetapi disusun kembali dengan harapan dan hasrat supaya graduan yang khususnya keluar dari IPTA memperoleh pekerjaan.

Yang jelas berlaku kini iaitu keluaran daripada IPTA kebanyakannya tidak dapat memenuhi peluang-peluang pekerjaan bukan berdasarkan kepada subjek ataupun kursus yang diperolehi sahaja tetapi ia juga berkaitan dengan *soft skill* seperti keterampilan, kebolehan, kewibawaan, penguasaan bahasa dan seumpamanya. Kementerian menyedari perkara ini sebab itulah kita menjalankan pelbagai skim latihan termasuk Skim Latihan Graduan dan keduanya kita juga memberikan pengesyoran serta pandangan-pandangan kepada Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi supaya meletakkan kursus-kursus yang bersesuaian dan juga yang dituntut ataupun yang diminta oleh pasaran. Terima kasih.

2. Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, memandangkan kementerian telah melaksanakan bantuan kepada penuntut dan mahasiswa untuk melanjutkan pelajaran hingga ke menara gading, berapakah jumlah bantuan yang telah disalurkan melalui skim ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Papar kerana membawa soalan ini. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah ada menyediakan beberapa jenis bantuan bagi menolong pelajar-pelajar dari golongan miskin dan miskin tegar di luar bandar seperti berikut:

- (i) bantuan pendidikan bernilai RM200 untuk persediaan untuk memasuki sekolah berasrama penuh, pusat matrikulasi atau pusat-pusat latihan kemahiran yang diiktiraf untuk kursus Sijil Kemahiran Malaysia. Juga bantuan pendidikan bernilai RM500 bagi persediaan memasuki program-program ijazah atau diploma di universiti-universiti dan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang lain;
- (iii) bantuan mengikuti kursus kemahiran bagi Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan 2 di pusat-pusat latihan yang diberi pentauliahn MLVK dalam 18 jenis bidang seperti mekanik, pendawaian, juruteknik, pembuatan perabot, juru ukir, kimpalan, tukang masak dan pendandan rambut. Bantuan ini disediakan untuk pelajar dari keluar miskin tegar luar bandar sahaja iaitu sebanyak RM5,000 untuk kursus tiga hingga enam bulan dan RM10,000 untuk pelajar bagi kursus enam bulan hingga satu tahun. Manakala pelajar dari keluarga miskin yang bukan daripada keluarga miskin tegar akan dipertimbangkan untuk pembiayaan yuran pengajian sahaja. Sejumlah RM1.6 juta diperuntukkan bagi tahun 2006 untuk tujuan ini.
- (iv) jenis bantuan ketiga ialah bantuan pendidikan di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Bantuan ini diberi kepada pelajar Orang Asli sekolah rendah dan menengah meliputi yuran persekolahan, yuran peperiksaan, buku, alat tulis, pakaian seragam, keperluan diri, tambang bas, bekalan makanan dan biasiswa. Seramai 35,685 orang pelajar Orang Asli mendapat bantuan ini bagi tahun 2006 ini sahaja sebanyak RM53.2 juta telah dibelanjakan sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan dan peruntukan sebanyak RM62 juta disediakan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan untuk tujuan ini.
- (v) bantuan pendidikan di bawah pembasmian kemiskinan iaitu Program Latihan dan Pendidikan atau PLP, dan Program Kecemerlangan Pendidikan iaitu PKP. Ia memberi fokus kepada kursus peningkatan tahap pendidikan dan pencapaian akademik seperti tuisyen, teknik pembelajaran, teknik menjawab soalan peperiksaan dan motivasi pelajar. Semuanya ini khusus untuk pelajar miskin tegar bagi peperiksaan PMR, SPM, dan STPM. Sejumlah RM30 juta telah dibelanjakan untuk Rancangan Malaysia Kelapan dan peruntukan sebanyak RM55 juta akan disediakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan.

Terima kasih.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan, setakat ini berapa ramaikah pelajar miskin tegar menikmati skim bantuan pelajaran yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai bantuan sebanyak RM200 dan RM500 tersebut dan adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah jumlah yang disebutkan tadi kepada jumlah yang lebih besar pada masa akan datang. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Papar. Untuk tahun 2006 ini sahaja bantuan daripada kategori pertama yang saya nyatakan tadi

cuma dapat diberikan berdasarkan permohonan daripada 111 orang pelajar luar bandar miskin tegar sahaja. Ini meliputi permohonan daripada 20 kawasan Parlimen daripada sejumlah 99 kawasan Parlimen yang ada.

Peruntukan yang kita sediakan RM1.6 juta dan kita cuma dapat memberikan setakat ini hanya 5% sahaja kerana itulah permohonan yang kita terima dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu kementerian ini daripada surat-surat yang kita beri sebelum ini untuk mencari mereka daripada golongan miskin tegar kerana ada pembiayaan seperti ini untuk mereka dan saya harap akan dapat maklumat-maklumat lengkap daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan luar bandar supaya kita dapat agihkan peruntukan-peruntukan sedia ada kerana peruntukannya belum sampai 5% dibelanjakan untuk tujuan ini. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita rasa kita bersetuju dengan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan dan kita diberitahu RM53 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan kemudian RM62 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Cuma saya ingin bertanyakan soalan, di samping kita membiayai perbelanjaan untuk mereka yang kurang berkemampuan saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada mempunyai cadangan untuk membiayai pembelajaran pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dalam bidang perancangan bandar dan wilayah, yang akhirnya pelajar-pelajar ini boleh membantu kementerian untuk melihat bagaimana kawasan-kawasan tertentu dapat dirancang dengan sebaik mungkin selain daripada kita membantu orang yang kurang berkemampuan sebenarnya saya rasa kementerian boleh menggunakan kewangan ini untuk membiayai pelajar yang boleh kemudiannya membantu perancangan kementerian melihat kepada pembangunan kawasan-kawasan luar bandar ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Muar kerana mengemukakan cadangan tersebut. Setakat ini kementerian belum bercadang memberi penajaan kepada pelajar-pelajar luar bandar khusus untuk mengikuti kursus perancangan bandar dan wilayah. Walau bagaimanapun, cadangan ini saya rasa baik dan boleh dipertimbangkan.

Walaupun bagaimanapun, kita tidak mahu bertindih dengan agensi-agensi dan juga kementerian lain yang memberi biasiswa dan peruntukan untuk pelajar-pelajar yang menduduki IPTA. Secara keseluruhannya, tabung yang saya nyatakan bagi menjawab soalan asal daripada Yang Berhormat bagi Papar tadi, bukanlah peruntukan yang diberi oleh pihak kerajaan ataupun Kementerian Kewangan, ianya adalah hasil daripada anak-anak syarikat kita seperti FELCRA dan RISDA yang membawa jumlah ini kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk diagihkan khusus kepada pelajar-pelajar daripada golongan miskin tegar dan miskin di kawasan-kawasan pedalaman dan kampung.

Saya minta kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat untuk menyatakan senarai ini yang boleh didapati borangnya daripada pejabat-pejabat KEMAS daerah disahkan oleh Ahli Parlimen sebelum kita dapat memberi bantuan ini sekiranya syarat-syarat yang diperlukan itu dapat ditunaikan. Terima kasih Yang Berhormat.

3. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan demi menjimatkan perbelanjaan dan meningkatkan keberkesanan dan tidak membazir, adakah kerajaan akan menyusun semula perjawatan anggota-anggota perkhidmatan awam. Apakah wujud bidang-bidang perkhidmatan awam tertentu yang kelebihan dan kekurangan anggota-anggota dan bagaimana untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memberi perhatian yang serius dalam aspek penyusunan perjawatan sektor awam dengan mengambil kira usaha ke arah penjimatan perbelanjaan di samping memastikan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Sehubungan itu, kerajaan sentiasa melaksanakan kajian penyusunan semula perjawatan dan penyusunan ini dilaksanakan selaras dengan dasar-

dasar kerajaan yang terkini. Kajian perjawatan ini merangkumi penentuan struktur skim perkhidmatan dan gred jawatan mengikut justifikasi yang dikemukakan oleh pelbagai kementerian dan agensi.

Kajian yang dilaksanakan ini sudah tentulah menyebabkan sesuatu jawatan tertentu itu diwujudkan, dimansuhkan, dinaikkan atau diturunkan grednya, diagihkan atau ditukar ganti dengan jawatan-jawatan lain yang bersesuaian. Melalui kajian perjawatan ini, kerajaan memastikan perkhidmatan awam berada pada saiz yang betul atau *right size* dengan izin dan berkeupayaan melaksanakan peranan dan tanggungjawab dalam perkhidmatan secara berkesan. Sesuai dengan perubahan persekitaran global yang juga melibatkan perkhidmatan awam, tidak dinafikan terdapat kelebihan dan kekurangan anggota dalam satu-satu skim perkhidmatan. Perkara ini berlaku kerana wujudnya kementerian atau jabatan atau agensi baru. Pengecilan atau penghapusan fungsi dalam bahagian tertentu di agensi kerajaan atau penswastaaan agensi kerajaan.

Bagi menangani masalah kelebihan pegawai, urusan penempatan semula atau pertukaran pelantikan telah dibuat bagi menempatkan pegawai agensi yang memerlukannya. Manakala bagi mengatasi kekurangan anggota di dalam satu skim perkhidmatan, urusan pelantikan sama ada secara tetap atau kontrak dilaksanakan secara berterusan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawat jawatan ini beliau sentiasa menekankan supaya perkhidmatan awam dipertingkatkan demi membawa keberkesanan. Adakah sebarang kayu ukur atau KPI untuk mengukur bahawa sejak beliau menjawat jawatan Perdana Menteri ia telah membawa penambahbaikan atau menambah buruk lagi seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa di bidang kastam ada pelbagai kelakuan yang terlalu dan di bidang perguruan, guru-guru SRJK(C) kekurangan mungkin seramai 2,000 lebih tetapi di sekolah kebangsaan ada guru yang berlebihan lebih kurang 6,000. Bagaimana keadaan boleh dibetulkan.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin respons kepada soalan tambahan Yang Berhormat yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Awam Malaysia adalah merupakan sebagai satu perkhidmatan yang di antaranya terbaik di dunia ini dan ia kita pastikan bukan sahaja kepada prestasi yang kita lihat tetapi bahkan kepada setiap waktu, setiap tahun kita adakan kajian semula dan lima tahun sekali kita adakan kajian yang semestinya bagi seluruh kementerian dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara, lima tahun sekali.

Tetapi, yang setiap tahunnya memang kita lakukan kajian-kajian ini. Daripada kajian-kajian itu kita dapat kenal pasti di manakah kelemahan-kelemahan dan seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru mengambil alih, adakah kita telah dapat menilai kembali tentang prestasi pegawai-pegawai ini, memang Yang Amat Berhormat memberi perhatian yang khusus sebab itu kalau Yang Berhormat lihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, yang baru dibentangkan Teras Yang Kelima itu, iaitu kita hendak supaya mengukuhkan lagi institusi pelaksanaan negara kita, itu teras yang kelima. Ini membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat memang memberi perhatian yang khusus kepada bidang ini.

Tentang soal KPI yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi memang kita ada kajian indeks pada setiap waktu *key performance indexes* ini, kita buat setiap tahun bahkan perbandingan-perbandingan yang lain khususnya kalau kita lihat kita pastikan *counter service* umpamanya, servis kaunter kita lihat ada tidak perubahan pada setiap tahun. Perkhidmatan, di antara perkhidmatan yang diwujudkan adakah tidak dari segi hasil atau produktiviti ini dapat diberikan kepada rakyat. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih timbalan menteri. Soalan tambahan saya ialah di peringkat Persekutuan, sila beritahu buat masa ini terdapat berapa jumlah anggota perkhidmatan awam yang sedang berkhidmat dengan kerajaan kita dan yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun memberitahu bahawa satu kajian telah pun diadakan bagi maksud penyusunan semula

anggota-anggota perkhidmatan awam. Maka saya nak tanya, adakah mengikut kajian yang telah diadakan jumlah anggota perkhidmatan awam pada hari ini di negara ini adalah terlalu besar dan sama ada penyusunan semula ini melibatkan mengurangkan anggota perkhidmatan awam atau *downsizing the civil service in the country*. Sekian. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ada angka-angkanya di sini. Tetapi, saya ingin memaklumkan sedikitlah kepada Yang Berhormat iaitu tentang kita ada di sini Persekutuan, pihak berkuasa dan sebagainya. Oleh kerana Yang Berhormat tanya dalam Persekutuan tadi. Kita mempunyai satu 1.065,874 juta pegawai kakitangan Persekutuan dan daripadanya, kita dapati kekosongan sebanyak 118 ribu.

Kalau Yang Berhormat hendak maklumat terperinci ini kita akan bagilah termasuk yang negeri, yang pihak berkuasa tempatan dan sebagainya tetapi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dalam kajian kita lima tahun sekali, kita buat bukan kita bertujuan semata-mata untuk *downsizing* tetapi, barangkali setengah ataupun sebahagian kementerian ataupun agensi kerajaan memerlukan pertambahan. Ini berdasarkan kepada keadaan pada sesuatu masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau kita lihat dari segi jumlah penduduk, kita masih lagi sebenarnya terendah dari segi jumlah kakitangan perkhidmatan awam kerana di negara-negara maju seperti Amerika, seperti Jerman dan negara-negara maju yang lain, kadarnya adalah tujuh pegawai bagi tujuh peratus penduduk tapi kita masih lagi di peringkat tiga peratus. Jadi, ini menunjukkan bahawa kita rendah lagi.

Lagi satu saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat dalam kajian kita sekarang ini sama ada kajian tahunan ataupun kajian lima tahun sekali, kita memberikan penekanan kepada kementerian atau agensi penguatkuasaan yang boleh membawa hasil yang banyak. Itu kita bagi fokus yang sangat penting seperti Jabatan Kastam, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan di samping itu kementerian ataupun bidang pelajaran juga menjadi sebagai fokus kita. Ini adalah perkara-perkara yang kita beri perhatian di dalam kajian yang kita buat.

4. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kewangan menyatakan kriteria dan syarat seseorang untuk menerajui syarikat-syarikat milik Kerajaan atau GLCs.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kriteria dan proses pemilihan Ketua Pegawai Eksekutif adalah ditetapkan dengan mengutamakan kepentingan syarikat. Setiap GLC akan mempunyai kriteria dan syarat yang berbeza apabila melantik seseorang untuk menerajui syarikatnya. Secara amnya, calon peneraju syarikat GLC haruslah mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- (i) mempunyai kelayakan akademik yang sesuai;
- (ii) mempunyai kebolehan dan pengalaman teknikal yang sesuai;
- (iii) mempunyai *managerial skills*, dengan izin,
- (iv) memahami dengan mendalam *financial drivers*;
- (v) mempunyai *track record* yang terbukti; dan
- (vi) mempunyai kemampuan untuk memahami dan melaksanakan pembaharuan mengikut keadaan semasa.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita tahu apa perancangan strategik pentadbiran yang efektif, pengawasan dan komunikasi korporat yang baik adalah merupakan faktor-faktor yang boleh membawa kejayaan kepada sebuah syarikat korporat sama ada Yang Berhormat setuju, bahawa untuk menjayakan faktor-faktor tersebut GLC ini memerlukan suatu taktik dan strategi yang bijak dan salah satunya adalah dengan izin, *to lead by example* dan CEO yang fokus kepada

long term vision adalah aset kepada negara. Maksud saya ialah pertama, bagaimana sesuatu mekanisme boleh dilaksanakan oleh kerajaan sekiranya peneraju GLC ini gagal mencapai sasaran KPI.

Kita tahu GLC adalah tulang belakang kepada kerajaan Tuan Yang di-Pertua, nadi kepada pembangunan kerajaan dan juga memberi banyak manfaat kepada rakyat serta umumnya tetapi adakah GLC, adakah GLC ini mempunyai program yang tertentu untuk membantu usahawan sederhana dan kecil dalam membentuk satu monopoli IKS yang berwibawa dan berkredibiliti untuk bersaing di pasaran. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Memang pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Larut adalah selaras dengan pandangan kerajaan sebenarnya dan memang tiap-tiap GLC ada peranannya masing-masing, di antaranya untuk meningkatkan lagi penglibatan bumiputera dalam pelbagai bidang. Saya boleh sebut contoh berkenaan dengan ini contohnya TNB, Telekom, Proton semuanya ada peranan masing-masing, ada program masing-masing untuk meningkatkan bumiputera punya penglibatan dalam industri dan sebagainya.

Contohnya TNB, dia ada program dia sendiri yang melibatkan ramai. Contohnya mereka mewujudkan *vendor development* di merata tempat. Telekom juga mengadakan program mereka dan PROTON juga mengadakan vendor masing-masing bukan hanya di Shah Alam, tetapi juga di negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. GLC-GLC ini adalah sebahagian yang penting dalam pembangunan negara kita terutamanya dalam bidang pembangunan ekonomi dan sebagaimana Yang Berhormat jawab pada minggu lepas dalam bidang sosial juga, dan GLC-GLC ini dipunyai oleh negara kita, kerajaan kita atas nama Khazanah Nasional dan Pengerusinya tidak lain tidak bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri.

GLC-GLC ini mengikut Yang Berhormat sebutkan tadi, CEO-CEOnya yang menerajui syarikat-syarikat ini mestilah mempunyai syarat-syarat yang tinggi. Akhir-akhir ini kita dengar soalan-soalan, tuduhan-tuduhan daripada orang yang agak tinggi juga kedudukannya walaupun sudah bersara dalam negara kita ini.... [*Dewan riuh*] Ada yang mengatakan bahawa yang mengendalikan GLC-GLC ini bukanlah Pengerusi Khazanahnya ataupun CEO-CEOnya tetapi orang-orang yang menduduki tingkat empat di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya. Adakah maklumat ini betul? Adakah tuduhan-tuduhan ini tuduhan-tuduhan yang tidak benar sekali? Ada juga yang menanyakan mengapa Pengerusi Khazanah Nasional tidak jawab dengan tepat, misalnya bagaimana Syarikat ECM Libra boleh membeli Syarikat GLC Avenue Asset yang mana kaum kerabatnya terlibat dalam perniagaan tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghebahkan sebenarnya pembetulan maklumat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat tadi. Sebenarnya syarikat kerajaan bukan hanya Khazanah tetapi ada tujuh syarikat pelaburan kerajaan iaitu:

- (i) Khazanah;
- (ii) PNB;
- (iii) LTAT;
- (iv) LTH;
- (v) EPF;
- (vi) KWAP; dan
- (vii) MKD.

Sebenarnya ada tujuh syarikat pelaburan kerajaan yang salah satunya adalah Khazanah. Masing-masing ada anak syarikat masing-masing.

Mengenai dengan rungutan ataupun tuduhan yang telah dibuat oleh pemimpin besar kita yang telah pun bersara, saya ingin menegaskan bahawa tiap-tiap GLC, mereka ada Lembaga mereka sendiri dan keputusan dibuat oleh Lembaga masing-masing. Jadi, tidak timbul syarikat-syarikat ini diarah ataupun arahan telah dibuat oleh pihak lain supaya Lembaga syarikat menerima. Ini tidak timbul sebab ada kalanya pihak yang tertinggi di dalam kerajaan mencadangkan, tetapi terpulang kepada Lembaga syarikat masing-masing untuk menerimanya. Jadi tidak timbul masalah *dicontrol* oleh pihak lain dan sebagainya.

[Soalan No.5 -Y.B. Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak] tidak hadir]

6. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah perancangan kementerian bagi memastikan rumah guru di pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak lengkap dengan kemudahan asas dan selesa serta selamat untuk didiami.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa prihatin terhadap kebajikan guru-guru khususnya yang berkhidmat di kawasan luar bandar dan pedalaman dengan memastikan guru-guru yang mengajar di luar bandar mendapat kemudahan yang disediakan oleh kerajaan termasuk kemudahan rumah guru. Sebanyak RM709.2 juta diperuntukkan dalam tempoh RMK-9 untuk menyediakan kemudahan rumah guru. Ini tidak termasuk peruntukan sebanyak RM122.7 juta bagi membina rumah guru di Sabah dan Sarawak di bawah Program Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Sabah dan Sarawak.

Bagi memastikan rumah guru termasuklah di luar bandar dan pedalaman berada dalam keadaan selamat, kerajaan telah memperuntukkan RM183 juta bagi projek gantian rumah guru yang didapati uzur dalam tempoh RMK-9. KPM akan terus berusaha memastikan rumah guru yang disediakan berada dalam keadaan baik dan selamat serta mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan cantik. Bunyi pun cantik. Isinya itu yang kita pertikaikan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan yang besar juga diberi. Saya hendak ucap tahniah kepada Kementerian Pelajaran atas daya usaha dan rasa tanggungjawab. Jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua, dan Tuan Yang di-Pertua pun faham, persekitaran yang selesa akan menambah kualiti pengajaran guru. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun faham. Menteri pun faham. Kualiti yang tinggi kepada guru-guru akan menyebabkan pelajar-pelajar mampu untuk dicemerlangkan.

Seruan kerajaan. Seruan ini berulang-ulang. Semua lepasan latihan perguruan yang ditugaskan mengajar di pedalaman mesti, wajib mengajar di pedalaman tetapi saya, kalau ada anak perempuan rasa bimbang hendak hantar ke Sarawak, Sabah dan di luar bandar kerana kemudahan rumah yang sebenar-benarnya dikatakan rumah sebenarnya tidak mencapai matlamat.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Sikit lagi. Ini ralat sangat saya kalau tidak menyampaikan ini kerana pesanan daripada guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri sudah faham, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri memang faham tetapi saya hendak menambah kefahamannya lagi.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila ringkaskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang disediakan peruntukan oleh kerajaan tetapi kontraktor yang membuat kerja-kerja ini kadangkala guru

besar pun tidak tahu, dan kerja-kerjanya tidak dipantau. Wang disediakan tetapi kerja tidak menepati seperti yang dikehendaki dan tidak ada sesiapa yang memantau.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat. Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri sudah faham?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sudah faham dah. Faham. Saya pun pernah pergi lihat sendiri kawasan pedalaman dan juga keadaan rumah-rumah mereka ini memang kita tidak nafikan masih perlu kita baiki. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat sebut dalam RMK-8 ini, peruntukannya adalah RM1.5 bilion untuk kita melaksanakan projek pembinaan. Kita sudah buat projek pembinaan rumah guru yang melibatkan 1,037 projek, iaitu melibatkan selain daripada 1,037 projek disediakan untuk 30,839 unit.

Begitu juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita rancang untuk buat lagi ada 486 projek yang saya nyatakan tadi melibatkan RM79.2 juta. Dalam kita menyediakan projek perumahan ini, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita memberikan penumpuan kepada perumahan di kawasan luar bandar, perumahan dalam bandar juga kita kena berikan perhatian di mana masalah sewa dan sebagainya sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading supaya guru, bila dia pergi mengajar dia berada dalam keadaan yang selesa, tidak memikirkan masalah-masalah tempat tinggal.

Mengenai pemantauan memang tidak dinafikan ada beberapa projek yang terbengkalai di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi mulai tahun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pihak Kementerian Pelajaran telah pun menubuhkan jawatankuasa, kita akan memantau supaya projek-projek yang telah ditawarkan adakan dilaksanakan dengan sempurna dan kita juga telah menyediakan garis panduan, bagaimana untuk memastikan projek-projek di luar bandar terutamanya dapat dilaksanakan seperti mana peruntukan yang disediakan.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana prihatin kepada masalah guru.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang. Yang Berhormat, kita tahu bahawa kementerian faham, Menteri faham, Timbalan Menteri lagi faham. Persoalannya dalam kefahaman itu, kenapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pelaksanaan rumah guru ini masih lagi tahap Rancangan Malaysia Kelapan. Kalau dahulu selepas, kalau ada yang *negotiate* punya, sudah dapat apa fasal hendak runding-runding satu tahun, kalau tender, *board tender* ada, sudah putus, hendak buat, kenapa enam bulan *delay*?

Apakah kementerian tidak ada perubahan ke arah langkah yang lebih jauh untuk memberi prasarana yang Yang Berhormat maklumkan berbilion-bilion ini supaya dapat diguna pakai dalam lingkungan lima tahun ini. Tidak ada lagi projek sambungan Rancangan Malaysia Kesepuluh, dilaksanakan sahaja. Duit sudah ada, keperluan sudah ada, kenapa mahu runding sampai satu tahun, dua tahun, kenapa tidak dua bulan, tiga bulan, apa masalah? Barulah kita dapat pembangunan, yang orang luar bandar dari Kelantan, dari Terengganu ada telefon saya, anak saya perempuan pergi ke kawasan ini Yang Berhormat ini kawasan luar bandar, macam mana. Saya kata di Kinabatangan saya tahu, kawasan luar bandar lain saya tidak tahu permasalahan dia, apakah tandas tidak sempurna, bilik mandi tidak sempurna, macam mana? Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat soalnya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya ingat bukan Kementerian Pelajaran sahaja menghadapi masalah memulakan pembinaan sesuatu projek, memang betul duit sudah ada, kontraktor pun sudah ada tetapi kadang-kadang masalah tapak. Ini kita tidak boleh nafikan. Ada berlaku, kita sudah ada projek yang macam dalam Rancangan Malaysia Kelapan memang sudah ada, kita ada bajet, kita sudah ada kontraktor tetapi apabila sampai ke masalah tapak, akan menimbulkan masalah sebab itu pihak kementerian merayu kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya apabila menyediakan tapak berilah tapak-tapak yang sesuai bukannya tapak yang di cerun-cerun bukit, ataupun di lembah-lembah.

Apabila pihak kontraktor sebagai contoh, melihat tapak, tapak yang memerlukan belanja tapak iaitu untuk satu projek, belanja tapak itu lebih kurang sama mahal dengan kos hendak bina sebuah bangunan sebab ini yang menyebabkan kita terpaksa merunding semula sama ada kita hendak teruskan projek itu ataupun kita hendak mencari tapak yang lebih selesa.

Saya juga sedar bila Yang Berhormat kata mengenai keadaan sekolah sebab itu bermakna projek-projek kecil ini kita terus beri kepada kontraktor-kontraktor Kelas 'F' untuk mereka membaiki segera masalah-masalah kerosakan seperti mana Yang Berhormat bangkitkan tadi. Terima kasih.

[Soalan 7 – Y.B Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh [Kuala Langat] tidak hadir]

8. Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah Rukun Tetangga yang telah ditubuhkan di negeri Sabah. Daripada jumlah itu, berapa unit pula yang benar-benar aktif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga 31 Mei 2006, jumlah Skim Rukun Tetangga yang ditubuhkan di negeri Sabah ialah sebanyak 201 kawasan. Daripada jumlah tersebut, kawasan yang benar-benar aktif ialah sebanyak 162 kawasan sementara 39 kawasan yang kita iktiraf kurang aktif. Keaktifan sesuatu kawasan Rukun Tetangga diukur melalui kekerapan mesyuarat jawatankuasa yang diadakan, pengurusan kewangan ditadbir dengan baik dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Mengadakan aktiviti-aktiviti untuk komuniti setempat dan yang mempunyai jalinan kerjasama dengan agensi dan badan-badan lain di peringkat kawasan tempatan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, daripada 201 kawasan Rukun Tetangga yang ada di Sabah, bolehkah saya dapat tahu, di mana kawasan-kawasan atau daerah-daerah itu ditubuhkan dan kita dapat tahu, 162 Rukun Tetangga yang aktif, 39 Rukun Tetangga yang tidak aktif dan saya mahu tahu juga sesuatu Rukun Tetangga yang ditubuhkan, berapa peruntukan yang dibagi oleh Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan, senarainya cukup panjang bagi 201 itu, saya boleh bekalkan secara bertulis. Namun bagi kawasan Tawau di mana sebahagian kawasan Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan. Kita mempunyai 17 kawasan Rukun Tetangga di situ yang merangkumi tiga kawasan Dewan Undangan Negeri dan sebenarnya antara daerah ataupun kawasan DUN Parlimen yang terbanyak di negeri Sabah. Hampir semua daerah di negeri Sabah memiliki kawasan Rukun Tetangga kecuali kawasan Tenom yang dalam proses penubuhan.

Dari segi kawasan yang disentuh tidak berapa aktif tadi, pihak kita sedang memberi perhatian supaya dari segi kepimpinan kawasan Rukun Tetangga di situ dapat dipertingkatkan lagi.

Dari segi peruntukan seperti mana Dewan yang mulia sedia maklum dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dalam soal penubuhan kawasan Rukun Tetangga itu tidak ada geran pelancaran. Namun geran pengurusan setiap Rukun Tetangga apabila diluluskan penubuhannya, diberi sejumlah RM400 satu bulan dan pihak jabatan dalam proses menyemak balik keperluan geran tersebut. Terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita mengalu-alukan penubuhan Rukun Tetangga ini namun di sini saya hendak bertanya, apakah kriteria pelantikan Jawatankuasa Rukun Tetangga ini dan yang keduanya, adakah pegawai-pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional boleh menjadi setiausaha kepada sesuatu Rukun Tetangga dan adakah jawatankuasa itu dipilih oleh pegawai-pegawai sendiri dan bukan di kalangan ahli. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dari segi peranan pegawai-pegawai kerajaan di dalam jawatankuasa tersebut, memandangkan Rukun Tetangga ini adalah badan sukarela yang ditaja oleh kerajaan maka tidak ada halangan bagi kakitangan kerajaan untuk melibatkan diri sebagai ahli ataupun di dalam susunan jawatankuasa.

Dari segi pelantikan pengerusi serta ahli-ahli jawatankuasa, biasanya ini dilaksanakan oleh proses perundingan dengan jawatankuasa atau pun mereka memohon di peringkat kawasan tersebut dan apabila cadangan itu dengan mesyuarat PROTAM di laksanakan dan pihak ibu pejabat akan memutus pegawai kita di peringkat negeri dan di peringkat daerah untuk berunding dan bermesyuarat bersama untuk mengesahkan susunan jawatankuasa tersebut ertinya dia bukan dipilih tetapi melalui proses perundingan yang mana pihak jabatan di peringkat tertinggi dari pejabat di Kuala Lumpur akan mengelolakan pelantikan kepada susunan-susunan jawatankuasa tersebut.

Namun saya boleh tekankan bahawa dalam pelantikan itu banyak ruang untuk berunding termasuk juga untuk menerima input-input dari pejabat Ahli Parlimen dan pejabat ADUN iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri. Terima kasih.

[Soalan No. 9 – Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) tidak hadir]

10. Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei] minta Menteri Pelancongan menyatakan, memandangkan Malaysia, sebagai sebuah negara yang rakyatnya terdiri dari berbagai-bagai bangsa mempunyai keistimewaan dari segi budaya serta penguasaan bahasa-bahasa utama di dunia iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan juga Bahasa Inggeris. Apakah tindakan kerajaan untuk memanfaatkan dan memasarkan keistimewaan ini di negara-negara luar khasnya negara China dan India.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui agensinya, *Tourism Malaysia*, telah dan sentiasa mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang unggul di rantau ini menerusi kempen pengiklanan antara bangsa iaitu *Malaysia Truly Asia*. Kempen yang berasaskan kebudayaan di negara ini telah mencapai kejayaan yang membanggakan dengan mempromosikan adat resam dan budaya rakyat Malaysia yang mengamalkan kehidupan yang harmoni dan aman damai. Menggunakan keunikan budaya, adab resam dan keharmonian masyarakat Malaysia, kementerian telah mempromosikan budaya dan adab resam pelbagai kaum di negara ini ke seluruh dunia melalui penganjuran program-program kebudayaan dan program-program lawatan suai kenal.

Tuan Yang di-Pertua, program dan promosi Citra Warna Malaysia dan rumah-rumah terbuka seperti Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Tadau Keamanan dan Gawai Dayak dan Krismas yang diadakan pada setiap tahun memaparkan keindahan dan keunikan budaya dan sambutan perayaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum turut dipromosikan di peringkat antarabangsa. Kementerian Pelancongan melalui agensinya, *Tourism Malaysia* turut menganjurkan misi gerakan pelancongan, pengerusi consumer dan pesta makanan dan kebudayaan ke luar negeri. Pada tahun ini, melalui pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* di China dan India, seperti Shanghai, Beijing, New Delhi, Bombay, Chennai, sebanyak 168 aktiviti promosi telah dan akan dilaksanakan.

Bagi mengembangkan seni dan budaya negara, *Tourism Malaysia* telah menubuhkan 19 buah badan kebudayaan luar negeri bagi membantu pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* luar negeri mengadakan persembahan, pertunjukan kebudayaan dan kesenian rakyat Malaysia di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui agensinya, *Tourism Malaysia* akan sentiasa menggunakan keunikan budaya masyarakat di negara ini sebagai satu *unique selling point* dengan izin, dalam usaha memasarkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini. Sekian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kadang-kadang, kena lobi juga. Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar jawapan Menteri menyebut tentang *Malaysia is Truly Asia*. Apakah, saya mengambil contoh, Kerajaan Negeri Melaka. Pada tahun lepas Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Melaka telah berjaya menggigit pelancong-pelancong ke negeri yang lebih, yang tinggal lebih daripada satu malam berjumlah 4.2 juta orang dan angka ini adalah begitu tinggi jika dibandingkan dengan beberapa negeri lain di Malaysia. Kerajaan Negeri Melaka di bawah sektor pelancongannya mempunyai sembilan produk daripada pelancongan sejarah sehinggalah ke makan-makan.

Slogannya Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sedikit menampakkan semangat kedaerahan iaitu *Visit Malacca, Means Visit Malaysia*. 'Melawat Melaka Bersejarah, Maknanya Melawat Seluruh Negara'. Pertama, apakah pandangan kementerian terhadap slogan ini? Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, bila kita turun di KLIA, salah satu daripada pintu masuk pelancong-pelancong negara kita, adakah kita menampakkan semangat *Malaysia Truly Asia* di KLIA itu sendiri? Saya minta komen timbalan menteri kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang sebelum ini adalah Yang di-Pertua di Majlis Tempatan. Memang saya ucapkanlah syabas dan tahniah kepada negeri Melaka khususnya kepada Bahagian Gerakan Pelancong di negeri Melaka yang telah mencapai kejayaan iaitu 4.2 juta pelancong asing ke negeri Melaka. Memang ini adalah satu contoh yang baiklah untuk negeri lain belajar. Memang semalam saya pun ada di Melaka pada malam. Saya tengok memang Bandar Melaka amatlah bersih kalau dibandingkan dengan bandar-bandar yang lain seperti di Penang, Kuala Lumpur ataupun P.J, kawasan saya.

Saya haraplah pegawai pun boleh pergi belajar sedikit dan memang dari segi *visit Melaka* adalah *visit Malaysia* itu memang boleh dipakai kalau Yang Berhormat hendaklah di Melaka tetapi dari pihak Kerajaan Pusat kita tidak boleh pakai logo itulah, dan kita memang alu-alukanlah produk-produk pelancongan yang telah dikatakan iaitu sembilan produk pelancong di negeri Melaka. Memang Melaka adalah sebuah bandar yang indah, sebuah bandar yang bersih dan juga memang rakyat di sana pun selalu ada senyum, ada sopan, kita haraplah rakyat di Kuala Lumpur boleh belajar sedikit. Sebab kita baru dengar satu kenyataan yang kurang baik sedikit.

Kita memang tidak setuju dengan kenyataan itu, tetapi kita haraplah kalau pelancong asing boleh pergi Melaka, memang mereka ada keunikan sendiri. Dengan soalan KLIA itu, tidak membayangkan *Malaysia Truly Asia*? Itu memang pendapat Yang Berhormat. Kita bincanglah di luar sebab itu bukan senang kita cakap di sini sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Itulah, kita mestilah bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan untuk memajukan pelancongan di negara ini, dan dari segi dasar pelbagai bahasa ini, apakah terjadi dengan masalah Mandarin di KLIA ini? Bilangan itu... [Disampuk]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak dibayar gaji.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak dibayar gaji? Oh, masalah, ya? Tak cari fasal itu Tangga Batu di Melaka itu lebih teruk. Dia, kalau bangunan, wisma pun, kita boleh panggil. Dia panggil Graha, dia mirip kepada Indonesia. Baik pergi ke Jakarta lah. [Disampuk][Ketawa] Apa masalah Mandarin dengan KLIA itu? Apakah cara untuk menyelesaikan masalah kerana walhal kementerian mementingkan pelbagai bahasa. Mesti kita mementingkan pelbagai bahasa tetapi di dalam peringkat pelaksanaan itu kurang sedikit. Bolehkah ini diperbaiki?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Memang kita sedar bahawa pegawai juru bahasa Mandarin yang sebelum ini di dalam bidang kuasa Bahagian Imigresen atau Jabatan Imigresen di Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri dan Kabinet sudah buah keputusan bahawa pegawai ini akan dilantik, akan dijaga oleh Kementerian Pelancongan. Kita akan ambil tindakan sewajarnya.

11. Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, tindakan dan usaha yang telah dijalankan oleh kementerian terhadap barangan yang tidak bermutu yang diimport serta dijual dengan harga murah di kedai-kedai dua ringgit.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memantau aktiviti perniagaan bagi membanteras penyelewengan dalam amalan perdagangan termasuk dari aspek kualiti barangan dan harga. Berhubung dengan kualiti barangan yang dijual di kedai-kedai dua ringgit atau seumpamanya, ianya bukan lah satu masalah kepada pengguna kerana umumnya pengguna bijak memilih apa yang perlu dibeli selain dapat menilai ketahanannya bersesuaian dengan harga yang ditawarkan itu.

Walaupun demikian, jika ada pengguna yang tidak puas hati dengan mutu barangan yang dibeli, mereka boleh membuat tuntutan bagi mendapatkan ganti rugi melalui tribunal tuntutan pengguna. Harga barang-barang yang dijual di kedai-kedai tersebut kebanyakannya adalah barang-barang keperluan dapur dan barang perhiasan rumah dan tidak tertakluk kepada kawalan harga oleh pihak kementerian.

Penetapan harga jualan barang-barang adalah ditentukan sendiri oleh pihak peniaga dan sehubungan itu pengguna perlulah membuat penilaian sendiri semasa sama ada barangan yang dijual tu benar-benar harga dua ringgit atau kurang atau lebih. Di pihak peniaga, mereka adalah bertanggungjawab menentukan harga jualan sebenar barang-barang tersebut tidak melebihi harga seragam yang diperihalkan melalui iklan seperti kain rentang dan sebagainya. Kementerian akan mengambil tindakan tegas sekiranya didapati peniaga-peniaga menjual barangan tersebut dengan harga yang lebih tinggi daripada yang diperihalkan ataupun mengenakan syarat-syarat tertentu yang boleh mengelirukan pengguna. Terima kasih.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Barang yang dijual murah ini, saya rasa ini sangat-sangat berbahaya oleh kerana barang-barang seperti alat elektrik sekiranya dijual di sini, tentu sekali berbahaya kepada manusia yang menggunakan. Apakah cara di mana kementerian ini dapat membanteras penjualan ini seperti jualan elektrik yang begitu berbahaya sekali.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya ada memantau keadaan di kedai-kedai yang menjual barang-barang dengan harga yang murah. Kebanyakan barang-barang itu adalah barang-barang dapur dan kita dapati bahawa ianya boleh tahan juga dengan harga dua ringgit tetapi kalau ada yang menjualkan barang-barang elektrik, mereka mesti ada dapat kelulusan daripada pihak yang berkenaan. Maka kalau mereka jual tanpa kelulusan daripada pihak yang berkenaan, kementerian saya boleh mengambil tindakan. Kita akan memantau keadaan berkaitan dengan barang-barang elektrik. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ingin tahu sejauh mana kementerian Yang Berhormat memantau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh individu tertentu di mana mereka bukan menjual barang murah tetapi barang-barang yang mahal di mana mereka meminta orang-orang untuk memasuki kedai itu lepas itu tutup kedai itu, memberi mereka taklimat beberapa jam, lepas itu memberi mereka hadiah.

Taktik-taktik demikian memaksa atau meletakkan mereka dalam keadaan tiada pilihan tetapi untuk membeli barangan. Barangan-barangan yang dikatakan diimport daripada luar negara dan mereka akan berada di tempat itu dua tiga bulan lepas itu berpindah tanpa papan kenyataan tanpa papan notis. Sebagai contohnya memakai baju dalam ini akan kurus badan, selepas menggunakan batu, sejenis batu untuk minum,

masalah penyakitnya akan diperbaiki. Apakah pihak kementerian ada memantau aktiviti ini yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini yang masih sedang berjalan, saya mohon penjelasan dalam perkara ini.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kes-kes seperti ini, kementerian saya telah menerima mulai 1 Januari hingga 26 Mei 2006 sebanyak 150 aduan di mana kita telah menghasilkan sebanyak 23 kes. Nilai rampasan dalam per kes-kes yang berkaitan adalah barang-barang bernilai RM450,000 dan kutipan kompaun yang telah dikenakan adalah RM53,000. Apabila ada aduan, kita memang mengambil tindakan untuk mengatasi masalah seperti ini, *quick get rich scheme*, dengan izin seperti itu.

12. Dr. Muhamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah perancangan kerajaan di dalam pembangunan Istana Negara yang baru di kawasan Jalan Duta. Apakah konsep pembangunan yang akan dilaksanakan dana apa yang akan terjadi kepada Istana Negara lama yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang unik dan tersendiri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang bercadang untuk membina Istana Negara yang baru di Jalan Duta Kuala Lumpur bagi menggantikan Istana Negara yang sedia ada. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menyediakan syiling peruntukan sewajarnya untuk pembinaan Istana Negara ini. Dalam hubungan ini, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah dilantik sebagai pengurus projek.

Insyallah apabila siap nanti konsep pembangunannya ialah sebuah istana bagi satu kerajaan yang berdaulat. Untuk makluman Yang Berhormat juga mengenai kedudukan Istana Negara lama, ianya masih belum diputuskan lagi setakat ini.

Dr. Muhamad Shahrum Bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan institusi Yang dipertuan Agong ini merupakan satu institusi yang tinggi dan menarik minat orang ramai terhadap institusi ini sama ada di dalam dan di luar negeri. Kalau kita lihat di Istana Negara sekarang, penuh bas-bas pelancongan yang melawat tetapi berlegar di sekitar luar kawasan istana. Adakah di istana yang baru ini, oleh kerana minta orang ramai tadi tinggi konsep boleh melancong juga di dalam istana dibuat. Minta penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, insyallah apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu diambil kira di dalam pembinaan nanti. Sebagai makluman Yang Berhormat, kerana perkara-perkara di antara yang seperti inilah kita hendak memastikan bahawa apabila istana ini siap nanti, ia lebih mencerminkan sebuah istana yang saya sebutkan tadi, sebuah kerajaan yang berdaulat dan pembinaan istana yang baru ini juga adalah merupakan kerana adanya pengalaman di istana yang ada sekarang kerana tempat-tempat yang tertentu ianya adalah, minta maaf tidak sesuai untuk umpamanya diadakan perbincangan dan sebagainya sebab itu perkara-perkara kriteria seperti ini diambil kira ia lebih mencerminkan sebuah istana, bukan sebuah rumah. Sebab itulah pembinaan ini mengambil sedikit masa kerana kita juga mengharapkan Duli Yang Maha Mulia untuk memberi pandangan-pandangan dalam perancangan kita untuk pembinaan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi, bahawa masih belum ada perancangan apakah yang akan dimanfaatkan dari Istana Negara yang sedia ada dan kemungkinannya sebagai pertanyaan kalau boleh dipertimbangkan di mana di peringkat negeri, setiap negeri-negeri Melayu itu ada muzium dirajanya sendiri, tetapi di peringkat negara, kebangsaan kita belum ada muzium diraja dan kemungkinannya istana yang ada sekarang ini apabila terbinanya istana baru kita jadikan sebagai satu muzium diraja, kesultanan sebagai salah satu warisan sejarah kebudayaan kita. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat. Memang salah satu daripada cadangan itu memang seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu kita hendak jadikan muzium diraja tetapi saya fikir tidaklah wajar saya menyebutkan ia

pada hari ini kerana perkara itu masih lagi di dalam peringkat perancangan dan insya-Allah kerajaan akan membuat satu keputusan setelah semuanya selesai kelak.

13. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, apakah bentuk pertimbangan yang dilakukan oleh kerajaan terhadap tahanan ISA yang telah melepasi dua tahun dalam tahanan dan apakah kerajaan tidak berhasrat untuk membawa mereka ke mahkamah pengadilan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Setiap tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 perlu menjalani beberapa program pemulihan yang telah ditetapkan iaitu menghadiri program keagamaan secara berskala yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM, menghadiri sesi temu duga yang dikendalikan oleh Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri serta memenuhi arahan-arahan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh tempat tahanan perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira komitmen dan kerjasama yang diberi terhadap program-program berkenaan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan membuat penilaian terhadap tahap pemulihan yang dicapai oleh tahanan sebelum tindakan yang selanjutnya diambil. Tuan Yang di-Pertua Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah satu undang-undang pencegahan serta alternatif yang amat berkesan dalam menangani kes-kes yang mudaratkan keselamatan negara. Oleh yang demikian kerajaan tidak berhasrat untuk membawa mana-mana kes di bawah akta ini ke dalam mahkamah. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih timbalan menteri yang telah memberi jawapan kepada soalan saya sekejap tadi. Di sini saya buat beberapa soalan tambahan lain antaranya apakah asas penahanan tahanan ISA dilanjutkan selepas mereka menjalani tahanan selepas dua tahun dan apakah bukti-bukti selama mereka berada di tahanan ini tidak dapat ditonjolkan oleh pihak kerajaan dan akhir sekali apakah kerajaan tidak mempunyai keyakinan kepada mahkamah-mahkamah di negara kita yang rekodnya saya kira baik dalam sepanjang penghakiman mereka kepada pesalah-pesalah baik pesalah kecil atau pesalah besar di negara kita. Jadi apakah kerajaan tidak menaruh keyakinan kepada mahkamah supaya mereka dibawa ke mahkamah bagi menentukan mereka salah ataupun tidak?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa setiap tahanan ini berhak membuat rayuan di bawah Jawatan Kuasa Penasihat, minta maaf di bawah Lembaga Penasihat yang akan bersidang tidak lewat daripada enam bulan dari masa ke semasa dan apabila Lembaga Penasihat bersidang, pesalah atau tahanan itu boleh datang sendiri atau datang bersama *lawyer* dia atau peguam sahaja dia atau oleh peguamnya sahaja.

Sekiranya Lembaga Penasihat itu berpuas hati barulah kita akan cadang kepada mereka untuk dibebaskan tetapi sekiranya apa nama masih ada perkara diragui tindakan seterusnya akan diambillah. Setakat ini kita belum lagi mencadangkan supaya kes-kes yang boleh mudarat negara boleh dibawa ke mahkamah. Ada perkara-perkara yang kita tidak boleh membenarkan perkara-perkara ini diketahui umum berkenaan dengan keselamatan-keselamatan negara kita.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Selain daripada Lembaga Penasihat ada peruntukan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk membuat permohonan *habeas corpus* ke Mahkamah Tinggi ada beberapa kes-kes di mana tahanan ada berjaya mendapat perintah *habeas corpus*, tetapi apabila perintah ini ada dibawa ke tahanan untuk beliau dibebaskan dan selepas beliau ada dibebaskan beliau ada ditahan semula. Kenapa kerajaan tidak hormati perintah-perintah mahkamah dalam negara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, kadang-kadang kes-kes *habeas corpus* ni..., kita kerajaan, pesalah itu menang kerana kes-kes teknikal

tetapi kes itu masih ada sebab itulah mereka ini kadang-kadang ditahan semula. Terima kasih

[Soalan No. 14 – Y.B. Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat] tidak hadir]

[Soalan No.15 – Y.B. Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap] tidak hadir]

[Soalan No. 16 - Y.B. Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] tidak hadir]

17. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, pembangunan modal insan telah diberi penekanan yang berat dalam RMK-9. Apakah langkah-langkah untuk memastikan bahawa sistem pelaksanaan yang saksama dapat dijalankan supaya dasar orang yang sesuai untuk kerja yang sesuai terjamin.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melaksanakan pelbagai perancangan dan pendekatan bagi memastikan dasar *the right person for the right job* terjamin di antaranya kementerian ini menyediakan perkhidmatan pekerjaan melalui *Job Clearing System* kepada pencari kerja untuk mendaftar secara *on-line* di mana permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat swasta. Pencari kerja juga boleh mendaftar dengan pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan. Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai langkah untuk membantu golongan penganggur atau pencari kerja seperti berikut:

- (i) mengadakan kerjasama dan dialog dengan industri ataupun institusi pengajian ataupun latihan bagi menentukan keperluan sebenar industri dan kualiti atau kelulusan yang benar-benar diperlukan oleh pasaran;
- (ii) bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Institusi Pengajian Tinggi ataupun EPU dari segi *job matching career counselling*;
- (iii) melaksanakan program Latihan Skim Graduan pada kali ini Skim Latihan Graduan III yang menawarkan 13 kursus latihan;
- (iv) memperbanyakkan program pesta pekerjaan *Job Fair*. Pada tahun lepas kita telah anjurkan sebanyak lapan, pada tahun ini kita telah anjurkan enam dan akan datang ni ada lagi tiga;
- (v) mengadakan ceramah-ceramah kerjaya kepada pelajar-pelajar sekolah dan juga mahasiswa IPTA dalam usaha memberikan penerangan pasaran pekerjaan. Selain daripada itu, kelayakan akademik dan kemahiran yang diperoleh pelajar dan juga boleh menyertai program *REACH* yang dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Tujuannya untuk membentuk keyakinan diri, melengkapkan belia dengan *soft skill* seperti kepimpinan, komunikasi, *teamwork* di samping menawarkan modul keusahawanan;
- (vi) menambah kapasiti latihan;
- (vii) menyediakan kemudahan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi lepasan sekolah dan belia;
- (viii) melaksanakan Skim Perantisan sebagai satu langkah pekerjaan yang baru untuk membantu belia lepasan PMR dan juga SPM;
- (ix) mengemas kini Standard Pekerjaan Kebangsaan, NOSH yang menjadi sumber utama pembangunan kurikulum latihan di pusat-pusat latihan awam dan swasta dan dibangunkan secara bersama oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dengan pakar-pakar dari industri. Elemen-elemen penting dalam NOSH adalah ditetapkan oleh industri bagi membolehkan pelatih-pelatih

yang dikeluarkan menjadi *work ready*. Sehingga kini hampir 800 NOSH telah dibangunkan oleh MLVK;

- (x) meningkatkan penyertaan siswazah di bidang keusahawanan dengan memperkenalkan kursus-kursus baru menambah kepada skim latihan graduan yang telah sedia ada; dan
- (xi) menyediakan Laporan Analisis Jawatan Kosong yang diiklankan oleh akhbar dan diedarkan kepada kementerian dan agensi yang relevan seperti Kementerian Pengajian Tinggi supaya maklumat ini juga dapat membantu menyediakan kursus dan silibus yang sesuai dengan kehendak dan pasaran pekerjaan.

Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua, sebelum itu saya nak ucapkan selamat datang kepada seramai 80 orang pemimpin di kawasan saya di Parlimen Maran dan juga Dungun.

Kita ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan di atas usaha bagi mewujudkan pekerjaan kepada rakyat ataupun warganegara kita tetapi hakikatnya sekarang kita mempunyai lebih kurang 20,000 orang penganggur, terutamanya terdiri daripada mahasiswa, siswazah.

Kalau kita perhatikan kita juga, bahawa ramai daripada pekerja di negara kita ini ialah terdiri daripada pendatang daripada luar. Sama ada orang asing, orang luar, sama ada diambil secara kontrak, ataupun diambil oleh pengusaha-pengusaha yang mendapatkan pekerja-pekerja asing. Pada saya, usaha ini sebenarnya - syarikat-syarikat mengusahakan ini sebenarnya mendapat pulangan daripada pekerja asing ini. Apakah usaha kerajaan bagi mengambil alih tempat pekerja asing ini supaya dapat kita isikan dengan pekerja-pekerja kita ataupun siswazah kita yang menganggur ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang benar jumlah pengangguran di kalangan melebihi daripada 20,000 di mana pemegang ijazah sahaja dalam lingkungan 23,000 tahun ini, pemegang diploma dalam 20,000 orang juga. Ini sebenarnya, angka ini sentiasa datang dan pergi, kerana lulusan daripada institusi pengajian tinggi di seluruh negara tidak kurang daripada 120,000 orang setahun. Walaupun kita memberikan pelbagai tawaran pekerjaan yang baru, apabila mereka telah mendapat pekerjaan, yang baru datang kembali. Sangatlah sukar untuk menghadirkan satu bentuk pemberian pekerjaan secara sifar. Oleh itu kita sentiasa berusaha untuk memastikan peluang-peluang tawaran pekerjaan baru diberikan khususnya kepada penganggur-penganggur baru pula.

Mengenai dengan pendatang, memang benar bahawa di negara kita terdapat lebih kurang 33,000 orang *expatriate* ataupun pekerja dagang yang menguasai pelbagai sektor di negara kita. Bagi mengatasi masalah ini, pihak kementerian telah pun membesarkan institusi-institusi latihan yang ada, seperti Institut Latihan Perindustrian. Dulu belas-belas sahaja sekarang ini sudah ada 21. Kita juga membesarkan pengambilan di ADTEC, iaitu kita ada empat ADTEC dan kita besarkan pengambilan ini. Kita juga ada Institut Latihan Teknikal Jepun-Malaysia, pun kita besarkan juga. Satu lagi kita ada Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan ataupun CIAST. Kita memang merancang dan merangka supaya orang-orang tempatan mengambil alih tempat *expatriate* dagang ini. Pada masa dahulu *expatriate* dagang ini berada lebih pada 40,000 orang, tetapi kini disebabkan dasar baru kita, iaitu menggantikan dengan orang tempatan, itulah angka menjadi lebih kurang 33,000. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [29 Jun 2006]

11.34 pagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor berminat berucap Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sebelum saya mulakan ucapan saya dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006. Saya mengucapkan berbilang terima kasih untuk memberikan satu meja yang baru kepada saya. Ini lebih selesa, oleh itu harapan tinggi saya, saya boleh dengan selesa membuat ucapan saya dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, profesion undang-undang adalah satu profesion yang jadi satu keperluan dalam mana-mana negara tetapi apa yang penting adalah Tuan Yang di-Pertua, adakah profesion ini dalam negara kita ini gambarkan satu profesion yang baik, satu profesion yang dengan izin *as a live up to expectation*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara ini bilangan peguam-peguam adalah 12,000 tetapi dalam 12,000 peguam-peguam ini yang ada atas *the rules of advocate and solicitor*. Ada seorang yang terjejas imej, imej peguam-peguam dalam negara ini. Semenjak tahun 1998, walaupun orang ini ada dikatakan dan ini adalah keputusan, keputusan oleh mahkamah. Bukan apa yang saya kata Tuan Yang di-Pertua. Lebih baik saya namakan orang ini, orang ini adalah D. P. Vijandran, bekas speaker dalam Dewan yang mulia ini. *Secretary-general* kita kepada MIC, dan satu masa Senator untuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 24 Ogos 1998, dengan sebulat suara, tiga hakim Mahkamah Rayuan iaitu Dato' Gopal Sri Ram, Tan Sri Dato' Siti Norma Yaakob dan Haida. Ketiga-tiga hakim ini memutuskan D. P. Vijandran adalah pelakon dalam video lucu. Sebelum keputusan ini Tuan Yang di-Pertua, Ketua Hakim Negara, iaitu Tun Ahmad Fairuz, sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, yang mengendalikan rayuan itu daripada rayuan dari Mahkamah Sesyen. Mahkamah Sesyen pun memutuskan iaitu D.P. Vijandran adalah seorang pelakon utama dalam video lucu. Kita ada buat Tuan Yang di-Pertua, lima hakim yang memutuskan dan ini ada dengan bantuan keterangan daripada pakar daripada negara Jepun iaitu 'celaka' ini adalah seorang pelakon dalam video lucu.

Dalam ingatan saya Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini, mana-mana negara pun tidak ada seorang yang didapati pelakon, pelakon dalam video lucu. Ada tempat dalam *the rule of advocate and solicitor*. *A Bar Council* Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam ada ditubuhkan untuk menjaga nama baik peguam-peguam dalam negara ini. Kenapa peguam ini masih ada diberi tempat dalam mahkamah-mahkamah termasuk mahkamah-mahkamah tertinggi dalam negeri. Kenapa? Kenapa Majlis Peguam tidak berani dan Majlis Peguam ada kuasa untuk mengambil tindakan ke atas dia untuk menghapuskan namanya dalam *the rules of advocate*, dengan izin, *and solicitor*.

Saya merayu kepada Majlis Peguam dan saya faham wakil-wakil daripada Majlis Peguam ada menghadiri diri dalam Dewan yang mulia ini hari ini, ambil tindakan atas D. P. Vijandran ini tetapi D.P. Vijandran bukan seorang yang tunggal, yang terjejas nama baik peguam-peguam dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini khasnya pada 26 Jun tahun ini, saya ada bangkitkan satu soalan dan soalan itu ada di tempatkan sebagai soalan 73 dalam senarai soalan-soalan lisan pada hari itu tetapi saya dapat satu jawapan bertulis. Apa yang saya bertanya ialah seperti ini, "*Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sama ada suatu laporan polis telah pun dibuat oleh bekas Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif KL Rehkraj berkenaan dengan gangguan dalam pelaksanaan tugas-tugas kehakiman beliau. Sekiranya ya, berikan butir-butir mengenai laporan tersebut dan tindakan susulan yang telah pun diambil oleh pihak polis.*"

Jawapan adalah lain, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat yang diterima oleh PDRM tiada laporan polis yang telah dibuat oleh bekas Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif KL Rehkraj berkenaan dengan gangguan dalam pelaksanaan tugas-tugas kehakiman beliau. Sehubungan dengan itu, setakat ini tiada tindakan susulan yang diambil oleh pihak polis berhubung dengan dakwaan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya terima apa yang saya baca isi kandungan tadi, saya ada berbual dengan Hakim KL Rehkraj, dia bekas hakim, dia ada dipanggil untuk membuat satu *statement* kepada polis. Dia mengesahkan itu apabila saya dalam perbualan itu melalui telefon bertanya adakah dia membuat laporan polis. Jika dia tidak buat apa-apa laporan polis, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa, kenapa dia dipanggil untuk membuat satu *statement*, jika saya tidak silap di Bukit Aman.

Apa yang saya difahamkan iaitu seorang peguam Datuk Muhamad Shafie Abdullah, peguam ini, Tuan Yang di-Pertua, ada rata-rata menggunakan nama Dr. Mahathir apabila dia menjadi Perdana Menteri dan kini masih menggunakan nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Apa yang saya difahamkan, Datuk Muhamad Shafie Abdullah ini adalah seorang peguam yang mengugut Hakim KL Rehkraj. Satu waran tangkap telah dikeluarkan, apa yang saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, terhadap Datuk Muhamad Shafie Abdullah tetapi ada pihak atasan yang memberi perlindungan kepada peguam ini dan waran itu ditarik balik.

Saya mahu dapat tahu daripada kerajaan, apakah apa yang saya nyatakan tadi, apa yang saya suarakan tadi benar. Ini kerana jika apa yang saya suarakan benar, satu tindakan tegas harus diambil ke atas peguam ini. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ke atas Datuk Muhamad Shafie Abdullah ada tiga laporan polis oleh seorang wanita bernama Zaharah binti Abdul Rahman. Datuk Muhamad Shafie Abdullah ada *intimidated*, dengan izin, perempuan ini. Ketiga-tiga laporan ini ada di tangan saya dan saya ada berjumpa dengan wanita ini baru-baru ini yang ada membuat aduan iaitu tiada apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak polis.

Kenapa pihak polis tidak berani untuk mengambil tindakan ke atas Datuk Muhamad Shafie Abdullah. Adakah dia masih mendapat perlindungan daripada pihak-pihak atasan? Ini adalah satu perkara yang harus disiasat dengan mendalam untuk menentukan adakah isi kandungan ketiga-tiga laporan polis ini benar. Jika benar, adakah Datuk Muhamad Shafie Abdullah seorang yang harus mengambil tempat dalam *the rule of advocate and solicitor* tetapi itu bukan *the end of the matter*, dengan izin.

Dalam Dewan ini, peguam Yang Berhormat bagi Taiping, adakah dia dalam Dewan ini hari ini? Tiada. Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ada mengemukakan dalam Dewan ini iaitu timbalan menteri ini ada didenda, kalau saya tidak silap yang dia mengakui itu RM5,000 oleh lembaga yang ada kuasa untuk menjatuhkan hukuman itu, Lembaga Tatatertib Peguam-peguam. Jika suatu kesilapan boleh dimaafkan tetapi baru-baru ini dia didenda sekali lagi, kali ini RM1,500. Adakah dia memberi gambaran yang baik kepada Badan Peguam-peguam dalam negara ini. Dan bolehkah dia memberi gambaran yang baik untuk kerajaan dengan ditubuhkan baru-baru ini selepas pilihan raya umum.

Dalam pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus mengambil tindakan atas Yang Berhormat bagi Taiping. Dia menjadi Presiden PPP. Dia menang di Taiping dengan bukan majoriti tetapi minoriti kerana ada tiga calon yang mengambil bahagian dalam pilihan itu dalam kawasan Taiping. Dia menang

kerana calon DAP dan calon parti Anwar Ibrahim. Pecah undi, oleh itu Yang Berhormat bagi Taiping menang. Tidak ada majoriti, *easier on minority vote*.

Dan lain daripada itu dalam Dewan yang mulia ini di Sabah, Kerajaan Sabah satu masa PBS ada ditempatkan di bahagian sini dalam Dewan ini, tetapi tidak ada tulang belakang, oleh itu memasuki Barisan Nasional dan Pairin sekarang jadi Timbalan Ketua Menteri untuk negeri Sabah tetapi peguam ini ada pada satu masa Tuan Yang di-Pertua, apabila dia ada dalam pembangkang ada dituduh dan pertuduhan itu adalah untuk satu kesalahan korupsi.

Walaupun dia didenda sebanyak RM1,800 dan bukan RM2,000. Jikalau RM2,000 - habis. Kenapa dia didenda RM1,800 sahaja tetapi itu perkara lain. Apa yang penting, dalam Kerajaan Sabah Timbalan Ketua Menteri adalah seorang yang *corrupted*. Tidak kira dia didenda RM1,800 jika dia didenda RM1 pun itu mencukupi kerana *the nature of the offence*, dengan izin, *it is the serious one*. Kinabatangan ada di dalam Dewan ini? Bolehkah dia berani untuk mempertahankan Ketua Menteri Sabah sekarang jika dia ada tulang belakang. Bolehkah mempertahankan dia?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ketua Menteri tidak *corrupted*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Timbalan Ketua Menteri itu Datuk Pairin.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita percaya kepada undang-undang. Apa undang-undang laksanakan maka kita terima. Inilah Kerajaan Barisan Nasional di mana undang-undang telah menyatakan dia didenda, oleh kerana bersalah maka bersalahlah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jika salah untuk satu pertuduhan korupsi, bolehkah seorang dilantik sebagai timbalan ketua menteri?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, pada satu masa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor telah menyebut orang-orang di *frontbench* sana adalah 'hantu'. Ya! terus terang dalam *Hansard* ada tulis mengenai 'hantu-hantu' ini. Saya tidak menunjukan kepada sesiapa sahaja tetapi hari ini saya nampak di sana 'hantu' pun sudah lesap. Menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen bertanggungjawab untuk rang undang-undang ini, mana mereka? Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, Yang Berhormat cakap dengan siapa? Dengan 'hantu' kah atau dengan menteri-menteri yang bertanggungjawab? Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ada 'hantu' dan tiga suku 'hantu' pun ada di sini. Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nampakkah?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Nampak.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang bercakap tu raja hantu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya nampak. Mana 'hantu' ini Nazri? Mana dia Yang Berhormat Menteri yang membentangkan rang undang-undang ini? Mana dia sekarang?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak seriuslah nampaknya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jangan lari daripada apa yang benar. Kenapa dia tidak berani untuk duduk dan mendengar apa yang saya suarakan?

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 adalah serius. Sebagai contoh kami meneliti seksyen 46A, apa yang dicadangkan oleh kerajaan ialah apabila membentangkan rang undang-undang ini Menteri ada menyatakan bahagian 40A(1)(a) dimansuhkan iaitu, seorang peguam yang kurang pengalaman kurang daripada 7 tahun tidak boleh dipilih dalam Majlis Peguam atau *State Bar Committee* dan bagi (b) dan (c) khasnya apa yang ada diperuntukkan dalam 46A adalah ini seorang Ahli Parlimen atau ahli dalam satu *State Assembly or any local authority*, dengan izin, tidak boleh dicalonkan dalam *Bar Council* dan komiti-komiti lain yang ada diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 46A pindaan masa itu adalah lebih kurang dalam tahun 1977 atau 1978, bagaimana pindaan ada dibuat pada masa itu kepada undang-undang asal.

Tuan Yang di-Pertua, masa itu pada tahun 1977 saya adalah Ahli Dewan Undangan Negeri bagi negeri Kedah. Masa itu Tuan Yang di-Pertua, khasnya dalam tahun 1975 apa yang diperuntukkan adalah *the 'extential' security cases regulation. Regulation* itu Tuan Yang di-Pertua adalah *draconian* kerana 'GSA' *evidence* dengan izin, *could be admitted. Evidence in the absent of council or the accuse could be taken in court.*

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya buat masa itu adalah dengan bantuan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong. Masa itu Jelutong dalam tangan Barisan Nasional. Dengan izin, *I was the proposer and he was the seconder when emergency extraordinary meeting.* Tujuan Tuan Yang di-Pertua, *emergency extraordinary meeting* itu adalah untuk boikot semua kes yang dibicarakan dengan *the extential security cases of regulations.* Masa itu saya Tuan Yang di-Pertua adalah dipilih sebagai Ahli Majlis Peguam. Tapi status itu saya hilang apabila 46A seksyen ini ada dimasukkan dalam *the principal act* dengan izin.

Kenapa Tuan Yang di-Pertua apabila menteri membentangkan rang undang-undang ini pada hari Khamis lepas kenapa dia senyum. Tuan Yang di-Pertua, tidak menyatakan apa-apa bagi 46B dan C. B bagi adalah larangan ke atas ahli-ahli Dewan Rakyat atau undangan negeri dan C bagi orang-orang yang dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *"If you sending office in any trade union or any political party or any other organization or the groups of person or what so ever weather or not it is establish on the any law, weather it is in Malaysia or outside Malaysia, which is objective or carries on activities that be considered or construe, has being political in nature, and character and so forth... "*

Kenapa Tuan Yang di-Pertua kerajaan takut untuk memberi peluang kepada ahli-ahli Dewan ini atau Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk mengambil bahagian dalam khasnya Majlis Peguam. Kenapa takut? Tuan Yang di-Pertua, sebelum tahun 1977, sebelum seksyen 40 dipinda dengan memasukkan 46A Ahli-ahli Dewan Rakyat ada hak untuk menjadi calon untuk memasuki Majlis Peguam. Apa yang saya difahamkan sekarang Tuan Yang di-Pertua keadaan yang lain.

Yang Berhormat Menteri ada berjumpa dengan Majlis Peguam dan di antara Majlis Peguam dan *Bar Council* dengan Menteri dan kerajaan khasnya *it's a good relationship* dan saya mengalu-alukan itu Tuan Yang di-Pertua kerana Majlis Peguam adalah satu badan yang harus dengan izin, *consulted* sebelum rang undang-undang dibawa dalam Dewan yang mulia ini.

Bagi kuorum Tuan Yang di-Pertua, kuorum ada diturunkan kenapa yang diadakan adalah 500. Apa yang saya nyatakan tadi ada 12,000 orang peguam dalam negara ini tetapi dengan kuorum itu apa yang boleh menjadi Tuan Yang di-Pertua adalah ini. Dalam Kuala Lumpur ada lebih daripada 2,000, jika saya tidak tersilap peguam-peguam dan boleh jadi Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam dipengaruhi oleh khasnya peguam-peguam dalam Kuala Lumpur.

Walaupun Tuan Yang di-Pertua, *voting* dengan izin, *is a right of every advocate* pada apa yang dikatakan *postal voting.* Tuan Yang di-Pertua, kami dalam DAP mengalu-alukan pindaan kepada seksyen 46A khasnya apa yang dicadangkan untuk memansuhkan bahagian pertama iaitu bahagian (a) kepada seksyen itu tetapi apa yang saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, ada lebih kurang 70% peguam yang ada pengalaman kurang daripada tujuh tahun. Bagi peguam-peguam kanan lebih daripada tujuh tahun adalah 30%. Boleh jadi Majlis Peguam Negara dengan izin dikawal oleh ahli-ahli yang tidak berapa ada pengalaman dalam undang-undang. Ini jadi satu risiko apabila seksyen 46A(1)(a) ada dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Cherie Booth iaitu isteri kepada Perdana Menteri Britain Tony Blair ada buat satu permohonan untuk diterima sebagai peguam kanan dalam satu kes, *the case involving 9.5 million pounds misconstructions case,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, apabila satu permohonan telah dibuat oleh 'Wisconsin' dan ada peruntukan dalam undang-undang tidak terima masuk melalui *ad hoc admission* seorang 'Wisconsin'

Apabila dia datang ke negara ini Tuan Yang di-Pertua, lawatan ada dianggap sebagai lawatan rasmi, oleh sebab *security* yang diberi oleh negara Tuan Yang di-Pertua, kepada dia. Kereta daripada Jabatan Perdana Menteri ada digunakan, *out rider* ada digunakan untuk dia. Kenapa semua itu Tuan Yang di-Pertua. Walau pun saya faham dia adalah isteri kepada Tony Blair dan ada kemungkinan, jika tidak ada *security*, sesuatu boleh berlaku kepada dia tetapi, datang ke sini. Tidak ada peruntukan dalam undang-undang kehadiran dia apabila satu permohonan telah dibuat untuk dia diterima sebagai Peguam Kanan. Saya mahu dapat tahu daripada kerajaan, nilai apa yang ada diperuntukkan, *the money spend on her visit here* Tuan Yang di-Pertua.

Dan Tuan Yang di-Pertua atas tajuk ini, satu tuduhan ada dibuat oleh *The Time* jika saya tidak silap di London ke atas bekas Presiden Majlis Peguam iaitu Dato' Dr. Cyrus Das. Apa yang dikatakan adalah Cyrus Das adalah seorang yang jadi orang tengah untuk jadi terima sebagai Peguam Kanan dalam kes itu.

Itu boleh jadi satu tuduhan Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Cyrus Das jadi satu 'thou' bagi Cherie Booth. Saya tidak turut buat apa-apa sangkaan jahat terhadap Cyrus Das, dia adalah satu peguam kanan, satu orang yang baik, tidak dinafikan apa yang ada dilaporkan dalam *the Time*, tetapi itu bukan mencukupi. Apa yang harus dibuat adalah untuk nama baik badan peguam-peguam dalam negara ini untuk Dato' Cyrus Das mengambil tindakan sivil ke atas surat khabar itu. Itu terpulang kepada dia, tetapi dalam ingatan saya itu adalah satu langkah yang harus diambil oleh Dato' Cyrus Das.

Dengan itu terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya hari ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

12.13 tgh.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini yang melibatkan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan yang telah pun dibuat yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini kerana sebagai seorang peguam dan juga seorang ahli dalam *Malaysian Bar Council*, saya rasa Seksyen 46A yang sentiasa merunsingkan ahli-ahli dalam *Malaysian Bar* iaitu yang telah membezakan seorang peguam daripada kelayakan yang melebihi daripada tujuh tahun dan dengan seorang peguam yang tidak melebihi tujuh tahun menjadi seorang ahli dalam Majlis Peguam Malaysia.

Saya rasa ini adalah satu peruntukan yang sebelum ini, satu peruntukan asal yang tidak sepatutnya wujud kerana ia membezakan kelayakan dan juga keupayaan seseorang peguam, hanya disebabkan oleh umurnya dalam profesion ini.

Dan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu pemansuhan bagi seksyen 46A subseksyen (1), perenggan (a) ini adalah memadai kehendak dan jika kita lihat masalah ini daripada perseptif seorang peguam yang kurang daripada tujuh tahun saya rasa ini adalah satu perkembangan yang positif dan juga dialu-alukan. Saya juga mengalu-alukan cadangan pindaan yang menyatakan tidak perlu lagi wujudnya satu kuorum, satu kehendak 1/5.

Kerana jika kita melihat populasi peguam dalam negara kita pada masa kini sudah pun mencecah melebihi 12 ribu, dan jika kita menekankan lagi kelayakan iaitu *requirement*, kehendak 1/5 ini bermaksudnya lebih kurang 2400 orang peguam yang kena hadir untuk memenuhi kuorum dan ini jika dibandingkan dengan badan-badan profesional lain dalam negara kita, ia memanglah tidak wajar dan tidak adil. Mengapa peguam di *Malaysian Bar* pula memerlukan 1/5 tetapi sedangkan bagi badan-badan profesional lain dalam negara kita, contohnya Lembaga Arkitek Malaysia kah atau apa-apa badan profesional tidak wujudnya peruntukan dan juga kehendak macam ini.

Saya mengucapkan penghargaan saya kepada pihak kerajaan ke atas kepekaan yang telah pun ditunjukkan oleh pihak kerajaan kerana isu kuorum ini ia sentiasanya melibatkan beribu-ribu ringgit telah pun dibelanjakan dan setiap kali dan hampir setiap tahun mereka terpaksa menanggungkan kerana disebabkan oleh jumlah kuorum yang begitu tinggi ini.

Selanjutnya seksyen 65, saya dapati satu cadangan pindaan juga yang telah pun menghuraikan dengan lebih jelas lagi ke atas terjemahan apakah maksud itu AGM dan dengan maksud apakah itu AGM dan saya rasa ini telah pun memberikan satu tafsiran dan juga terjemahan yang lebih jelas dan yang telah pun menyebabkan ia sepatutnya saya rasa daripada sekarang, ia sepatutnya bebas daripada apa-apa kontroversi tentang apakah maksud *General Meeting* yang mana isu telah dibangkitkan dalam mahkamah rayuan baru-baru ini.

Yang saya rasa penting juga ialah satu *single-tier system* itu mereka telah pun memansuhkan dalam cadangan pindaan ini iaitu satu *single-tier system* yang tidak mewajibkan lagi, supaya apabila wujudnya apa-apa aduan terhadap seorang peguam ia tidak perlu lagi dirujuk kepada satu tribunal siasatan tetapi dia terus dimasukkan dan akan dikendalikan oleh satu jawatankuasa tatatertib, *disciplinary committee* yang saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik juga yang dapat mengabaikan ataupun kita dapat meringkaskan satu sistem prosedur aduan oleh orang-orang awam ke atas apa-apa sahaja salah tatatertib oleh seorang peguam dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya juga ingin sentuh pada pagi ini ialah dari segi peranan yang dimainkan oleh Majlis Peguam terutama sekali Majlis Peguam Malaysia atau *Malaysian Bar Council* yang saya rasa ia sentiasanya merupakan satu *hallmark* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, atas suatu sistem demokrasi dalam negara kita yang mengamalkan satu sistem demokrasi pengasingan kuasa iaitu kehakiman, perundangan dan juga eksekutif.

Dalam sektor kehakiman, sebenarnya Majlis Peguam Malaysia selama ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua, telah pun memainkan satu peranan yang menyatakan dia mempunyai suatu *voice of conscience* dari segi perspektif undang-undang. Saya rasa ini haruslah kita beri penekanan kerana dalam semua negara maju di dunia ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa wujudnya satu persamaan iaitu wujudnya satu badan profesion undang-undang yang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Silakan, silakan.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka ada menyatakan tadi *separation of powers* atau pengasingan kuasa, tetapi adakah dia bersetuju dengan saya, tidak ada apa yang dikatakan *the doctrine separation of power* dalam negara ini kerana hakim-hakim iaitu *judiciary* adalah dilantik oleh *the executive*. Jika itu, bolehkah dikatakan *doctrine of separation of power* ada diikuti dalam negara ini. Adakah dia bersetuju dengan saya tidak ada *separation of power* kerana eksekutif adalah badan yang lantik *judiciary*.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, sebenarnya mengikut peruntukan daripada perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, ia sebenarnya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat daripada Perdana Menteri pada masa itu dan selepas *consultation* juga dengan *Conference of Rulers*. Saya rasa, jika kita katakan dilantik oleh pihak eksekutif, ia tidak memadai peruntukan yang telah pun dirujuk dalam perkara 122B, tetapi pada masa yang sama saya bersetuju bahawa ia kena mendapat nasihat daripada Perdana Menteri dan juga selepas *consultation* dengan *Conference of Rulers*.

Sebenarnya atas isu peranan yang dimainkan oleh Majlis Peguam Malaysia ini, saya rasa wujudnya satu salah faham di kalangan sesuatu golongan tertentu dalam negara kita yang sentiasa menganggapkan peranan yang dimainkan oleh Majlis Peguam Malaysia

ini seolah-olah mereka sentiasa membantah pihak kerajaan sahaja. Saya rasa ini adalah sesuatu yang salah konsep dari segi pemikiran yang tidak sewajarnya berlaku.

Ini kerana seperti mana yang saya katakan tadi, dalam semua sistem demokrasi yang maju di dunia ini, mereka sentiasa mempunyai satu persamaan iaitu satu badan profesional undang-undang yang betul-betul berdikari. Saya mesti menyatakan dengan penuh kebanggaan bahawa selama ini Majlis Peguam Malaysia telah memainkan fungsi mereka dengan begitu baik sekali. Dalam apa jua perkara-perkara yang telah berlaku sebelum ini, mereka telah pun menegakkan pandangan daripada perspektif undang-undang semata-mata dan mereka tidak membawa apa-apa yang berbau unsur politik dalam apa jua pandangan yang telah pun diberikan oleh pihak Majlis Peguam Malaysia selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kandungan *debate* saya ke suatu perkara yang mana saya telah pun difahamkan bahawa baru-baru ini wujudnya layanan yang tidak sopan ke atas peguam-peguam yang cuba melaksanakan kerja-kerja mereka dan juga tanggungjawab mereka kepada anak-anak guam mereka.

Baru-baru ini saya difahamkan bahawa seorang peguam, Uthayakumar dan juga seorang peguam yang bernama Balasubramaniam, yang dalam bulan April baru-baru ini, apabila beliau cuba membantu anak guam beliau yang telah pun diletak dalam tahanan, apabila beliau cuba membantu beliau tidak memberi maklumat asas berkenaan dengan tahanan dan juga kedudukan tahanan berkenaan dengan suspek tersebut sebaliknya beliau telah pun diberikan layanan yang tidak sopan. Saya difahamkan disebabkan oleh itu beliau telah pun ditangkap oleh pihak polis selama tiga jam tanpa diberi apa-apa alasan yang munasabah.

Saya rasa, ini adalah satu perkara yang mendukacitakan kerana haruslah kita faham bahawa apabila seseorang peguam melakukan tanggungjawabnya sebagai seorang peguam, dia sentiasa mempunyai tanggungjawab kepada anak guamnya untuk memastikan bahawa segala prosedur jenayah dan juga segala undang-undang yang berkenaan dengan jenayah dan tahanan beliau, suspek beliau, haruslah dipatuhi dengan sepenuhnya.

Pada masa yang sama saya tidak mempersalahkan PDRM secara menyeluruh tetapi saya mempersalahkan segelintir kecil anggota-anggota yang tertentu yang tidak faham dengan konsep asas ini. Dalam satu sistem demokrasi yang mana apabila kita cuba menyelesaikan jenayah-jenayah dalam negara kita tapi haruslah kita memberi tumpuan juga kepada hak asasi manusia. Inilah perkara yang ingin saya ketengahkan kerana ini adalah satu konsep yang tidak betul, yang tidak wajar wujud kerana apabila kita mengatakan pembangunan negara kita, *human capital development* dan sebagainya, saya rasa bukan sahaja semata-mata pembangunan dari segi infrastruktur ataupun dari segi fizikal pembangunan negara kita.

Sebenarnya pembangunan ia bermaksud pemikiran, sivik rakyat kita mesti ada juga. Jika hanya wujud pembangunan fizikal dan juga infrastruktur tetapi tidak wujudnya satu kemajuan dari segi fikiran sivik, saya rasa negara kita tidak boleh dianggap sebuah negara yang maju dalam golongan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya, apabila kita ingin meminda sesuatu undang-undang adalah jelasnya bahawa Majlis Peguam Malaysia dan juga ahli-ahli dalam Malaysian Bar, sebenarnya mempunyai *on the ground information*. Apa yang saya katakan *on the ground information* ialah mereka mempunyai maklumat dan juga pengalaman secara langsung, *first hand*, yang mana apabila apa juga pindaan undang-undang yang telah pun dilakukan pihak peguam sentiasanya mempunyai kepekaan yang lebih daripada orang lain, kerana kepekaan itulah yang sentiasa akan memberikan satu pandangan yang mungkin terlepas pandang oleh pihak kerajaan.

Saya berikan satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita meminda undang-undang dalam tahun 1999 ke atas Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961, kita telah pun memasukkan dalam seksyen 5 dalam Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 ini satu peruntukan yang menyatakan wujudnya *equality of parental rights* iaitu ibu telah pun diberikan kuasa yang sama dengan bapa ke atas isu-isu penjagaan kanak-kanak yang di bawah 21 tahun ke atas isu kebajikan kanak-kanak dan juga ke atas isu-isu yang

melibatkan *upbringing* iaitu tumbesaran kanak-kanak itu, dan kita telah memberikan satu kuasa yang sama kepada bapa dan ibu juga.

Ini merupakan satu kemajuan dari segi fikiran rakyat kita tetapi pada masa yang sama kita telah tersilap juga, kita tidak meminda satu peruntukan yang agak *corresponding*, yang sama di dalam Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976. Saya difahamkan bahawa di bawah seksyen 12 Akta Pembaharuan Undang-undang ini yang mewajibkan seseorang yang berumur 21 tahun, jika dia ingin berkahwin dia haruslah mendapat persetujuan daripada bapanya, tetapi baru-baru ini ada seorang warga yang melawat pejabat saya menyatakan dia ada masalah besar sebab dia tidak boleh membuktikan bahawa bapanya telah pun meninggal, tetapi bapanya telah pun lari ke tempat lain. Sebab itu, ibunya yang ada, tidak boleh memberi persetujuan.

Saya rasa ini adalah satu contoh yang klasik, yang mana jika kita tidak mengambil pandangan daripada Majlis Peguam Malaysia, saya rasa apa jua pindaan yang kita buat mungkin ada tersilap pandang ataupun ada tempat-tempat yang mana kita terlepas pandang. Jika ada *consultation* diberikan kepada Majlis Peguam Malaysia, saya rasa peguam-peguam yang beramal dalam undang-undang keluarga ini, mereka akan membangkitkan isu ini dan tidak perlulah apabila kita menghadapi sesuatu masalah yang dibangkitkan oleh warga kita sendiri barulah kita tahu bahawa wujudnya satu peruntukan lagi yang belum kita dapat pinda untuk memberikan hasrat dan juga niat iaitu *equality of parental rights*.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah supaya dalam apa jua proses pindaan yang melibatkan undang-undang Malaysia, saya rasa sekurang-kurangnya satu pandangan *consultation*, dengan izin, haruslah diberikan kepada Majlis Peguam Malaysia, iaitu peguam-peguam yang mengamalkan undang-undang di dalam negara kita kerana peguam-peguam inilah yang sentiasa mempunyai kepekaan yang tinggi, mempunyai kelayakan dan juga pandangan yang mungkin terlepas pandang oleh pihak-pihak AG Chambers dan sebagainya.

Selanjutnya dalam isu pelantikan hakim, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu jawapan telah pun diberikan oleh pihak kerajaan bahawa mereka tidak akan mengambil kira pandangan daripada Majlis Peguam Malaysia. Saya rasa ini satu jawapan yang walaupun saya hormati pandangan yang diberikan, tetapi saya tidak bersetuju kerana saya rasa yang penting sekali, Majlis Peguam Malaysia haruslah diberi satu kedudukan atau *position*, yang mana mereka haruslah diajak untuk memberikan pandangan mereka ke atas isu pelantikan hakim-hakim dalam negara kita.

Sebabnya hanya satu sahaja yang *simple*, yang senang sahaja iaitu peguam-peguam merupakan orang-orang yang paling peka sekali dalam sistem kehakiman kerana jika tidak wujudnya peguam-peguam dalam negara kita maka tidak mungkin wujud juga satu sistem kehakiman yang sempurna kerana dalam negara kita, kita mengamalkan satu sistem *adversarial system* yang mana kita memerlukan peguam-peguam daripada kedua-dua pihak dan dengan seorang hakim yang bijaksana, yang juga seorang hakim yang juga berkahari untuk menghakimi sesuatu masalah undang-undang.

Saya rasa jika kita asyik mengatakan hakim berasa tertekan di dalam keadaan yang mana mereka takut akan mengecewakan mana-mana peguam dan telah pun menjejaskan peluang naik pangkat, saya rasa itu adalah pandangan yang tidak betul kerana setiap hari kita haruslah berdepan dengan beribu-ribu kes dalam negara kita yang mana saya rasa sentiasa pihak kehakiman, hakim-hakim dan juga peguam-peguam, mereka telah pun memberikan perkhidmatan mereka yang terbaik supaya keadilan dicapai dan saya berharap supaya pihak kerajaan akan meninjau semula bahawa wujudnya satu sistem, satu susun lapis yang mana Majlis Peguam Malaysia haruslah diberi satu kedudukan untuk memberikan pandangan Majlis Peguam Malaysia apabila wujudnya apa-apa isu yang melibatkan perlantikan hakim dalam negara kita.

Saya percaya walaupun pandangan yang diberikan oleh Majlis Peguam Malaysia mungkin bukan satu pandangan yang tunggal dan mungkin bukan satu pandangan yang dapat menentukan tetapi apa yang saya cuba ketengahkan kepada Dewan ini ialah

sekurang-kurangnya satu *voice*, satu pandangan haruslah diberikan oleh Majlis Peguam Malaysia kerana di semua negara yang maju.

Saya rasa telah pun wujud satu sistem yang baik, yang mana *the players* iaitu pihak-pihak yang terlibat dalam sistem kehakiman ini, semuanya telah pun diberi peluang untuk memberikan pandangan dan saya rasa dengan kepintaran dan juga kematangan Majlis Peguam Malaysia yang telah pun wujud selama ini, yang saya percaya akan berterusan dan pandangan itu adalah satu pandangan yang berharga dan setuju ataupun tidak setuju itu perkara lain tetapi yang penting sekali ialah pandangan haruslah diberikan dan juga satu sistem yang dapat kita memastikan ia adalah satu sistem yang penuh dengan ketelusan, satu sistem yang penuh dengan penglibatan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat.

12.33 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang yang dicadangkan di bawa ke Dewan Rakyat ini adalah satu rang undang-undang yang patut di bawa beberapa masa yang lalu. Akan tetapi saya berpendapat walaupun lambat ini adalah satu *direction* yang bagus. Yang mustahak sekali ialah majlis atau Badan Peguam Malaysia ini yang objektifnya ialah pertama dengan izin saya baca; "(a) *To uphold the cause of justice without regard to its own interests or that of its members, uninfluenced by fear of favour*".

Saya dengan bangganya berkata bahawa Majlis Peguam Malaysia telah menjalankan tugasnya tidak memilih atau tidak memihak mana-mana pihak sejak ia ditubuhkan dan ia adalah satu perkara yang bagus walaupun Perdana Menteri dahulu telah mengatakan dengan izin, dia mengatakan ini; "*Hang all lawyers and hang all judges*". Dia tidak sependapat dengan banyak pandangan yang dibuat oleh Majlis Peguam Malaysia dan terlupa bahawa mereka wajib mengambil pandangan yang mungkin bertentangan dengan kerajaan yang memerintah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tidak ada menteri berkenaan atau timbalan menteri, adakah ia akan ditangguh supaya mereka akan berada di sini dan mengambil dengan serius untuk menjawab apa-apa perkara yang dibangkitkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh jawab...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada..., adakah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ada beritahu, adakah pegawai atau adakah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pegawai mana, ada?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Menteri atau timbalan menteri ada di sini?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Hantu ada?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hantu sahaja ada?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini semua pegawai kerajaan sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Nampaknya mereka tidak serius Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak payah Menteri!.... [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini melepaskan satu peluang.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan menteri yang bertanggungjawab kepada rang undang-undang ini mendengar semua hujah di pejabat luar.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mana-mana, mana, mana Yang Berhormat, Yang Berhormat akan mengambil bahagian untuk menjawab?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak. Menteri yang bertanggungjawab, sedang mengambil catatan dan pegawai-pegawai kita di sini semua di luar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan M.Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mana, mana itu menteri, menteri berkenaan?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia mendengar, dia mendengar, dia mendengar.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, menteri mana?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mana menteri, mana percaya, bukannya kewajipan beliau

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sila.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat saya pohon penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri kata, Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab ini yang berkenaan rang undang-undang ini mendengar di pejabat luar, sekarang mesyuarat, di mana? Di dalam Dewan Rakyat ini dan bukan di luar dan apakah Perdana Menteri ini kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pergi cuti kerana masalah kesihatannya, semua pun ambil kesempatan untuk curi tulang.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini sangat serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu anggapan, anggapan Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita mahu jadi *first world Parliament* tetapi menteri mesyuarat dalam Dewan ini dia kata, dia sekarang ambil nota-nota di pejabat luar dan tolak tanggungjawab kepada pegawai-pegawai kerajaan, bagaimana boleh menjadi teladan yang baik...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, serius ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini sudah serius dan juga mungkin ini ambil kesempatan. Yang Amat Berhormat pergi cuti, yang lain-lain semua curi tulang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu curi tulang?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Nampaknya ini adalah satu perkara yang disalurkan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu curi tulang, apa itu curi tulang?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat **bagi** Batu Gajah ini serius.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jaminannya ialah semua yang dibangkitkan itu akan diambil perhatian, pegawai kita ada di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Akan dijawab!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan menteri, menteri tidak ada di sini. Adakah sebab-sebab yang tertentu beliau tidak ada di sini?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia ada urusan di luar, di dalam bangunan, dia dalam bangunan, ada urusan di luar sahaja dan kita dengar semua apa yang disampaikan ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan....., apa sebab dia tidak ada di sini?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita membahas rang undang-undang yang berkaitan dengan apa yang beliau telah...

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak payah susah, semua didengar.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Sorry?*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Semua yang dibangkitkan dicatit dan sedang dikaji dan pihak Yang Berhormat Menteri pun dalam bangunan ini Yang Berhormat, dia akan masuk sebentar lagi, dia ada.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukankah..., dia hendak jadi menteri, dia hendak lawan dengan Perdana Menteri yang dahulu, cakap dengan kuat tetapi apabila perkara-perkara yang perlu dibahas dan perlu dibuat, tanggungjawab beliau.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tanggungjawabnya tidak jalan!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Nampaknya dia telah menghantar satu menteri yang lain, untuk menjaga...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk mempertahankan.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mempertahankan.....

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: *We are watching brief* juga, terima kasih!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ambil gaji menteri tetapi buat kerja pegawai!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nak jadi *watching brief*... *[Ketawa]* Tidak boleh cakap lah, *watching brief*!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri ini tidak boleh diterima. Patut menteri dan timbalan menteri berada di sini, sekurang-kurangnya menunjukkan mereka serius dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah teruskan ucapan dan tunggu jawapan nanti.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, jawapan dari hantu macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hantu mana boleh jawab?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Siapa? Itulah saya hairan, adakah kita bahas macam suka-suka bahas dan selepas itu mengharap satu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya tidak nampak juga suka-suka bahas, saya ikut juga ucapan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, satu di antaranya prinsipnya ialah bahas satu. Jawapan, apabila beliau membentangkan rang undang-undang kita semua berada di sini supaya kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak apalah nanti dia akan jawab, tidak puas hati boleh minta penjelasan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini, ini jawapan pegawai, dia sendiri tidak ada tengah hari ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu yang kkuatir Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, ada kawan-kawan tolong dia.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Atau mungkin dia tidak tahu jawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kawan dia daripada Jabatan Perdana Menteri pun ada di sini juga.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mungkin dia...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Nanti dia duduk di sini ya? Kita bantu dia jawab, faham, faham...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu tidak tahu boleh sampai kah, itu saya tidak tahulah... [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya katakan ini ialah badan-badan peguam. Tentang beberapa isu-isu yang bertentangan dengan pendirian kerajaan telah diambil dan kerap kali perkara-perkara yang kerajaan tidak senang hati.

Di antaranya ialah perkara-perkara Majlis Peguam mengenai isu-isu ISA, isu-isu badan kehakiman, perliantikan, promosi beberapa hakim-hakim yang disuarakan oleh Majlis Peguam tidak diterima oleh kerajaan. Akan tetapi ini adalah pendirian yang patut dibuat oleh satu-satu badan. Lebih-lebih lagi, Badan Peguam. Baru-baru ini, sentimennya telah berubah dan nampaknya ada sentimen yang bagus di mana kita nampak baru-baru ini, minggu dahulu, menteri yang *in charge* kepada undang-undang telah pergi kepada Majlis Peguam dan melancarkan satu naskhah sistem baru tangkap, *red book*. Hak-hak seorang warganegara, hak-hak seorang manusia bila disoal atau diseksa oleh pihak polis. Ini adalah satu yang bagus.

Saya rasa, patut mengiktiraf penglibatan seorang menteri dalam fungsi-fungsi Badan Peguam tetapi rang undang-undang yang dicadangkan yang membawa perubahan seksyen 64 mengenai kuorum dan 46(1)(a) mengenai peguam-peguam yang kurang dari 7 tahun yang sekarang selepas perubahan ini akan memberi ruangan kepada mereka untuk melibatkan dalam Majlis Peguam terus-menerus dengan boleh dilantik, boleh dipilih menjadi ahli menerajui Majlis Peguam.

Hari ini kita ada Pengerusi Majlis Peguam, Encik Yeoh Yang Poh yang berada di sini dengan beberapa Ahli-ahli Jawatankuasa yang menunjukkan keseriusan mereka dan saya sangat berterima kasih dengan Encik Yeoh yang menjadi Presiden *Bar* ini telah membawa Majlis Badan kepada satu arena yang bagus ke tahap yang tinggi dan juga tidak berapa lama dahulu, lebih kurang setahun dahulu. Kita kalau ada perbincangan Ahli-ahli Parlimen dengan menteri yang *in charge of* undang-undang. Dengan Majlis Peguam di Parlimen sendiri dan di perbincangan di sana, beberapa perkara telah dibangkit. Di antaranya ialah mengenai isu kuorum dan Seksyen 46(1)(a) tetapi yang mustahak sekali, adalah keengganan...

Tuan Haji Ismail bin Haji Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengenai pindaan 46A di mana membolehkan mana-mana peguam menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Peguam dan juga jawatankuasa, syarat tujuh tahun tersebut dihapuskan. Soalan saya, amalnya sekarang ini, peguam yang tidak praktis selama tujuh tahun tidak boleh menjadi guru atau *master* bagi *chambering student*. Apakah pandangan Yang Berhormat supaya syarat tujuh tahun untuk menjadi *Master* mengambil *chambering student* juga dihapuskan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih kepada soalan yang dibangkitkan. Pada pandangan saya, saya tidak setuju. Saya berpendapat bahawa sekurang-kurangnya, kita perlukan tujuh tahun ditafsir sebagai *senior* supaya dia dapat menunjuk ajar kepada *pupil* dia, semasa dia berada di *chambers* dan ini adalah satu perkara amalan yang bagus dan kalau kita seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, kalau kita hapuskan perkara itu, itu akan membawa satu sistem di mana peguam-peguam yang tidak ada pengalaman yang cukup dalam arena kerja mereka menjadi satu macam guru kepada *pupils* yang ada. Saya rasa ini adalah yang tidak baik, pada pandangan saya.

Saya sendiri telah ada beberapa *pupil* dalam beberapa tahun dan semestinya peguam-peguam di sini pun setuju kepada pandangan saya bahawa ini adalah tidak baik dan amalan yang sedia ada patut dijalankan iaitu sekurang-kurangnya seorang peguam yang bertauliah. Bertauliah untuk tujuh tahun baru dia boleh dibenarkan untuk mengambil seorang peguam pelatih untuk menjalankan *chambering* nya dengan peguam tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu yang telah saya bangkitkan, saya telah membangkitkan tahun dahulu dengan Menteri Padang Rengas di mana beliau telah memberitahu di Dewan ini bahawa beliau bersetuju dengan saya bahawa Rang Undang-undang 46(1)(b) dan (c) iaitu yang menyekat seseorang yang menjadi Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau *Local Counselor* dan atau seorang anggota Kongres Pekerja dihadkan untuk melibatkan dalam Majlis Peguam setakat untuk dipilih dan sebagainya.

Tahun dahulu menteri telah berkata, dan memberi syor dan telah bercakap di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dia bersetuju dengan saya bahawa ini perlu memberi, membawa perubahan. Dia pun tak faham kenapa ada sekatan-sekatan ini yang melarang Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undang Negeri dan lain-lain orang. Satu kelas yang unik untuk terlibat dalam Majlis Peguam.

Akan tetapi nampaknya bila rang undang-undang ini dibentangkan pada hari Khamis dahulu, perkara ini telah dilupakan dan saya harap saya telah membawa, saya telah mencadangkan untuk memansuhkan 46(1)(b) dan (c).

Saya harap kerajaan akan memikir dan bersetuju untuk mengambil apakah yang saya telah katakan dan apa yang telah dipersetujui oleh menteri ini sendiri, tahun dahulu. Harap-harap, kali ini perkara yang membawa sekatan-sekatan yang tidak perlu, tidak munasabah langsung dapat dimansuhkan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seperti yang diperkatakan Bukit Gelugor, mengenai peguam Cherie Blair di mana ada peruntukan dari segi undang-undang 18(1) di Rang Undang-undang Peguam.

Saya berpendapat, dan pendapat ini adalah di mana jika seseorang ingin memilih seseorang peguam, dia patut diberi, diberi kebenaran untuk memilih peguam yang baik sekali dalam dunia ini jika dia perlukan. Sekatan-sekatan yang sedia ada patut tidak boleh diterima walaupun Majlis Peguam, Peguam Negara dan Peguam yang bertentangan dalam kes *Metramac* ini telah mengatakan kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan, mereka tidak setuju untuk membenarkan Cherie Blair ini untuk menjadi sebagai satu peguam dalam kes ini.

Pertentangan mereka dan Mahkamah Persekutuan bila membuat satu keputusan telah mengatakan bahawa Cherie Blair ini mengadakan kualifikasi-kualifikasi yang tertentu. Mereka mengiktiraf. Kita semua tahu dia bukan seorang peguam yang biasa, dia peguam yang luar biasa. Kelayakan '*Queens Counsel*', *Vice Chancellor* kepada universiti, ada pengalaman yang banyak di arena di *European Union Law*, undang-undang pekerja dan juga untuk dia telah membawa kes-kes yang sangat mustahak di negara Britain berkaitan dengan hak-hak orang Muslim dan sebagainya.

Dia diiktiraf bahawa dia seorang peguam yang berpengalaman yang patut boleh diguna '*her expertise*' dengan izin. '*Expertise*' boleh dipakai dalam negara, kepakarannya boleh dipakai dalam negara ini. Akan tetapi, akan tetapi Mahkamah Persekutuan bersetuju dengan Mahkamah Tinggi mengatakan bahawa kita ada peguam-peguam yang juga ada kepakaran yang tertentu, maka permintaan itu telah ditolak. Saya rasa ini, ini adalah satu tanda yang tidak baik.

Satu Amalan yang tidak boleh diterima dan sekatan yang sedia ada yang diberi kepada Majlis Peguam di seksyen 18 patut di *review*. Saya kata sedemikian ini kerana dalam arena globalisasi sekarang di mana kerajaan dan rakyat juga ramai yang pergi ke luar negeri untuk bekerja dan ingin mengamal beberapa macam jurusan mereka. Peguam-peguam negara kita boleh mengamal di Brunei, tidak apa-apa sekatan jika mengikut undang-undang di sana dan apakah sebabnya kita perlu ada sekatan-sekatan seperti ini. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa bukan sahaja review dalam undang-undang ini perlu diadakan tetapi juga memberi satu *certain thing* dalam hal ini supaya pihak-pihak yang ingin mengambil peguam diberi satu peluang untuk mengambil satu peguam yang baik sekali, pilihan mereka, *choice of the individual*, dengan izin. Bukan *choice of the state* atau pilihan oleh badan-badan yang tertentu. Ini adalah satu amalan yang tidak baik.

Baru-baru ini beliau datang ke negara ini telah membawa banyak publisiti dan apakah akan difahamkan oleh *the legal activity dan* masyarakat orang ramai. Bukan sahaja

di negara ini daripada negara luar. Apakah yang tertentu yang memberi kuasa atau kuasa yang terlampau hingga mengikat seseorang peguam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak mencelah sedikitlah. Apabila menyatakan diberi peluang kepada peguam-peguam yang terbaik di seluruh dunia, bagaimanakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan peguam-peguam yang ada di negara kita. Kalau diberi peluang, kalau saya pun diberi peluang, saya mungkin ambil yang terbaik di dunia. Peguam-peguam di negara kita sendiri, bagaimana kedudukan mereka? Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Saya rasa satu perkara yang mustahak yang kita perlu faham. Nombor satu, kelulusan seorang peguam. Kalau dia baik, kalau dia ada kelulusan yang tertentu mengikut undang-undang kalau dia pratikkannya bukankah kalau dia baik, dia pandai, cerdik dan dia boleh mewakili seseorang, patut dibenarkan tetapi jangan kita menyekat, menyekat kepakaran dan bukankah yang mustahak sekali adalah menyekat dengan izin, *the interest of individual, a litigant* untuk memilih peguam yang terbaik kenapa perkara sedemikian sedikit dan...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Saya hendak minta, bukan apa. Kita ada 12,000 lebih peguam. Peluang mereka ini macam mana? Kalau diambil yang luar, bagaimanakah mereka, pendapatan mereka. Saya mintalah yang itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan kita kluatir kalau ada peguam-peguam di luar negara datang ke negara ini kerana peguam-peguam kita pun pergi ke luar negara. Itulah saya kata dalam arena globalisasi jangan kita menyekat perkara macam ini. *We don't be stringent* dalam perkara ini dan bila peguam-peguam luar negeri datang pun bukan dia hendak pergi ke Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan sebagainya. Hanya di mahkamah-mahkamah mungkin di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan dan mereka perlu bayar yuran-yuran yang saya rasa mungkin dalam jutaan. Bukan semua orang boleh mendapat kepakaran atau memilih peguam-peguam ini.

Itu ada *the bulletin* dengan izin, *the bulletin system* dalam *market forces* dan akan ada *cut off* dalam perkara ini dan kita tidak perlu kluatir. Yang kita kluatir adalah bukankah seseorang *litigant* patut diberi kebebasan untuk memilih peguam yang dia perlukan. Kenapa kerajaan atau Majlis Peguam atau badan-badan lain membantah, menyekat pemilihan seseorang peguamnya sendiri dan saya rasa ini sistem yang sedia ada ini patut ada satu *review* dengan seberapa awal yang boleh.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, bila Cherie Blair pun datang ke negara ini, satu di antaranya membawa sangat banyak publisiti. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bahawa itu bawa publisiti negatif dan positif. Di antaranya apakah dia perlu diberi beberapa *outriders* dan kereta-kereta, saya difahamkan banyak *ancillary factors* telah diberi dan beratus-ratus ribu wang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk *security* beliau.

Adakah ini perlu memandangkan ini adalah satu kes *private*. Dan Cherie Blair ini bukan satu peguam yang biasa. Luar biasa kerana bila beliau memberi satu *speech* dalam hal di sini, lebih satu ribu orang di antaranya profesor-profesor telah menghadiri dalam persidangan tersebut dan saya difahamkan oleh *the English Guardian* bahawa beliau dengan izin, "*local legal establishment queued to hear her deliver a lecture about the role of the judiciary, an event organised by a leading member of the country's royal family.*" Ini adalah satu yang kita boleh *tabs* kalau dia berada dan diberi peluang untuk menjalankan tugas sebagai seorang peguam di negara ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan baru-baru ini ada beberapa pandangan yang telah disalurkan oleh Majlis Peguam, oleh hakim-hakim mengenai perlunya penubuhan satu *Judicial Commission* dalam negara ini. Apakah perlu kita satu *Judicial Commission*, kenapa kita perlu?

Yang kita semua tahu bahawa pelantikan hakim-hakim di negara ini nampaknya tidak telus, tidak *transparent* dan kita tidak tahu proses di mana mereka dipilih dan kenapa mereka-mereka dipilih? Saya ingin petik apakah yang telah dikatakan oleh Peguam Negara yang dahulu, Tan Sri Abu Taib di *Mingguan Malaysia* dengan izin, dia kata sedemikian, "saya ada diminta memberikan pandangan mengenai beberapa orang yang dicadangkan mahu dilantik sebagai hakim dan lepas saya memberi pandangan, mereka itu tidak jadi dilantik tetapi apabila saya bersara, nampaknya mereka ini telah dilantik dan sekarang menduduki tempat yang sangat tinggi".

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena kerana kalau seseorang Peguam Negara, bekas Peguam Negara yang memegang satu jawatan yang tertinggi di negara ini mengatakan bahawa proses di mana dia telah memberi bantahan terhadap beberapa orang dipilih sebagai hakim dan bila beliau bersara, nampaknya bukan sahaja orang-orang ini dipilih sebagai jadi hakim tetapi menduduki tempat-tempat yang tertinggi di negara ini.

Saya khuatirlah sistem yang sedia ada ini bukan sahaja tidak boleh terima tetapi perlu ada satu ubahsuai, satu *review* dalam sistem ini. Di antaranya adalah sistem *appointment*, *selection* dan *promotion*. Kita tahu beberapa hakim yang telah berada di beberapa yang telah dilantik dan bertugas sebagai hakim di Mahkamah Tinggi atau di Mahkamah Rayuan tidak dinaikkan, tidak ada apa-apa promosi, *no promotion* langsung kerana ada *team A*, *team B* dalam *judiciary* dengan izin. Ini adalah perkara yang boleh dielakkan jika kita menubuhkan satu *Judicial Commission* di mana semua transparansi di mana macam di Amerika dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana dikatakan ada *Wisconsin Judicial Commission* dengan izin saya baca, "*their task is to enforce high standards of judicial behavior, both on and off the bench, without compromising judicial independence. They strive to maintain public confidence in the judiciary by providing a forum for the expeditious and fair disposition of complaints of judicial misconduct and disability*"....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh sambung?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh-boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

2.32 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingin mengutarakan perkara berbangkit dengan penubuhan satu *judicial commission* di mana hakim-hakim bukan sahaja kita ketahui proses di mana mereka dilantik tetapi juga di mana mereka di naikkan pangkat, ditukar ke lain-lain mahkamah. Ingin saya beritahu juga Tuan Yang di-Pertua bahawa beberapa negara di rantau ini di antaranya negara-negara seperti Sri Lanka, Thailand, Indonesia, Hong Kong dan juga di England telah ada beberapa *judicial commission* tidak luar biasa.

Di antaranya adalah dengan ada kuasa-kuasa untuk menukar atau meminda atau menukar hakim-hakim pelantikan, *promotion* dan apa-apa tindakan disiplin yang perlu diambil akan dijalankan oleh *judicial service commission* dan inilah perkara yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan memandangkan bahawa khalayak ramai berpendapat bahawa sistem yang sedia ada di negara ini sekarang nampaknya tidak telus dan tidak

beberapa *transparent* di mana pelantikan, cara dan kriteria yang digunakan dalam pelantikan seseorang hakim.

Saya tahu bahawa beberapa kali menteri telah memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan *commission* seperti ini tetapi masa sudah datang dalam arena globalisasi di mana semua isu-isu *transparency* menjadi satu hal yang sangat mustahak. Perkara ini perlu diambil kira dan yang mustahak adalah yang dikatakan oleh Peguam Negara yang dahulu Tan Sri Abu Talib di mana beliau dalam *interview* telah mengatakan bahawa bila dia membantah pelantikan seseorang menjadi hakim selepas dia bersara, orang-orang yang dia telah bantah telah dilantik sebagai hakim dan bukan sahaja hakim di Mahkamah Tinggi tetapi mereka telah dinaikkan pangkat di mahkamah-mahkamah lain. Justeru, dalam hal ini siapakah hakim-hakim tersebut? Itu perkara mustahak yang perlu kita tahu dan kita tidak boleh lupa apa yang dikatakan hakim yang terpaksa meletakkan jawatan Syed Ahmad Aidid pada tahun 1996.

Beliau dikatakan telah menulis satu surat kepada Hakim Besar pada masa itu Tun Mohd Eusoff Chin di mana beliau telah senaraikan dengan terperinci nama-nama 12 hakim yang terlibat dikatakan ada hal-hal korupsi yang mereka terlibat. Apakah tindakan yang telah diambil? Bila perkara itu dibangkitkan baru-baru ini di *interview* yang telah diberikan oleh *New Straits Times* perkara ini telah terbangkit dan ramai rakyat Malaysia yang ingin tahu apakah perkara ini telah ditutup balik. Baru-baru ini menteri dan juga Tun Mohd Eusoff Chin telah katakan "*Oh! Its settles, matter is close*". Saya rasa ini itu perkara yang tidak boleh diterima. Yang mustahak sekali adalah di antara 12 hakim saya difahamkan ada hakim-hakim itu sedang berkhidmat di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Di manakah kepercayaan kepada sistem kehakiman. Ini akan menjadi satu *dent* kepada kehakiman di negara ini.

Kita perlu ada satu sistem yang mana *transparent*, tidak perlu ada, tidak perlu kompromi dengan hakim-hakim ini. Saya katakan dengan tegas bahawa kemungkinan besar 12 hakim ini terlibat bukan sahaja kerana surat yang tertulis oleh hakim bersara, Hakim Syed Ahmad Aidid, tetapi yang mustahak sekali adalah bila beliau baru-baru ini telah beritahu bahawa beliau telah berjumpa beberapa tahun lalu dengan bekas Peguam Negara Datuk Mokhtar Abdullah, di mana beliau telah tanya kepada dia adakah pada masa penyiasatan dibuat oleh ACA dan badan-badan yang lain keputusan yang telah diambil untuk tidak mengambil tindakan terhadap kedua-dua belas hakim ini. Adakah dengan izin "*was there a pistol on your neck?*". Bila ditanya oleh *justice* Datuk Syed Ahmad Aidid, jawapan oleh Datuk Mokhtar Abdullah ialah di izin "*bukan pistol, canon yang ada on my neck*".

Menunjukkan satu yang tidak senang hatilah. Saya rasa sangat macam tidak boleh dipercayai bahawa ACA dan badan-badan lain telah menjalankan tugas-tugas yang sangat maha mustahak ini dengan betul. Itulah yang dikatakan oleh bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib juga bahawa kemungkinan besar pegawai-pegawai yang menjalankan tugas, tidak menjalankan tugas dengan ikhlas. Saya pohonlah agar kerajaan meneliti bahawa ada satu situasi di mana ketegangan, ketidakpercayaan kepada badan kehakiman di negara ini perlu masa sudah datang untuk menubuhkan satu *Royal Commission Of Enquiry* dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, mana hakim-hakim di negara ini yang kita boleh ingat sejak merdeka. Nama-nama hakim yang betul-betul macam di England kalau kita katakan Lord Danin dan sebagainya. Di negara ini kita boleh ingat lagi Sultan Perak Tun Sufian, Yusof Abdul Kadir, Datuk Peh Swee Chin tetapi hakim-hakim hari ini bukan *setanding* dengan hakim-hakim dulu. Apa terjadi pada badan penghakiman ini? Saya rasa *there something rotten*, bukan sahaja di Denmark House seperti yang dikatakan oleh satu hakim dulu tetapi *something is rotten* dalam sistem penghakiman di negara ini. Jika diadakan satu *Royal Commission of Enquiry* untuk menyiasat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sri Aman bangun. Bagi jalan, Yang Berhormat Sri Aman sila.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat, awal tahun ini kita mendengar seorang *fresh graduate* tidak akan dilantik sebagai majistret kalau tidak ada pengalaman lapan tahun dahulu tetapi baru-baru ini kita mendengar di Kota Bharu seorang *fresh graduate* terus dilantik sebagai majistret. Adakah ini termasuk dalam hujah-hujah Yang Berhormat pada hari ini dan apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Aman ini membangkitkan perkara yang bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan Yang Berhormat bagi Bukit Aman Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya selalu ingat polis sahaja, kita khuatiri, saya akan cakap sedikit mengenai pihak polis dan peguam selepas ini. Yang Berhormat bagi Sri Aman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa perkara itu satu perkara yang walaupun bukan khusus dengan apa yang saya kata mengenai pelantikan hakim-hakim. Bila saya kata, bahas mengenai pelantikan hakim adalah tertumpu kepada hakim-hakim di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan tetapi mengenai Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya setuju, ini perkara yang sangat serius, kita telah bagi tahu kepada Peguam Negara, menteri telah memberi pandangan beliau bahawa tidak ada majistret-majistret yang baru keluar dari universiti yang berumur 22 tahun, 23 tahun dilantik menjadi hakim, menjadi majistret di Mahkamah Majistret. Saya rasa ini satu perkara yang patut diberhentikan...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap Yang Berhormat bagi Puchong..., *let me finish it*. Patut diberhentikan, dan patut sistem yang macam di England diguna pakai. Di England seorang majistret dilantik selepas tujuh tahun berkhidmat di sistem, sistem dia ada *stipendiary magistrate* dan sebagainya. Kenapa kita tidak boleh ada satu sistem sebagainya.

Saya ingat lagi Tuan Yang di-Pertua pada tahun 1982, bila saya keluar sebagai peguam, masa itu kita tidak cukup majistret-majistret di negara ini, sehingga kerajaan melantik, saya ingat lagi, melantik pegawai-pegawai polis yang berpangkat lebih, pangkat DSP dan atas. Walaupun tidak ada kelayakan perguaman sebagai majistret. Pada masa itu, kami semua digalakkan untuk berkhidmat sebagai seorang majistret. Pada masa itu kerajaan berkata, bahawa orang-orang muda perlu masuk berkhidmat kerana kekurangan, kekurangan peguam-peguam dan kekurangan untuk mengisi tempat-tempat ini tetapi ini telah berubah sekarang. Sekarang kita sudah ada lebih daripada 12,000 orang. Ramai di antara yang ingin berkhidmat dan ingin bekerja sebagai majistret tidak diberi peluang. Ada ramai peguam di negara ini yang lebih dari tujuh tahun, ada ramai yang berkhidmat di *legal service, Judicial Legal Service*, yang lebih dari tujuh tahun yang patut diberi peluang untuk menjadi majistret, mereka lebih matang, dengan izin, lebih *matured* supaya mendapat dengan izin, *dispense justice*, dan ini merupakan satu peluang yang perlu digunakan.

Saya bukan sahaja di Sarawak, baru-baru ini kita nampak di surat khabar, di Kelantan, di Kota Bharu. Baru-baru ini seorang yang baru keluar dari universiti telah dilantik sebagai majistret...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu yang Yang Berhormat bagi Sri Aman cakap tadi Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu saya rasa patut diberhentikan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman. Yang Berhormat bagi Puchong bangun dahulu, hendak beri jalan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tadi saya dengar apa yang telah diulas dan juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengenai penubuhan satu *Royal Commission* untuk melantik hakim-hakim dan juga ini ada berkaitan dengan apa yang telah dibangkitkan dalam *New Straits Times* baru-baru ini mengenai satu peguam.

Untuk makluman Yang Berhormat, surat yang telah ditulis oleh beliau adalah surat layang. Bukan surat, *it's* surat layang. Memang saya difahamkan daripada apa yang telah dibangkitkan itu, memang pihak-pihak tertentu telah menjalankan satu penyiasatan, tetapi tidak ada kes. Memang itu satu, saya simpatilah kepada bekas hakim itu, tetapi apa yang saya hendak menanya kepada Yang Berhormat, bahawa kalau kita hendak tubuh *Royal Commission*, siapa yang melantik *Royal Commission* ini?

Bukankah ini Yang di-Pertuan Agong? Pelantikan hakim sekarang pun, mengikut Perlembagaan kita, dilantik oleh Agong dengan *recommendation* daripada mungkin Perdana Menteri. Apakah beza dia, apakah *effect* dia dan beza dia, sistem pelantikan sekarang dengan sistem *Royal Commission* yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, boleh saya dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Puchong sudah salah taksir. Pasal itu bila saya kata pelantikan *Royal Commission of Inquiry* itu adalah berkaitan dengan perkara-perkara berbangkit dengan penyelewengan di badan kehakiman, di mana hakim menulis satu surat, pada masa itu, dan sekarang juga tidak ada satu akta untuk melindungi *whistle-blowers* dalam negara ini. Di mana dia menjadi *innocent*, orang-orang *innocent* disalahkan. Dan menjadi, *the accuser become the accused*, itu yang menjadi perkara dalam hal ini.

Royal Commission of Inquiry adalah pada pandangan saya, cadangan saya, adalah untuk menyasat balik mengenai perkara ini. Ini yang mustahak. Mengenai *Judicial Commission* yang saya katakan itu adalah satu cadangan di mana kerajaan patut menubuhkan..., untuk taksir semua pelantikan dalam negara ini dengan izin, *selection, appointment and transfer*. Itu untuk *Judicial Commission*.

Tetapi untuk perkara-perkara di mana yang dikatakan oleh hakim bersara, hakim yang terpaksa bersara telah meletakkan jawatan, Syed Aidid, di mana beliau kata bukan... dia terpaksa bukan sahaja meletakkan jawatan, dia kata selepas meletak jawatan dia kehilangan pencen dan dia kata dengan perkataan dia sendiri, dengan izin, *I become the invisible man to Malaysian*, bila dia pergi ke mana-mana, orang tidak mahu cakap dengan beliau, kerana dia adalah macam ada sakit kulit, atau seseorang yang tidak boleh, macam biadab. Ini adalah perkara... kerana dia berani berdiri, berani berkata sesuatu yang betul.

Yang mustahak di dalam ini untuk menyelesaikan perkara ini, kerajaan tidak boleh melepaskan tanggungjawab, tetapi semestinya menubuhkan satu *Royal Commission of Inquiry* untuk memberi satu kepercayaan, untuk membawa satu kepercayaan kepada Sistem Perbadanan Kehakiman di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, ini saya tidak sependapat dengan Badan Peguam, iaitu *No Discount Rule* oleh Tuan Yang di-Pertua. Ini berkaitan dengan peguam juga, kerana apa-apa regulasi-regulasi yang dicadangkan, yang dibawa oleh Majlis Peguam di Malaysia, lepas itu dihantar kepada Peguam Negara untuk kelulusan dan baru ia menjadi satu *regulation* yang diiktiraf setelah digazet. Bermakna bahawa lepas Majlis Peguam, walaupun bersetuju kepada apa-apa mereka mahu membuat *rule and regulation*, dia perlu mendapat kebenaran Peguam Negara.

Baru-baru ini Majlis Peguam telah mengatakan patut ada *discount rule* 30% kepada semua transaksi yang terlibat dengan tukar milik tanah, harta benda di negara ini. Akan tetapi dengan satu resolusi yang telah diterima pakai dalam Mesyuarat Agung Majlis

Peguam di negara ini, telah menghalang dan mengatakan tidak boleh ada apa-apa, *no discount rule*. Bermakna tidak ada *discount rule* langsung, jadi kalau kita pergi mendapat khidmat peguam untuk membeli rumah dan sebagainya, walaupun peguam berniat, macam saya, saya berniat untuk memberi *discount* tetapi tidak boleh, kalau saya beri, 'Encik Yeow' yang ada mungkin ambil tindakan untuk melucutkan lesen saya. Ini hak..., ini satu di antara yang di mana tangan kita terikat, walaupun ini saya rasa satu perkara yang tidak dalam arena globalisasi dan sebagainya.

Saya mahu pandangan dan saya mahu tahu macam mana Peguam Negara dapat setuju dengan syarat-syarat yang diberi oleh Majlis Peguam Negara, di mana *no discount rule* tidak boleh dipakai. Sebelum ini, 10 tahun dahulu ada beberapa senarai-senarai di mana peguam-peguam diberi *discussion* untuk berbincang dengan klien-klien mereka, dan dibenarkan untuk menetapkan satu harga yang boleh disetujui oleh peguam dan boleh disetujui oleh klien mereka tetapi sekarang tidak boleh lagi. Bukankah ini aneh, walaupun peguam-peguam ingin membuat sedemikian...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Sedarkah Yang Berhormat bahawa kerana adanya *no discount rule* ini terdapat peguam-peguam yang ingin mengatasi *no discount* ini dengan tidak mengeluarkan resit-resit apabila menjalankan transaksi ataupun mengutip yuran-yuran daripada anak guam. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa ini akan merosakkan nama baik seseorang peguam apabila masalah berbangkit berhubung dengan tidak keluarnya resit kepada anak guam.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini satu *allegation* yang sangat serius. Nombor satu saya nafikan, saya tidak boleh percaya bahawa ini terjadi di negara ini. Kedua, ramai di antara kita mungkin tidak tahu bahawa Majlis Peguam akan menulis kepada peguam-peguam untuk mengetahui apakah transaksi-transaksi tukar milik yang telah dibuat, tolong hantarkan bil tersebut, tolong hantarkan *statement* akaun, bank akaun tersebut dan resit-resit supaya menunjukkan bahawa jika yuran dikatakan RM10 ribu, yuran peguam berkaitan dengan tukar milik itu, RM10 ribu itu telah dikutip. Isu tidak ada resit itu saya rasa tidak jadi. Kalau jadi, saya tidak tahu. Kalau ada mungkin boleh laporkan kepada Majlis Peguam untuk menyiasat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di beberapa negara seperti di England dan di Singapura dan sebagainya, kita tidak perlu pergi berjumpa dengan peguam untuk menukar hak milik harta benda. Adakah ini satu faktor yang boleh diambil tahu? Apakah ini akan..., *will be investigated, will be taken the account*, dengan izin, supaya transaksi-transaksi..., saya tahu mungkin peguam-peguam meminta penangguhan tetapi satu di antara faktor yang utama pada masa sekarang adalah kekurangan hakim di beberapa mahkamah-mahkamah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu rang undang-undang ini juga membawa satu perubahan menyatakan definisinya mengenai Fakulti Undang-undang di satu universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti termasuk Fakulti Undang-undang di Universiti Teknologi Mara yang ditubuhkan di bawah akta berkaitan dan lain-lain universiti dan Universiti Islam Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah masa sudah datang untuk mengadakan satu peperiksaan yang sama untuk semua peguam di negara ini macam di *Inns of Court* di London, di UK, di mana seseorang boleh memperoleh satu ijazah di *Oxford*, di *Cambridge* atau di mana-mana politeknik atau di mana-mana kolej tetapi bila akhirnya mendapat satu *professional practice Bar at Law* dia perlu masuk di *Inns of Court* menjalankan satu peperiksaan yang sama, tidak beza dan diperiksa oleh pihak berkaitan baru mendapat. Jika ada satu standard yang dia telah perolehi baru dia dapat ijazah profesional tersebut.

Bukankah masa sudah datang. Sekarang kita ada banyak universiti di negara ini yang dikhuatiri standardnya. Kita ada Universiti MARA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan universiti-universiti swasta. Bukankah masa sudah datang supaya

semua universiti ini hanya mengeluarkan satu ijazah untuk tempoh tiga tahun. Selepas itu peguam-peguam yang ingin menjalankan tugas atau menjadi peguam profesional, peguam cara dan peguam bela di negara ini patut diarahkan untuk menduduki satu peperiksaan yang sama seperti yang diamalkan oleh *Certificate of Legal Practice*.

Masa sudah datang supaya kita jangan lari dari tanggungjawab. Ramai di antara masyarakat di negara ini berpendapat bahawa ada peguam-peguam yang dikeluarkan dari beberapa universiti tempatan atau di luar negara pun yang tidak seimbang. Dikatakan standard mereka berbeza-beza. Bukankah masa sudah datang supaya seimbangkan. Jangan kira dia dari Universiti Kebangsaan Malaysia atau UK punya sistem atau dari Australia, dia duduk kemudian dia terpaksa menjalankan satu peperiksaan yang sama.

Ini akan memberi lebih standard kepada profesion tersebut dan akan seimbangkan dan akan juga satu mekanisme di mana ia boleh kontrol berapa peguam yang perlu ada di negara ini. Mungkin masa sudah datang mungkin terlampau banyak peguam di negara ini dapat kontrol macam di Jepun dan di negara Nigeria pun ada satu sistem di mana mekanisme di mana satu peperiksaan yang sama untuk semua peguam, dia tidak kisah dia keluaran dari Nigeria atau dari luar negara. Di sini adalah di antara satu perkara yang perlu diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh mengenai *Disciplinary Board* yang ada di rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada *Legal Profession Discipline Proceeding Investigation Tribunal Committee Rule* tahun 1994 terutamanya Rule 8 di mana dengan izin "*Not with standing the withdrawal of the complain under rule 7 and without prejudice to his right to make a complain on his own motion. The Bar Council or State Committee may if you considers there, is may rid the complain intervene and proceed with the complain and exit was mad of his own motion*".

Tuan Yang di-Pertua, saya harap fasal ini, *Rule Act* ini dikaji balik. Saya rasa ramai di antara kita berpendapat bahawa bila adakah *merit* atau tidak adalah satu keputusan yang patut dibuat oleh *complainer* dan bukan ada *merit* atau tiada *merit*. Ada satu kes perkara bersangkut paut dengan kompelin dan adalah patut dibuat keputusan oleh *complainer* sendiri di jikalau beliau tidak ingin melanjutkan kompelin beliau atau ingin menarik balik kebebasan patut diberikan kepada beliau. Ini patut tidak boleh diambil alih oleh Majlis Peguam atau *State Bar Committee* untuk menjalankan penyiasatan ini. Ini adalah satu perkara yang sangat remeh yang tidak bagus untuk profesion ini dan saya harap ini akan dikaji balik supaya tindakan diambil untuk memansuhkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin juga menyentuh mengenai peguam-peguam di mana kami semua Ahli Majlis Peguam ini terpaksa berkhidmat sebagai *volunteers service legat*, dengan izin. Beberapa tahun dahulu ada cadangan-cadangan telah dibuat bahawa *legat* yang dijalankan bukan oleh kerajaan tetapi *legat* yang dijalankan fungsi-fungsinya sama dengan badan *legat* di kerajaan yang dijalankan oleh Majlis Peguam. Patut bukan sahaja diiktiraf tetapi juga diberi peruntukan-peruntukan yang tertentu di antaranya adalah di mana peguam-peguam yang mewakili pihak-pihak yang tidak ada keupayaan patut baru mereka boleh datang berjumpa untuk mendapat khidmat peguam-peguam.

Dalam situasi tersebut bila kes-kes dibawa kepada mahkamah mereka terpaksa membayar *fee* kepada mahkamah-mahkamah untuk membawa kes-kes ke mahkamah. Saya berharap kerajaan akan memikirkan untuk membawa satu perubahan di mana ini semua dihapuskan. Kita ada sistem yang sama seperti *legat* oleh kerajaan dan satu *legat* oleh Majlis Badan Peguam di mana mereka juga diiktiraf dan diberi kuasa *to act as a legal body to sue and to be sued*, dengan izin, dan juga menjalankan tugas-tugas mereka tanpa apa-apa halangan. Di antaranya jika mereka ada kes-kes untuk pihak-pihak yang tidak berkeupayaan mereka membawa kes-kes ke mahkamah tanpa membayar yuran kepada mahkamah seperti yang sekarang diguna pakai akta-akta yang ada untuk *legat* di negara ini yang dikendalikan oleh kerajaan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, menjadi peguam itu satu dengan izin, *very dignified* profesion. Ini adalah persepsi di antara masyarakat di Malaysia dan di dunia. Untuk menjadi

seorang peguam bukan senang, hendak masuk ke universiti memerlukan mendapat kelulusan yang tinggi semacam kalau menjalankan atau ingin menjadi seorang doktor tetapi sekarang nampaknya ada beberapa *pressure* yang tertentu bila menjadi seorang peguam. Bukan senang lagi untuk menjalankan tugas-tugas dan dalam mengamalkan pengamalan seorang peguam dan di negara ini.

Kita tahu telah membawa satu *emergency motion*, dengan izin, pada 10 Mei di mana saya telah menyenaraikan di mana tiga peguam telah ditangkap semasa menjalankan tugas-tugas mereka sebagai peguam. Mereka ialah Vijayakumar, S. Balasubramaniam dan Rajasingam. Di mana mereka dikatakan semasa pergi ke Balai Polis untuk mewakili pelanggan-pelanggan mereka kerana telah ditangkap dari segi undang-undang atau selainnya. Polis Diraja Malaysia menjadi 'raja' di Malaysia dengan menangkap peguam-peguam ini, simpan mereka di dalam lokap dan dihinakan. Semasa itu bila saya membangkitkan perkara ini Ketua Polis Negara tahu mengenai perkara ini tetapi tindakan susulan tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua telah memberitahu pada hari itu bahawa kerajaan sedang mengambil tindakan. Saya hendak tahu apakah tindakan yang telah diambil dalam ketiga-tiga kes ini dan ini memberi *pressure* dan mengugut pihak polis. Kalau seorang peguam tidak senang, tidak merasa lega untuk pergi ke balai polis untuk mewakili pelanggannya siapa lagi berani pergi ke balai polis. Balai polis adalah satu tempat di mana sesiapa pun jika ada laporan polis perlu dibuat atau akan dibuat patut boleh pergi bila-bila masa dan peguam dari segi undang-undang yang sedia ada dia ada hak untuk mewakili pelanggannya dan patut merasa lega, senang dan pergi ke balai polis untuk mengetahui dari segi undang-undang. Itu hak dia. Apa yang terjadi kepada pelanggannya.

Apa yang terjadi kepada keluarga dia, apa terjadi kepada kes-kes beliau tetapi bila mereka diugut oleh pihak polis sendiri dengan izin, *given a run around*. Saya sendiri beberapa kali telah pergi ke balai polis *given a run around*. Bila pergi ke 'A' team dia kata kes ini dibuat oleh 'B' team.

Bila *you* panggil B team dia kata inspektor 'B' team sudah keluar. Selepas itu tidak dapat dikesan dan kalau kita ingin tahu kenapa siasatan lanjutan tidak dibuat, ini mahu tunggu hingga pegawai atasan datang. Sehingga seperti menunjukkan bahawa peguam-peguam tidak ada kerja lain tetapi perlu pergi ke mahkamah selalu sahaja untuk membuang masa tetapi yang mustahak adalah ini kenapa dan apakah sebab. Apakah alasan-alasan ini. Kenapa perlu mengambil tindakan *so serious*, dengan izin hingga menangkap peguam-peguam tersebut, simpan mereka dilokap. Mereka pergi untuk menolong *client* mereka tetapi mereka pula menjadi mangsa oleh Polis Diraja Malaysia. Saya rasa perkara ini bukan luar biasa dan perkara ini terjadi di dalam negara ini. Macam mana kita boleh ada kepercayaan bukan sahaja kepada badan kehakiman, bukan sahaja sebagai seorang peguam tetapi hak sebagai seorang peguam telah dilucut dengan izin, *stamp it without reason* oleh pihak polis. Apakah tindakan telah diambil walaupun dalam kes-kes ini di mana laporan polis telah dibuat. Sebelum ini beberapa orang peguam berkaitan terlibat juga. Di antaranya Encik Zainol Zakaria, Encik Leonard Teoh, Chia Ka Peng dan lain-lain.

Masa sudah datang supaya tindakan diambil dengan serta-merta dan bagi arahan-arahan yang tertentu kepada pihak polis di negara ini bahawa bukan sahaja mereka perlu menjalankan tugas-tugas mereka mengikut undang-undang tetapi jangan pada bila-bila masa mengugut peguam. Ini adalah mustahak kerana jika kepercayaan kepada sistem di negara ini sistem badan-badan kerajaan akan hangus jika perkara ini dibenarkan berlaku. Jadi bagaimana kita dapat mengatasi perkara seperti ini. Satu dan antaranya adalah satu sistem reformasi kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan itulah cadangan oleh *Royal Commission*, IPCMC perlu ditubuhkan adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terjadi kepada peguam-peguam ini adalah satu perkara yang serius dan sudah lebih tiga bulan kejadian. Hingga hari ini saya difahamkan bahawa pihak yang terlibat pihak yang mengugut peguam-peguam ini mereka ini masih bebas dan menjalankan tugas seperti biasa. Dengan izin, *as though nothing has happen and nothing is wrong. They are considered above the law*.

Adakah ini kita boleh benarkan perkara ini di Malaysia. Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak. Bila saya bangkitkan perkara ini pada 10 Mei patut hari selepas itu

satu tindakan susulan diambil terhadap pegawai-pegawai tersebut. Betul atau tidak perkara yang lain. Kalau mereka tidak salah tolong ambil tindakan terhadap peguam-peguam tersebut. Itu pun tidak! Sekarang siapa tidur? Itulah yang ditanya-tanya di negara ini. Mengapa kita menyeleweng dari tugas-tugas kita? Macam mana kita boleh membawa *confidence* dalam peguam-peguam di negara ini. Itu melemahkan kegiatan seorang peguam dan jangan kita ingat mereka adalah anasir-anasir atau *terrorist* dalam negara ini. Mereka adalah satu pihak yang sangat mustahak dalam sistem kita. Tidak perlu kita ada undang-undang ini semua jika mereka tidak dihormati. Mereka bukan gengster, mereka bukan pengemis. Mereka perlu dihormati dan diberi kuasa dan jika membuat apa-apa bagi pihak klien mereka dari segi undang-undang pihak polis diwajibkan untuk mematuhi undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

3.15 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan izin saya juga turut ingin membahas pindaan kepada Rang Undang-undang Profesion Undang-undang ini. Semasa Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang ini untuk bacaan kali kedua di Dewan yang mulia ini pada Khamis yang lalu antaranya Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa pindaan kepada rang undang-undang ini kerana kerajaan prihatin dengan perubahan semasa yang sememangnya memerlukan dibuat dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Menteri juga sendirinya memuji kerajaan dan menyatakan bahawa kerajaan dalam kesediaannya menerima perubahan dengan sikap yang terbuka dan positif oleh itu mencadangkan pindaan kepada Akta 166 ini iaitu Akta Profesion Undang-undang ini tetapi Tuan Yang di-Pertua, keikhlasan kerajaan nampaknya separuh sahaja. Separuh ikhlas. Minda dan sikap separuh sahaja. Saya ingin rujuk kepada kuorum. Memang pihak saya menyokong dan menyambut baik pindaan yang dicadangkan kepada seksyen-seksyen dalam akta ini yang berkenaan kuorum bagi mesyuarat majlis peguam dan jawatankuasa peguam negeri di mana majlis peguam menghadapi masalah untuk mencapai nombor kuorum *one fifth* daripada jumlah ahlinya.

Saya percaya dengan pindaan kepada seksyen yang berkenaan perkara ini dapat diatasi. Tadi saya kata kerajaan nampaknya separuh ikhlas. Minda dan sikap separuh terbuka sahaja kerana seksyen 46A di mana hanya seksyen 46A(1)(a) *link* pertama sahaja yang dimansuhkan. Saya menyambut baik tindakan kerajaan untuk mencadangkan meminda seksyen 46A(1)(a) di mana sekarang peguam yang mempunyai pengalaman kurang daripada tujuh tahun boleh menjadi ahli kepada Majlis Peguam dan juga *state committee*.

Akan tetapi mengapakah pemansuhan kepada seksyen 66A(1)(a) sahaja. Mengapa (b), dan (c) tidak dimansuhkan juga. Apabila kerajaan membentangkan rang undang-undang mencadangkan 66A(1)(a) ini dimansuhkan, Yang Berhormat Menteri menyatakan dan memuji bahawa peguam yang mempunyai pengalaman kurang daripada tujuh tahun sekarang ini mereka mempunyai kemampuan, mereka mempunyai pengalaman, mereka mempunyai kematangan untuk menerajui badan tertinggi ini. Dalam profesion undang-undang ini. Mereka tidak boleh dan tidak wajar disekat peluang dan potensi mereka.

Inilah kata-kata Yang Berhormat Menteri ketika mencadangkan pindaan kepada 46A(1)(a) pada hari Khamis yang lalu. Mengapakah kata-kata yang sama ini tidak boleh digunakan untuk memansuhkan seksyen 66A(1)(b) dan (c) di mana ia melarang Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan mereka dalam *local authority* atau dengan izin yang memegang jawatan dalam *trade union* dalam *political party* atau melibatkan diri dalam organisasi yang mempunyai dengan izin, *political in nature*. Kategori individu ini termasuk ahli-ahli dalam Barisan Nasional yang juga adalah peguam mereka dilarang di bawah 66A(b) dan (c) ini untuk menjadi Ahli dalam Majlis Peguam. Mengapa sedemikian mereka didiskriminasikan.

Seksyen 66A(1)(b) dan (c) ini jelas bercanggah dengan Perlembagaan, Perkara 8 *all are equal... the law*, Tuan Yang di-Pertua dan juga Perkara 10, *freedom of association*. Mengapakah kerana tugas mereka, kerana profesion mereka ini yang memilih untuk menjadi ahli politik, melibatkan diri dalam *trade union* atau organisasi aktiviti yang mempunyai cenderung kepada politik.

Mereka ini yang juga adalah Ahli Peguam mengapa mereka disekat untuk menghadkan pilihan mereka, *either you be a lawyer or you be the Ahli Parlimen*. Tidak boleh menjadi wakil dan ahli majlis untuk menerajui badan tertinggi ini. Mengapa menyekat sumbangan mereka di dalam Majlis Peguam Malaysia dan juga Jawatankuasa Peguam Negeri dan juga dalam apa-apa komiti.

Saya haraplah kerajaan kata bersifat terbuka dan positif, biarlah dengan sepenuhnya, dengan ikhlasnya dan bukan sahaja sekerat. Kerajaan mungkin akan menyatakan bahawa untuk memastikan bahawa Majlis Peguam ini adalah bebas daripada politik, tidak dipengaruhi oleh politik dan juga tidak berlaku apa-apa kemungkinan konflik kepentingan.

Kalau kita tengok *Medical Association, Malaysia Medical Association* dan juga MIA, Persatuan Akauntan Malaysia, mereka tidak mempunyai larangan sedemikian. Mengapa Majlis Peguam Malaysia diskriminasikan sedemikian dengan dihadkan penglibatan kategori dalam 46(a), (b) dan (c) ini dalam memainkan peranan dalam Majlis Peguam. Saya haraplah pihak kerajaan akan meminda dan memansuhkan, dengan izin, memansuhkan seksyen 66(a), (b) dan (c) ini.

Sudah sampai masanya. Jangan meragukan kemampuan, pengalaman dan selalu syak wasangka bahawa kalau dia Ahli Parlimen atau mereka terlibat dalam aktiviti persatuan sekerja mereka akan membawa agenda politik. Jangan mempunyai sikap meragui kemampuan mereka untuk memainkan peranan dalam majlis dengan bebas. Kenapa tak benarkan Majlis Peguam ini bebas untuk tidak ada sekatan, bebas daripada kongkongan dan larangan sedemikian. Semua ahli peguamnya adalah bebas untuk diberi peluang untuk menerajui badan tertinggi ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]: Ya, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Nampaknya apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah, bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa memandangkan kita tidak patut ada apa-apa yang menyekat 46A(1), (b) dan (c), sepatutnya pemindahan pindaan-pindaan yang saya telah saya kemukakan kepada Dewan ini patut disokong oleh semua Ahli Parlimen yang ada di sini memandangkan ini adalah satu yang berkaitan untuk kebaikan semua pihak dalam negara ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Biarlah Yang Berhormat Menteri di bawah, Yang Berhormat Menteri mengambil sikap yang terbuka. Menteri ada hadir sekarang dalam Dewan, biarlah pindaan dibuat dimansuhkan keseluruhan seksyen, 66A ini. Jadi, tiada mana-mana individu akan diskriminasikan untuk menerajui Majlis Peguam ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya seksyen 13(4) di mana pindaan dikemukakan menyatakan bahawa mereka yang dalam dengan izin, *judicial and legal service* mereka hanya sekarang perlu tidak kurang daripada setahun dalam *judicial and legal service* mereka boleh dikecualikan untuk dikecualikan daripada menjalankan *privilege chambering* ini, mengapakah sedemikian.

Apakah kerajaan akan memastikan mereka yang dikecualikan di bawah seksyen ini adalah memang berkualiti, apabila mereka atau berpengalaman apabila mereka diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara dan bukannya satu jalan singkat, jalan pintas untuk diterima masuk menjadi peguam bela dan peguam cara. Setakat ini kita boleh

nampak semua kebanyakan kecuali kategori yang dalam seksyen 13, yang ramai kena melalui CLP Tuan Yang di-Pertua, sangat susah untuk lulus CLP dan ada guna kena duduk *six or five examinations* yang bukan mudah juga. Kalau sekarang ini tengah pindaan *at lease one year* daripada tujuh tahun, apakah jaminan bahawa ini bukan akan disalahgunakan, jadi satu jalan pintas untuk kategori ini untuk diterima masuk menjadi peguam bela dan peguam cara.

Akhirnya saya juga berharap bukan sahaja Rang Undang-undang Profesion Undang-undang ini, saya dimaklumkan ada konsultasi dengan Majlis Peguam, saya menyambut baik, ini tindakan arah yang betul tapi saya juga berharap rang undang-undang semua yang bakal akan dibentangkan dalam Dewan atau yang ingin dipinda, saya harap kesemua juga akan dijalankan konsultasi dengan Majlis Peguam, sebab Majlis Peguam mewakili lebih kurang 12 ribu peguam dan mereka adalah yang memakai undang-undang yang kita akan luluskan dalam Dewan, mereka tahu kelemahan atau kesukaran atau masalah yang wujud dalam rang undang-undang yang sedia ada. Jadi, saya pohon kalau boleh siap rang undang-undang juga akan dijalankan konsultasi dengan Majlis....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bagi peluang Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]: Ya, baik, Ipoh Barat sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih..., terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah, adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa kita perlu bawa undang-undang yang ada sebelum ini, sebelum pemindaan kepada akta, *Legal Profession Act* ini di mana diwajibkan semua undang-undang dirujuk kepada Majlis Peguam sebelum ia di bawah ke Dewan Rakyat.

Bukankah ini suatu perkara yang baik kerana konsultasi, atau *consulting* adalah satu proses yang baik tetapi lebih baik kalau ada satu undang-undang seperti yang ada sebelum ini, supaya semua undang-undang di negara ini dibawa untuk mendapat pandangan daripada Majlis Peguam, selepas itu baru dibawa kerana ini akan membawa kepada satu sistem yang lebih efisien dan input-input yang tertentu dari Majlis Peguam. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu cadangan yang teramat baik... *[Disorak]* teramat baik daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Teramat baik sekali, jadi ini boleh mewajibkan setiap rang undang-undang yang ingin dikemaskinikan tidak perlu berulang-ulang kali dibawa ke dalam Dewan. Kita boleh tengok sebelum ini Rang Undang-undang Akademi, pernah selepas dibentangkan di dalam Dewan ditarik balik selepas itu dibentangkan lagi lepas tu sekarang sudah hilang kerana bantahan kuat daripada Majlis Peguam. Kalau awal-awal ada konsultasi, perkara ini semua boleh elakkan dan tidak perlu berulang kali dikemukakan dalam Dewan untuk pindaan dan ini boleh jimat masa, boleh jimat kos. Jadi, saya harap pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini akan diterima dengan hati yang terbuka oleh pihak kerajaan. Sekian saja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]: Kubang Kerian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

3.29 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin saya mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Saya hanya ingin menyentuh tentang dua, tiga aspek penting yang melibatkan tentang Profesion Guaman dalam negara kita khususnya dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin peringkatkan adalah apabila kita membicarakan tentang *Legal Profession* ini dalam menghadapi cabaran globalisasi, yang paling saya bimbang adalah tentang masa depan rakyat Malaysia dalam

menikmati khidmat guaman dalam keadaan negara yang semakin maju ke hadapan dan kemudiannya *fees* ataupun yuran guaman yang semakin mahal yang mungkin tidak mampu dibayar dan dibiayai oleh rakyat, biasa daripada golongan marhaen. Saya bimbang satu hari esok apabila kita masuk pada era globalisasi yang sebenarnya, saya cukup bimbang ada satu persepsi di kalangan rakyat bahawa mereka cukup takut untuk melangkah kaki mereka pada mana-mana firma guaman di mana pada waktu itu seolah-olah firma guaman menjadi suatu mahligai atau istana yang serba mewah daripada persepsi rakyat.

Ini yang saya cukup bimbang kerana apa yang ingin saya katakan pada hari ini ialah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh firma-firma guaman pada waktu itu dan peranan yang semakin kabur dan semakin tidak meyakinkan daripada para peguam yang dibayar gaji mereka yang hari ini menduduki Biro Bantuan Guaman. Adakah rakyat akan dapat pembelaan sebenarnya untuk mendapat khidmat guaman untuk keadilan mereka sekiranya Biro Bantuan Guaman masih duduk pada tahap yang ada pada hari ini yang hanya menjalankan kes-kes ataupun memberikan tanggungjawab mereka tidak seperti firma-firma guaman yang dibayar dengan harga yang agak lumayan.

Ini saya mengharapkan supaya menteri yang berkenaan dapat melihat perspektif ini kerana kita bimbang cabaran globalisasi yang bakal berlaku ini akan terus meminggirkan rakyat yang berpendapatan rendah yang tidak mungkin lagi pada waktu itu mereka dapat menerima khidmat guaman untuk pembelaan mereka dan keadilan bagi diri mereka. Khidmat guaman ini, keadilan untuk diri mereka ini, hanya dinikmati oleh golongan atasan yang mampu untuk membayar khidmat guaman yang tinggi, yang ini akan menjadikan sebahagian daripada peguam-peguam dalam negara kita ini menikmati kehidupan yang begitu lumayan.

Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah berlaku pada hari ini kepada sebilangan tidak semua, mungkin sebilangan para doktor yang ada pada hari ini dan sebilangan para peguam yang ada pada hari ini yang telah hilang semangat dan tanggungjawab sosial mereka kepada rakyat. Yang penting bagi mereka adalah kepakaran yang dibayar, kepakaran yang dinilai dengan wang ringgit, yang meminggirkan aspek sosial.

Dalam bab ini saya mencadangkan apabila kita bercakap tentang modal insan, apabila kita bercakap tentang bagaimana kita membangunkan pembangunan manusia, kita juga seharusnya melihat tentang faktor-faktor yang mungkin disebabkan oleh kurikulum undang-undang di universiti kita sendiri, universiti tempatan yang lebih menjurus kepada undang-undang komersial yang mengajar dan mendidik insan yang bakal bergelar peguam ini hanya mementingkan aspek komersial sahaja yang tidak menanamkan dalam diri mereka satu aspek kemanusiaan. Di samping mereka boleh menjadi seorang peguam, seorang doktor yang baik, tetapi mereka tidak dapat menjalankan tanggungjawab sosial mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin berbahas tentang aspek dalam bidang bila bercakap tentang globalisasi ialah bagaimana kesediaan negara kita dalam menyediakan peguam-peguam yang dapat bersaing dengan peguam-peguam di luar negara. Nampaknya sehingga kini kita amat sedikit peguam yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Begitu juga kerajaan kini mengehadkan kemasukan peguam dari luar negara untuk memasuki profesion undang-undang di Malaysia. Sebagai contoh, lihat sahaja kes Cherie Blair baru-baru ini yang menghadapi tentangan bukan sahaja dari Peguam Negara tetapi juga Majlis Peguam yang mungkin dalam niat untuk melindungi peguam-peguam tempatan yang menolak penglibatan beliau untuk mengendalikan kes rayuan Metramac.

Dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin mengaitkan tentang bagaimana fakta yang telah didedahkan oleh Menteri Kewangan Kedua sewaktu berbahas menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan pada bulan Mac yang lalu, yang telah mendedahkan bahawa dalam rundingan FTA kita dengan Amerika Syarikat, Amerika datang dengan 200 orang peguam yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang. Mereka memiliki kepakaran yang sangat dipertikaikan akan kewibawaan peguam-peguam yang mewakili negara kita ataupun yang mewakili pihak kementerian.

Kita hanya ada lebih kurang 20 orang peguam yang hadir, Amerika datang dengan 200 orang peguam yang cukup bersedia untuk mereka berhujah, untuk mereka memberikan penerangan, untuk mereka mendedahkan maklumat dan untuk mereka meyakinkan tentang kehadiran mereka untuk Malaysia menerima FTA pada masa yang akan datang.

Di sini kita melihat satu ruang yang sangat kurang ataupun satu keadaan yang sangat memerlukan, yang membuktikan, yang menunjukkan satu *indicator* sebenarnya bahawa memang peguam-peguam kita pada tahap yang ada pada hari ini memang masih jauh lagi ke belakang jika dibandingkan dengan peguam-peguam di peringkat antarabangsa. Maka dalam hal ini kita seharusnya melihat secara holistik tentang bagaimanakah bentuk pengajaran kurikulum undang-undang kita di universiti tempatan dan juga kualiti peguam-peguam kita yang ada dalam negara pada hari ini.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berhujah tentang bagaimana dalam aspek globalisasi ini kita melihat bahawa peranan-peranan yang dimainkan oleh para peguam dalam negara-negara yang maju ataupun negara-negara yang sedang mencipta nama mereka dalam menghadapi pasaran ataupun era globalisasi. Apa yang menarik, ingin saya dedahkan dalam Dewan yang mulia ini ialah tentang bagaimana kita melihat negara China selepas era Deng Zio Peng yang membuka pintu untuk pasaran yang lebih bebas.

Yang menariknya di sini adalah bagaimana negara China telah bersedia dengan segala bentuk infrastruktur bukan sekadar infrastruktur dalam bidang ekonomi tetapi menyediakan prasarana dalam bidang guaman dan juga undang-undang di mana kita melihat dalam tahun 2000 sahaja, negara China telah meluluskan lebih kurang 300 undang-undang dan meluluskan beratus-ratus lagi pindaan undang-undang yang memperlihatkan dan mempamerkan kesediaan China untuk menyediakan undang-undang yang dilihat persepsinya oleh negara luar bahawa mereka yakin untuk melakukan pelaburan, *investment* ke dalam negara China.

Ini dibuktikan dengan peningkatan bagi tahun 2000 sahaja mereka dapat membawa hasil daripada syarikat-syarikat guaman luar yang datang ke China, yang memiliki jumlah pelaburan sekitar USD350 bilion. Di sini satu hujah yang sangat penting bahawa keyakinan pelabur-pelabur ataupun keyakinan negara-negara luar untuk melaksanakan FDI sebagai contoh adalah berdasarkan kepada kestabilan undang-undang dan juga kepada keyakinan mereka terhadap proses guaman dan keadilan yang ditunjukkan, yang saya bawa contoh kes dalam Dewan yang mulia ini, tentang bagaimana negara China telah berjaya untuk meyakinkan, dan juga apa yang sedang berlaku di Libya, sebagai contoh. Libya sebagai sebuah negara yang dianggap mundur tetapi telah masuk kepada satu era baru untuk mereka melatih dan juga mereka tidak keberatan untuk memanggil kepakaran-kepakaran daripada peguam-peguam daripada peringkat antarabangsa untuk *review*, untuk memperbaiki sistem undang-undang mereka dan juga negara mereka ke arah penarikan pelabur-pelabur asing pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kemudiannya kita juga dalam konteks globalisasi ini, kita juga ingin melihat peranan sebagai contoh, *Bar Council* kepada masa yang akan datang dengan kes-kes yang berlaku sebelum daripada ini yang terutamanya selepas kita melihat terdapat kes-kes yang menjadi sejarah hitam di antara *Bar Council*, ataupun peguam-peguam, ataupun kes-kes kehakiman yang menjadi mercu tanda bagaimana runtuhnya sistem kehakiman dan keadilan dalam negara kita di mana kita melihat tentang kepercayaan ramai terhadap badan kehakiman yang telah pudar semenjak kes pemecatan Tun Salleh Abas dan pendedahan kembali surat layang, walaupun dalam bentuk surat layang oleh kes hakim Dato' Syed Ahmad Aidid.

Juga penggunaan undang-undang menghina mahkamah tanpa batasan sebagai contoh, para hakim boleh mudah untuk memberikan hukuman ataupun memberikan suatu tindakan hanya dengan alasan menghina mahkamah sebagainya contoh kes Zainol Zakaria yang sehingga kini kerajaan masih belum menggubal satu undang-undang khusus, mengenai undang-undang yang menghina mahkamah dan kita melihat ini satu kes yang menjadi satu mercu tanda sejarah hitam dalam proses keadilan dalam negara kita.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin melihat dan juga berhujah dengan beberapa pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh beberapa badan antarabangsa dalam seminar-seminar yang diadakan dan kertas-kertas ataupun jurnal antarabangsa yang sempat saya rujuk sebagai contoh, satu persidangan yang diadakan oleh peguam-peguam negara Komanwel tahun 2000 di mana mereka telah mencadangkan beberapa undang-undang sebagai contohnya di Malaysia ini yang perlu dikaji semula.

Ini pandangan-pandangan peguam yang dalam hujah saya tadi dalam era globalisasi perlu kita melihat tentang kestabilan undang-undang dan undang-undang yang dianggap *draconian* ini yang mesti dikaji semula, di antaranya ialah *Internal Security Act 1960*, Akta Dadah Berbahaya 1985, Akta Polis 1967, *Emergency Public Order and Prevention of Crime Ordinance 1969*, *Emergency Essential Powers Act 1979*, *Essential Security Cases Regulations 1975, made under Section 2 of the Emergency Essential Powers Act*, *Official Secret Acts 1972* dan Akta AUKU yang kita lihat pada hari ini semakin mencengkam kaki, tangan dan pelajar-pelajar IPTA kita, *Sedition Act 1948*, *Printing Press and Publication Act 1984* dan juga *Disciplines of Staff Rules of UPM, UKM, UTM, UM made under Section 9(16)(c) of the UUCA 1971*.

Saya mengharapkan bahawa undang-undang ini dan peranan para peguam dalam melihat kembali undang-undang ini dapat dipraktikkan dan saya rasa yakin bahawa kalau kita dapat menyediakan satu prasarana kehakiman undang-undang dan juga satu *environment* yang lebih baik dan persepsi luar yang semakin pulih untuk negara kita, saya tidak merasa ragu yang negara kita juga boleh mencapai satu tahap sebagaimana yang dilakukan oleh negara besar China terhadap bagaimana proses mereka meyakinkan pelabur-pelabur asing untuk datang melabur dalam negara mereka. Sekian terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai pun hendak berucap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Law, law*, Tuan Yang di-Pertua *law*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat faham ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham ya, okey sila.

3.43 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun Tuan Yang di-Pertua kerana saya faham bahawa peguam ini adalah orang yang dihormati dan disanjung dan dipercayai sepatutnya, sebagai orang yang mengamalkan sebagai seorang peguam.

Saya hendak mengemukakan dua, tiga benda yang harus pihak kementerian dan menteri ambil kira supaya orang-orang yang tidak faham undang-undang ini tidak tertipu dan teraniaya kerana ada juga ada dua, tiga benda Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak mahu bercakap panjang sebab ramai yang hendak bercakap, ada juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak ramailah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Di mana ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ramailah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak ramai, saya boleh cakap panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin Yang Berhormat faham tidak banyak, jadi cakap sedikit sahaja...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Ketawa] Ya, saya fasal *law* ini sedikit, sedikit sahaja. Pertamanya *lawyer* ini ataupun yang membuka *lawyer firm* ini mereka ini adalah peguam bela dan peguam cara, membela dan mencarakan sesuatu benda, menasihati masyarakat dan rakyat secara perundangan kerana kita tahu

masyarakat itu terutama sekali masyarakat kampung Tuan Yang di-Pertua, mereka bukan faham *law*. Mereka tidak faham undang-undang dan kadang-kadang mereka ini teraniaya dan tertipu disebabkan oleh peguam-peguam yang tidak bertanggungjawab.

Bukan semua peguam tetapi kita lihat ada juga peguam-peguam yang melakukan sedemikian rupa. Contohnya Yang Berhormat di mana peguam ini menjadi peguam cara kepada pembelian rumah. Didapati bahawa ada peguam-peguam di mana pembayaran rumah itu sama ada pinjaman kerajaan atau pinjaman dari bank dibayar melalui peguam yang menjadi peguam cara kepada pembelian rumah-rumah yang tertentu dan ada juga peguam yang telah melarikan wang-wang bayaran deposit ini yang sepatutnya dibayar kepada pemaju tetapi tidak dibayar dan mereka larikan duit itu.

Ini menyebabkan pembeli rumah akhirnya *stranded*. Saya hendak mencadangkan supaya kalau boleh dari segi undang-undang, mana-mana firma guaman yang melibatkan diri dalam jual-beli rumah ataupun menjadi peguam cara kepada pembelian rumah harus menandatangani wang mereka kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ini perlu kerana Tuan Yang di-Pertua berlaku di mana orang itu membeli rumah dan pemaju melantik peguam itu menjadi sebagai perantaraan di antara bank ataupun kerajaan untuk membayar kepada pemaju tetapi peguam ini melarikan dan sampai hari ini pun peguam-peguam yang melakukan sedemikian tidak dibawa ke pengadilan kerana mereka mungkin menggunakan undang-undang sebagai pelindung. Pembeli akan menghadapi masalah kerana mereka tidak boleh memiliki rumah dan tidak mampu membayar kerana mereka sudah potong pinjaman dan sebagainya, kalau ambil pinjaman kerajaan, sudah dipotong gaji dan sebagainya. Ini salah satu sebab juga di mana pembeli-pembeli teraniaya dan tertipu. Ini satu kes.

Saya hendak mencadangkan kalau boleh, peguam-peguam ini dikehendaki menandatangani sejumlah wang kepada pihak kerajaan ataupun pihak kementerian perumahan supaya seandainya berlaku ataupun memberi jaminan bank, kalau tidak boleh beri deposit, jaminan bank sebagai alternatif supaya seandainya berlaku benda-benda yang tidak diingini, deposit tersebut boleh dipergunakan untuk *cover* balik kalau peguam ini lari dan sebagainya.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, peguam-peguam yang mengambil kes-kes kemalangan banyak berlaku di masyarakat kampung, kadang-kadang mereka terlibat dalam kemalangan dan melantik peguam sebagai peguam untuk membela dan menuntut kerugian mereka di mahkamah. Peguam-peguam ini kadang-kadang memperalatkan mangsa tersebut dengan memberi sedikit deposit dan sebagainya kerana dia nampak kes ini boleh menang, jadi dia boleh beri cengkeram bukan dekat *lawyer* tetapi *lawyer* beri kepada pesakit dan membawa kes ini ke mahkamah dan apabila kes ini menang dan sebagainya. Kadang-kadang di penghujungnya orang yang ditimpa kemalangan itu hanya mendapat sedikit daripada ganjaran yang dia dapat daripada tuntutan insurans. Yang lainnya telah digunakan ataupun diambil oleh peguam atas alasan, ini adalah kos mahkamah, ini adalah kos beliau mengkaji kes dan sebagainya.

Boleh atau tidak saya mencadangkan supaya peguam-peguam ini Tuan Yang di-Pertua, kalau di hospital hari ini kita pergi berubat, kalau kita *operate* jantung dia ada kos yang telah diletakkan. Kalau apendiks katakanlah RM500 atau RM600 tetapi kalau jantung adalah RM30,000 atau RM40,000 dia punya kos perubatannya. Boleh atau tidak peguam ini kita letak juga sebagai kos. Kalau kes kemalangan yang melibatkan yang melibatkan sekian-sekian tuntutan '*bracket*' boleh menuntut dari anak guaman dia ini, sekian-sekian banyak.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]: Sakit gigi pun boleh *claim*!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kos-kos bayaran guaman ini ditentukan oleh pihak peguam itu sendiri. Jadi orang kampung ini dia bukan faham, tambah bahasa undang-undang, saya ini letih belajar, saya *refer* dengan Arau sedikit sebanyak, hendak *refer clause* itu dan *clause* ini, saya pun

tidak berapa arif kecuali Bukit Gelugor, dia arif, dia orang lama dia faham, dia *law* ada dalam kepala dia, itu pun kadang-kadang dia '*law out*' juga.....

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]: *Out law !*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa] Out law....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu bangun, hendak bagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya? Setiu sila, rupanya ada sambutan juga... *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik tentang kes-kes kemalangan jalan raya ini. Yang Berhormat bagi Jerai asyik bercerita tentang penghujung kes, dia dapat sedikit, mungkin komisen ataupun ada dia bagi pinjam dahulu kemudian ada bunga, akhirnya dia cabut bunga dan tinggallah ranting dapat dekat dia tetapi saya tengok, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jerai, sejauh mana tindakan tatatertib daripada Majlis Peguam Malaysia terhadap *touting* ini, pergi *tout* duduk di hospital, ambil kes, kemudian mari *lawyer* lain, peguam lain, pakai ejen, dia pun curi kes itu dan beri kepada *lawyer* lain, makcik, mak ngah di kampung ini saya rasa macam Yang Berhormat bagi Jerai boleh atau tidak setuju dengan saya ini, yang mana makcik mak ngah ini jadi terpinga-pinga mana satu peguamnya.

Kadang-kadang masuk kes dalam mahkamah, dokumen tak *ready* lagi. Fasal berebut *case*, saya rasa apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai? Patutkah tindakan tatatertib yang serius diambil ke atas peguam-peguam yang semacam ini? Macam mana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pandangan Yang Berhormat itu, sama dengan pandangan saya, iaitu kadang-kadang undang-undang ini diguna untuk menganiaya dan menipu orang yang tak faham undang-undang. Ini yang masalah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat fahamlah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita dah tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat fahamlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya faham. Sebab itu saya hendak mengeluarkan pandangan saya ini. Kadang-kadang, sah kata *lawyer*, *law* itu, *everything*. *He knows everything. It's not fair, am I right or wrong? Ya, it's not fair*, tak adil. Orang kampung ini yang banyak, saya setuju Yang Berhormat, kadang-kadang dia *accident*, tengah dok sakit lagi. Kaki-kaki *lawyer* dah sampai dah. Dia mai dah, bagi barang suruh *sign* semua. Kawan ini dok sakit lagi. *Sign!* Akhirnya, bila tuntutan di mahkamah dan sebagainya, kawan ini yang sakit. Inilah orang kata, hidup senang atas kesusaha

Ini tak adil. *How can you live like that?...* *[Disampuk]. It's not fair at all!* Dengan izin... *[Ketawa]* Saya harap menteri tolong jawab sikit, kes loyar buruk ini. *Lawyer* ini pun ada juga. *Lawyer* ini dan *lawyer* loyar buruk, kan? Maknanya dia peralatkan perundangan untuk tujuan-tujuan tertentu tapi bukan semua, maksud saya ada. Jadi saya hendakkan, untuk kita membimbing mereka ini menjadi seorang peguam yang dihormati, disegani, saya ingat Bukit Gelugor setuju dengan saya. Macam Bukit Gelugor pun, dia di mahkamah *steady, alright! I mean, finger tip* lah *law* dekat dia...*[Ketawa]* Yang ini akui ya? Sebab itu kadang-kadang dalam Parlimen pun dia panggil Tuan Yang di-Pertua, 'Yang Arif'. Fasal dia dok cari makan di mahkamah.... *[Ketawa][Dewan riuh]* Profesionnya *lawyer*, mahkamahlah, kan? Itu bukan, cari makanlah... *[Ketawa]*

Saya hendak, fasal profesion ini Tuan Yang di-Pertua, dihormati dan disegani dan disanjung... *[Disampuk]* Sebagai seorang *lawyer*, orang menghormati tetapi *lawyer* juga, kadang-kadang memutar-belitkan undang-undang untuk kepentingan. *Lawyer* juga kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, yang *drug cases* ini sampai berzaman di mahkamah, kalau tiga, empat tahun, kadang-kadang lima, enam tahun, kerana *lawyer* juga. *Lawyer* sakit, kes

postpone. *Lawyer* ada kes lain, kes *postpone*. Akhirnya, hakim menjalankan undang-undang. Kalau ada kes bicara, dia boleh jatuh hukum. Ini kes tidak ada. Kadang-kadang *lawyer* ini dia pi *court*, daripada dia pi *Session Court*. Rupanya dia ada lagi satu *High Court* dia kena *attend*. Dia *postpone* di *Session Court*, dia pi ke *High Court*. Satu *lawyer*, kerja banyak, dia ambil semua kes.

Akhirnya, pelanggan yang akan menjadi mangsa. Jadi, kita kena ada peraturan. Jadi, Majlis Peguam pun, tadi ada Yang Berhormat dari parti pembangkang menyatakan semua undang-undang kena pi dekat Majlis Peguam. Oleh itu, Parlimen ini buat apa? Nak pi dekat depa dulu ka? Kita lah dulu. Kita wakil rakyat. Di sini undang-undang. Ni, ni!... [Mengetuk meja] Di sini, bukan di *Bar Council*... [Dewan riuh] Di sini kita gubal undang-undang. Bukan di *Bar Council*. *Bar Council* adalah *Bar Council*. Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat. Kita gubal undang-undang. Tak apa lah, peguam ada. Kalau fasal *law*, cakaplah. Saya tak peguam pun saya boleh cakap fasal *law* tapi saya tak dak peluang nak masuk mahkamah, fasal saya tak *call to the Bar yet*... [Ketawa] So, *I cannot go to the court* tetapi saya memahami, macam kes baru ini, bawa mai daripada isteri Perdana Menteri Britain. Bawa mai ke Malaysia. Awat, *lawyer* kita ini tak boleh pakai kah? *Lawyer* kita ini komankah? Baca buku undang-undang lainkah? Kita baca undang-undang itu juga! Awak, tak boleh ambil Bukit Gelugor lawan kes itukah? Fasal apa pi ambil kawan itu? Jadi, hakim jatuh hukum itu, saya setuju!

Kita tak boleh *looked down!* Memandang rendah kepada peguam-peguam negara kita. Peguam Negara kita pun apa lekehnya? Awat, dia orang duduk di England, depa biasa jajah kita. Arau, awat depa *terror* kah? *Lawyer* kita, pun lagi *terror*. Menteri kita, *law* kita tak? Sampai tak dan gunting rambut.... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua saya berharap *Bar Council* ini kena menunjukkan dia punya profesionalism, yang dia ini digeruni dan disegani. Apabila dia menegur, teguran dia itu ada *basis* dia. Ada apa, ada *substance* dia... [Disampuk] Integriti mesti ada. Jangan keluar, masuk, *Bar Council*, bunyi angin-angin membangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kata sedikit sahaja. Sudah lamalah!... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya *test market* tadi Tuan Yang di-Pertua. Rupanya *market* bagus, saya gorenglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum, belum ada tahap itulah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Belum lagi ya? Tak apa. Satu hari nanti, insya-Allah,..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baliklah, pergi belajar dululah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya akan ambil *law*, dan saya akan berjumpa dengan Bukit Gelugor di mahkamah. Bukit Gelugor ini dia *expert* di dalam *drug case*, dia banyak melepaskan penagih dadah dengan orang hukum gantung ini banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua tak ada berkaitan dengan pindaanlah. Tidak langsung berkaitan dengan pindaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia bagus, dia bagus. Saya akuilah. Di mahkamah, okey, dia *terror*... [Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor] Di Parlimen, dia suka gaduh. Di mahkamah pun dia gaduh, tapi dia menang. Di Parlimen pun dia suka gaduh juga. Tak apalah. Ini *lawyer* punya perangai. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah, supaya kerajaan juga macam saya kata tadi, bagilah satu arah tunjuk. Kadang-kadang tengok Tuan Yang di-Pertua, kes *sign* masih dalam *purchase agreement* kan? Membeli rumah, dan sebagainya.

Lawyer-lawyer ini, kadang-kadang rumah kos rendah pun dia caj tinggi. Depa pun kenalah sikit berkorban. Kertas itu Tuan Yang di-Pertua, dia buat sekali sahaja. Lepas itu dia *cyclostyle*, dia *sign* yang itu sahaja, dia caj sampai beratus ringgit. Tak patut! Dia ulang

yang itu sahaja. Kadang-kadang dia baca, dia tak bacapun dekat pembeli itu. Apa dia dalam peraturan undang-undang yang dia *sign* itu? Dia kata *sign* kat sini mak long. Mak long ini pun, *sign* dekat mana? Dekat sini. Saya tak reti *sign*, cap jari ya? Ha, dia bubuh cap jari dekat situ. Ini juga kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, seorang peguam kena menasihati anak guaman dia. Ini tak dak. Saya dok tengok dah, banyak-banyak kes. Peguam dia suruh *sign* borang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat. Sebab yang mustahak, yang mustahak, Yang Berhormat tak bangkit?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu dah dibangkit oleh kawan, rakan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya nak bangkit tentang kelaku. Kelaku, kelaku peguam ini... [Disampuk] Ini mustahak Tuan Yang di-Pertua. Kalau undang-undang baik, kelaku dan moral dia orang tidak begitu profesional dari segi tugas dan tanggung jawab mereka, ini menganiayakan rakyat yang kurang arif tentang undang-undang. Saya berharaplah Tuan Yang di-Pertua, dua benda yang saya minta iaitu pertamanya, peguam-peguam yang melibatkan dalam Perjanjian Jual-Beli atau S&P, perumahan dan sebagainya, harus mendepositkan atau memberi jaminan bank kepada pihak kerajaan, pihak kementerian yang bertanggung jawab supaya pelanggan-pelanggan dia tidak tertipu.

Yang keduanya, adakan kos. Saya ingat, semua peguam bersetuju adakan kos. Kos perkhidmatan mereka supaya tidak terlalu, kadang-kadang bila tak ada kos, Tuan Yang di-Pertua, jadi, kalau *lawyer* itu terkenal, tentulah kos dia, nak dapat dia mahal. Kadang macam Bukit Gelugor, kalau kita nak *engange* dia sebagai peguam, tentu dia deposit bayar banyak mana dia mahu ini? Mesti ada deposit sebelum. *Consultations fees* sahaja pun, mungkin banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini, memang betul. Tanya Bukit Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini perkara biasa, Yang Berhormat. Kalau nak percuma, pergi pusat perkhidmatan Yang Berhormat bagi Jerai.... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang, saya pun dok nasihat. Cuma bukan, saya hendakkan ada sikit, ada sikit, kos, siling dialah. Kalau kes bunuh, okey. Berapa dia punya kos? Jangan keterlaluhanlah. Maknanya, kita pun mahu peguam cari makan tetapi janganlah *at the expend of the client. It's not fair.* Okey, itu kedua. Yang ketiganya, saya minta *Bar Council*. *Bar Council* ini pun Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, sudah cukuplah Yang Berhormat... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, *last. Bar Council* ini Tuan Yang di-Pertua selalu saya dengar depa tidak cukup kuorum buat mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pindaan. Kita sekarang bincang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak balik ke situlah Tuan Yang di-Pertua tetapi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak faham, saya ingat tidak bacalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya faham, saya baca sudah, ini depan saya ini, depan saya... [Ketawa] Cuma *Bar Council*, tadi pun Yang Berhormat bercakap..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat beritahu cadangan untuk turun kepada berapa ahli untuk...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 50 daripada 150. 100 daripada 50 pi 100. Ada ini, nanti sat saya baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nantilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adalah seksyen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada, ada seksyen saya baca tadi... [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] 500, ha 500! 500 kan? Kuorum ini tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat, tidak faham tidak apalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ganti perkataan "*satu pertiga*", kepada dua peratus". Itu sudah ada dalam ini. Saya hendakkan *Bar Council* ini membetulkan depa dahulu, perbetulkan elok-elok. Satu *Bar Council* yang juga memberi nasihat kepada masyarakat. Kalau sudah kes-kes tertentu *Bar Council* menjadi penasihat. Bukan menjadi pengkritik. Kita tidak mahu pengkritik, penasihat, menasihati. Menggunakan perkataan, "kritik" dan "nasihat" ia lebih kurang sahaja. Kritik ini cara kasar. Nasihat ini cara lembut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah sebab Menteri sudah bersedia untuk menjawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedia Menteri? Ini soalan saya akan jawab ini. Tidak apalah, saya takut dia tidak jawab itu yang saya cakap ini. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat bagi Bagan bukan peguam.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia ada dua penasihat... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila ringkaskan ya Yang Berhormat sebab banyak sudah bahas, sudah bangkit.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tujuan kerajaan meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dengan harapan ia akan membawa pelicinan dalam menjalankan profesion undang-undang tetapi rang undang-undang ini ada kekurangan seperti yang dibahaskan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Saya berharap kerajaan boleh mengambil sikap yang terbuka dengan menerima pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dan juga Majlis Peguam Malaysia dalam pindaan rang undang-undang ini.

Saya bukan seorang peguam tetapi dari pengalaman saya sebagai seorang wakil rakyat, saya sering didatangi orang-orang awam untuk menolong mereka menghubungi peguam-peguam yang mereka upah dalam kes-kes mereka. Antara pengaduan-pengaduan yang orang awam atau pelanggan-pelanggan mengutarakan adalah seperti berikut:

Dalam kes-kes mereka kalah atau kes-kes yang tanggung lama masanya, mereka akan mendakwa bahawa peguam mereka berpakat-pakat dengan pihak-pihak lawan. Itu saya selalu mendengar dan mereka memanggil saya tolong pergi cakap sama *lawyer* itu, cakap apasal ini macam, ini macam. Mereka sudah kehilangan cara-cara untuk berdialog dengan peguam-peguam mereka itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, patut tanyalah kawan sebelah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Selalu saya ada berhubung dengan sebelah, kiri kanan ada... [Ketawa]

Yang kedua, kes-kes yang diambil tetapi gagal menghadiri mahkamah dan *judgment in default* yang diberi oleh hakim-hakim, pelanggan-pelanggan tidak diberitahu..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, hak yang Yang Berhormat bagi Bagan cakap ini hak yang saya cakap tadilah. Dia tidak hadir mahkamah dan sebagainya. Yang Berhormat bagi Bagan setuju dengan saya tadi? Jadi oklah. *Both of us are not lawyer but we understand the law...* [Ketawa]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Pelanggan-pelanggan tidak diberitahu tentang keputusan mahkamah ini dan tempoh rayuan pun telah tamat dan pelanggan mungkin kehilangan kesempatan untuk membuat remedi lagi.

Yang ketiga, *lawyer* sukar menerima kes tetapi selepas menerima kes, mereka tidak mahu berjumpa dengan pelanggan-pelanggan dan hanya pelanggan-pelanggan boleh berjumpa dengan kerani-kerani sahaja. Ini tidak boleh membawa satu keyakinan kepada pelanggan-pelanggan. Tuan Yang di-Pertua, mereka juga mengadu berkenaan dengan caj-*caj* yang terlalu tinggi yang dikenakan ke atas mereka seperti kes-kes kemalangan.

Mungkin kes-kes kemalangan, peguam akan mencaj 40 *percent* atau 30 *percent* dari pampasan yang dia dapat dan akhirnya mangsa yang menerima pampasan itu hanya mungkin sampai setengah sahaja yang dia dapat. Tuan Yang di-Pertua, S&P iaitu *Sales and Purchase Agreement* atau *loan agreement* dari bank-bank.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lebih kurang macam Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya, lebih kurang tetapi bahasa saya lebih baik daripada dia... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, tunggu jawapan daripada menterilah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya, di mana SMP atau *loan agreement* ia perlu boleh mencajkan *bankruptcy search*, *loan title search*, *caveat search* dan lain-lain. Katalah dalam satu *housing scheme* ada 500 unit, kalau seseorang pelanggan dicaj RM50 untuk satu *agreement* yang ditandatangani, maka jumlah akan menjadi banyak. *Say, bankruptcy search* RM50. Dia buat satu kali *search* sahaja tetapi 500 pelanggan yang menandatangani *agreement* itu dia caj RM500 kali *bankruptcy search* atau *caveat search* atau *land title search*...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sebab itulah permohonan dalam *loan agreement*, kebanyakan *agreement* adalah *standard agreement* yang disediakan oleh bank-bank berkenaan dan *lawyer* hanya menjadi saksi dalam menandatangani dan dokumen-dokumen yang lain sedikit sahaja. Sebab itulah dalam pendapatan saya dan pendapatan orang ramai....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pendapat saya...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Pandangan atau pendapat orang ramai, ramai peguam hanya mahu menjadi *conveyancing lawyer* sahaja. Mereka tidak minat dalam peguam bicara atau yang lain. Tuan Yang di-Pertua, walaupun *low cost housing* dikenakan RM250 *agreement fee* sahaja, tetapi jumlah caj yang lain-lain seperti yang saya kata itu, ia mungkin mencatat kepada satu jumlah yang besar, RM450 to RM500 mungkin. Ya, dalam kes perjudian pun, kalau lima orang enam orang ditangkap basah dalam satu rumah, *lawyer* akan caj seorang RM3 ribu atau RM4 ribu dan lima enam orang sudah jadi lebih kurang RM20 ribu tetapi.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: ...Akan tetapi dalam kes yang sama, kalau bicara pun,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kalau bicara pun nanti, nanti. Kalau bicara pun dia cuma mendakwa seorang. Kalau seorang dibebaskan, semua akan dibebaskan. Kalau seorang dikenakan, maka yang lain pun boleh dikenakan sebab dia dalam satu *table*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *On the same table*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah Bagan berpengalaman dalam kes judi ini?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat ini *lawyer* buruklah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya tidak setujuilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta penjelasan adakah Bagan berpengalaman dalam kes judi, kena tangkap dan sebagainya. Kalau tidak macam mana dia tau satu *lawyer*, lima orang kena tangkap. Ada pengalaman ke Yang Berhormat tentang ini, kes-kes judi ini?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Memang ada pengalaman. Ramai kena tangkap, tahan dalam lokap mungkin dua tiga hari lepas di *charge on bail* lepas itu bicara. Dan apabila dia pergi jumpa dengan *lawyer*, *lawyer* cakap baik lima orang, satu orang RM3 ribu. Lima orang kali RM3 ribu hingga RM15 ribu. Apabila bicara, kalau seorang, *bail out the case*, semua serupa. Ia jadi lebih kurang..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan selalu macam itulah Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kes-kes judi memang *lawyer* suka terima.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini kawan bungkus kawan...
[Ketawa]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya bukan kata *lawyer-lawyer* tertentu, saya bukan menuju kepada *lawyer-lawyer* tertentu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata Yang Berhormat memesongkan Dewan... [Ketawa]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Itu nanti Menteri boleh jawab. Dalam kes perceraian, *divorce case*. Ini kadang-kadang saya juga kasihan kepada suami atau isteri, mereka bukan orang kaya tetapi apabila tidak boleh dielak mereka perlu pergi membuat petisyen, mereka dicaj juga RM4 ribu hingga RM5 ribu dalam satu-satu kes, *divorce case* dalam satu perceraian. Ini memang satu beban yang sangat berat kepada orang-orang yang hendak menjalani proses perceraian. Serupa juga dengan pindah milik harta benda dari bapa kepada anak atau isteri kepada suami, suami kepada isteri atau orang-orang yang kenal, orang yang rapat.

Ini tidak boleh berlaku penipuan. Kalau 'A' jual tanah kepada 'B', mungkin itu perlu beri kepada peguam sebab takut ada tipu helah di antara proses ini, tetapi apabila seorang bapa hendak menurunkan pindah milik kepada anaknya, sepatutnya kalau orang yang faham prosedur dia cuma hendak pergi ke pejabat tanah untuk menandatangani *Form 14A* depan DO atau pegawai yang diberi kuasa, maka itu boleh diselesaikan.

Apabila mereka kurang pengetahuan dan mereka pergi kepada peguam, maka peguam akan caj beribu-ribu ringgit sebagai *fee*. Tuan Yang di-Pertua, kalau ada klien-klien yang membuat pengaduan kepada Majlis Peguam atau *Bar Council* seperti apa yang saya kata pagi tadi, kes-kes itu ia akan mengambil masa yang panjang. Mungkin tiga tahun, empat tahun untuk menyelesaikan satu kes dan jikalau tidak ada sebarang tuduhan yang kukuh, maka pelanggan itu yang buat pengaduan ini, dia boleh di *sue* oleh *lawyer* yang

berkenaan. Ini juga ada berlaku di kawasan saya di mana ada pelanggan apabila membuat pengaduan kepada *Bar Council* apabila *lawyer* tersebut dibebaskan tanpa apa-apa bukti yang kukuh *lawyer* itu *sue* pelanggan itu *after* di *defination* jadi pelanggan ini pun kena juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada sikit sahaja. Kepada kes-kes di mana *lawyer-lawyer* ada kecuai dalam menangani jikalau ada pihak klien yang ingin *sue lawyer* beliau apabila pergi kepada seorang *lawyer* yang lain, *lawyer* yang lain itu tidak mahu terima kes-kes di mana *lawyer sue lawyer*. Ini selalu berlaku *lawyer sue lawyer* memang mereka segan berbuat demikian. Serupa juga doktor perubatan *sue* doktor perubatan mereka juga tidak mahu terima kes-kes seperti ini. Ini adalah satu kemelut kesusahan yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan. Akhir sekali saya merayu kerajaan bersama-sama dengan Majlis Peguam Malaysia dan juga para peguam bekerjasama demi untuk membawa satu keadilan undang-undang dalam negara kita ini sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sila.

4.12 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di peringkat awal ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang petang ini iaitu dari Bukit Gelugor, Kota Melaka, Ipoh Barat, Batu Gajah termasuk juga yang bukan peguam seperti Kubang Kerian, Jerai dan juga Bagan... [Ketawa]

Saya pertamanya ingin menyatakan di sini bahawa kalau sekiranya di peringkat awal perbincangan saya tidak ada di dalam Dewan, itu ialah kerana saya serta pegawai-pegawai berada di luar. Kita melihat dengan teliti ucapan-ucapan yang telah dibuat supaya kita akan dapat menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan kerana mengikut prosedur kita di dalam Dewan walaupun saya tidak bersetuju dengan apa Ahli-ahli Yang Berhormat bahas saya ada kesempatan untuk menjawab waktu menggulung. Tidak ada guna saya duduk di sini dan terganggu dengan pelbagai perkara lebih baik saya duduk di luar saya meneliti ucapan-ucapan dan kalau sekiranya ada perkara yang saya hendak dapat daripada pegawai saya, saya boleh merujuk daripada mereka di luar. Kalau di sini susah untuk saya panggil mereka dan minta *point-point* yang saya mahu.

Yang Berhormat saya bukan menghina Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tetapi kerana mengambil serius pandangan dalam perbincangan itu sebab saya meneliti sendiri kerana kalau jawapan ini sudah tentu Yang Berhormat tidak mahu jawapan itu hanya diberi oleh pegawai tetapi mesti diberi oleh saya juga sebagai Menteri yang bertanggungjawab

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendek kata Yang Berhormat ambil tindakan yang berat lah....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya saya ambil berat kerana dalam macam ni saya dapat mendengar konsentrasi kalau di sini saya akan terganggu mungkin dengan perkara-perkara lain. Bukan saya menghina dan tidak mahu mendengar hujah-hujah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bercakap tentang banyak hal, banyak-banyak hal ini terbabit dengan kes individu-individu yang tertentu pertamanya berkenaan dengan D. P. Vijanderan, saya ingin menyatakan di sini bahawa Majlis Peguam telah menolak permohonan beliau untuk mendapatkan sijil *annual* tetapi sebagai rakyat beliau berhak untuk membuat rayuan dan beliau telah membuat rayuan dan Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan beliau oleh kerana itulah beliau masih lagi menjadi seorang peguam bela dan peguam cara yang beramal. Soal sama ada kita setuju tidak setuju itu merupakan pendapat dan pandangan kita tetapi Mahkamah Rayuan telah pun melulus dan oleh kerana itulah pada hari ini dia masih lagi mengamal. Bukanlah salah Majlis Peguam dan Majlis Peguam telah pun menolak.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sijil *annual* diberi kepada D. P. Vijanderan dia ada buat rayuan tetapi masa itu dia...., mahkamah belum habis kes *criminal* dia apa yang saya katakan pagi ini adalah selepas kes selesai apa yang dikatakan oleh Mahkamah Rayuan mengenai dia, iaitu dia berlakon dalam satu video lucah. Apa yang penting ialah mempertimbangkan adakah dia layak untuk menjadi peguam? Itu apa yang saya menanya pagi ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua kita mengamalkan apa yang dikatakan bahawa kebebasan dalam soal *separation of power* ini. Jadi Mahkamah Rayuan telah pun membuat keputusan bahawa beliau boleh diberikan.... apa ni rayuannya diterima. Sebagai kita Majlis Peguam pengamal undang-undang apa yang diputuskan oleh mahkamah itu kita kena terimalah. Kalau kita tidak terima keadaan akan menjadi kelam kabut. Soal sama ada dia telah menjadi pelakon dia layak atau pun tidak layak saya percaya ia telah pun menjadi fakta di hadapan Mahkamah Rayuan untuk membuat pertimbangan tetapi akhirnya apabila keputusannya lulus saya rasa luar daripada sama ada kita sebagai legislatif ataupun eksekutif untuk menolak keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah ataupun Kehakiman. Jadi saya tidak boleh hendak komen bagi saya dia telah buat keputusan kita kena hormati.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri penjelasan, Yang Berhormat Menteri ada merujuk kepada *separation of powers*, saya berbangkit perkara ini pada pagi ini dalam negara kita tidak ada *separation of powers* kerana *judiciary* yang dilantik oleh eksekutif walaupun Yang di-Pertuan Agong selepas nasihat daripada Perdana Menteri melantik seseorang hakim. Ini bukan bermakna ada *separation of power* kerana apa yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong adalah *on executive advice*. Dia tidak boleh berbuat apa-apa keputusan sendiri. Keputusan harus dibuat selepas dia dinasihati oleh *executive*, so mana ada *separation of powers* dalam negara kita ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tetapi kalau kita lihat amalan yang kita lakukan sistem kerajaan kitalah amalan yang kita ambil kita warisi dan kita tiru sebenarnya daripada United Kingdom dan juga Australia di mana dalam perlembagaan mereka juga iaitu bahawa *Chief Justice* dia di mana dipanggil *Lord Chancellor* dia dilantik oleh apa ini *Queen* setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri.

Saya kira kalau sekiranya kita hendak benar-benar ada *separation of powers* kita hendak tahu juga daripada mana datangnya kehakiman ini. Daripada asal-usul Malaysia terus bebas sedia ada segolongan manusia yang mengisytiharkan diri mereka sebagai kasta yang menjaga undang-undang. Tidak ada. Mereka mesti datang mesti dilantik oleh satu kuasa dia tidak dapat wahyu daripada Tuhan mengatakan bahawa di Malaysia kamulah yang akan dilantik jadi hakim, tidak ada. Ada cara bagaimana kita hendak lantik daripada tidak ada kepada ada. Hakim ini dulu tiada, sekarang sudah ada. Maka kita ada Perlembagaan Malaysia kita yang gubal dan kita mengambil betul-betul ikut negara Britain dan juga negara-negara Komanwel yang lain yang mana Perdana Menteri sudah tentu menasihati Agong untuk melantik setelah dia juga berunding dengan *Chief Justice*.

Saya tidak tahulah cara mana yang lebih baik lagi, melainkan kita ikut apa yang ada dalam Perlembagaan Malaysia kita. Begitu juga Yang Berhormat, kalau hendak bercakap tentang legislatif ini, *independent of the executives*. Agak sukar kerana sistem kita, siapa yang berkuasa, mempunyai kerusi yang besar dalam legislatif, dia akan jadi eksekutif, dan yang jadi eksekutif itu sudah tentulah merupakan ketua-ketua, parti yang bergabung yang mendapat majoriti di dalam legislatif, jadi itu juga, kalau hendak dipertikaikan, memang tidak ada kebebasan legislatif, kerana eksekutif itu terdiri daripada ketua-ketua parti yang menang kerusi besar dalam legislatif. Sudah tentu eksekutif akan menguasai legislatif.

Melainkan Yang Berhormat boleh cadang satu sistem yang boleh dikatakan *full proof*, kalau kita hendak lantikan, kita adakah *Judicial Commission*, juga akan berbangkit

soal siapa yang lantik mereka, tidak akan *Judicial Commission* ini boleh tiba-tiba sahaja ada. Mesti juga Agong memberikan kuasa kepada dia, dan kalau Agong hendak memberi kuasa kepada dia, Agong juga mesti mendapat nasihat daripada Perdana Menteri, serupa juga.

Sebab itu, dalam hal ini memang kalau kita *argue* sampai bila-bila kita tidak akan dapat satu keputusan yang kita anggap betul-betul *full proof* tetapi saya rasa yang paling elok sekali di sini ialah untuk kita, oleh kerana kita hendak pastikan betul-betul ada *separation of powers*, kalau betul-betul ada satu cadangan yang kita fikirkan iaitu bahawa itu adalah yang terbaik. Apa yang patut kita lakukan ialah bukan kita cadang dalam legislatif, kalau kita cadang untuk *judiciary*, bermakna kita pula legislatif hendak menguasai *judiciary*. Saya juga kira, jangan cadangan itu datang daripada juga eksekutif, kerana apa sekali pun kita kata eksekutif sudah pun kalau menerima membuat cadangan kepada *judiciary*, kita menguasai *judiciary*.

Lebih baik apa perkara-perkara yang hendak dicadangkan itu, kita terus berjumpa dengan pihak hakim supaya mereka membuat *cleansing* mereka sendiri, mereka merasakan ya kami hakim-hakim menerima pandangan daripada rakyat, kami perlu membuat perubahan dan biarlah perubahan itu datang daripada mereka dan kalau mereka bersetuju oleh kerana sistem kita untuk menjadi undang-undang ini menerusi legislatif, bolehlah kita putuskan tetapi untuk kita buat satu keputusan daripada legislatif dan eksekutif, *impose on judiciary*, bermakna kita sekali lagi menunjukkan bahawa *judiciary* tidak bebas, tetapi kita yang dengan izin *impose on the judiciary*. Sebab itu saya harap apa-apa juga perkara yang hendak kita bincangkan, yakinkan kepada pihak hakim-hakim, ini adalah untuk kebaikan mentadbirkan undang-undang di negara kita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri nombor satu Yang Berhormat Menteri nampaknya ingin mengelirukan isu yang dibangkitkan. Yang mustahak adalah ini, bila kita ada satu *Judicial Commission*, ia akan membenarkan apa-apa keputusan yang dibuat itu, *transparent*, tetapi sistem itu tidak ada sekarang, itu semua dibuat oleh cadangan daripada Perdana Menteri seperti yang dikatakan *the majority party*.

Tetapi kita sudah 50 tahun merdeka, patut pada masa sekarang kita patut mengadakan satu sistem *transparent* di mana semua pelantikan hakim termasuk *selection, appointment and transfer*, itulah yang menjadi masalah. Macam yang dikatakan oleh hakim bersara Syed Aidid yang khuatir dan yang dikatakan oleh Tan Sri Abu Talib di mana beliau kata, beliau bantah kepada pelantikan peguam-peguam, pelantikan hakim-hakim tetapi selepas beliau bersara, perkara ini terjadi. Ini untuk mengatasi masalah-masalah macam inilah kita perlukan satu *Judicial Commission* dalam negara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengelirukan sesiapa, saya menceritakan inilah yang kita warisi semenjak kemerdekaan, kita ikut Perlembagaan, dan Perlembagaan berkata demikian, iaitu pelantikan dibuat oleh Agong atas nasihat Perdana Menteri setelah Perdana Menteri berunding dengan *Chief Justice*. Yang itu yang kita ikut, soal sama ada merit betul tidak betul itu bukan soal sistem, itu soal *favoritism* ke mungkin ada di kalangan individu-individu yang telah pun diberi kuasa, itu bukan sistem, itu pandangan individu.

Pada saya kalau hari ini kita merasakan iaitu bahawa apa yang ada dalam perlembagaan itu, sudah tidak sesuai lagi, maka tanggungjawab kita, ialah untuk kita nasihatkan kepada hakim-hakim yang ada pada hari ini, kerana yang kita hendak wujudkan ini *Judicial Commission* yang hendak memilih hakim, jadi hakim-hakim merekalah kena puas hati, iaitu sistem yang baru ini mereka terima.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau kita berjumpa dengan hakim-hakim, kalau hakim-hakim ada kesedaran mengatakan itu bahawa benda itu betul berlaku, jadi kita pun hendak menjaga imej kita, kami setuju dengan cadangan, kalau hakim kata kami setuju dengan *Judicial Commission*, saya rasa bagi pihak eksekutif kita tidak ada masalah, sebab cadangan untuk mengadakan *Judicial Commission* itu datang daripada hakim sendiri *from the judiciary*.

Akan tetapi kalau pada hari ini, kita Ahli-ahli Parlimen berucap bermakna kita pandai bercakap tentang *separation of powers* tetapi sebenarnya kita hendak mengenakan syarat kita kepada *judiciary*. Begitu juga dengan eksekutif, kalau eksekutif bersetuju dengan legislatif, kemudian kita beritahu *judiciary*, ini cara kami hendak, bermakna kita *imposing on judiciary*. Kita sendiri tidak mengamalkan kebebasan. Sebab itu lebih baik bercakap kepada hakim dulu, beritahu kepada Ketua Hakim atau *Chief Justice*, kalau *Chief Justice* kata, ya saya setuju dan *Chief Justice* pun beritahu kepada kita, ikut proses sekarang ini, hendak buat peraturan kena ikut Parlimen. Kita akan ikutlah, tetapi kalau hakim-hakim itu sendiri tidak mahu menerima cadangan daripada luar, apa yang kita boleh buat, kita tidak boleh buat apa-apa. Melainkan kalau hakim itu...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya hendak jawab, tunggu Yang Berhormat bagi Ipoh Barat punya *turn* nanti, nanti Yang Berhormat boleh bangkitkan balik, sebab kalau tidak jawab Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, saya respons kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi. Kalau ada lain lagi hendak tanya, boleh tanya lagi lepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor juga bangkit berkenaan dengan kes Datuk Shafie Abdullah....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, lepas... Benda yang sama? Yang Berhormat bagi Puchong, benda yang sama kah, apa?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *Separation of powers*...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lepas ini, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apabila Mahkamah Khas untuk di royalti, ada ditubuhkan. Adakah hakim-hakim memberi nasihat untuk tubuhkan Mahkamah Khas itu? Mahkamah Khas itu ada ditubuhkan oleh Parlimen dengan pindaan kepada perlembagaan. Tidakkah dinasihati oleh sesiapa? Prinsip itu boleh diikuti dalam perkara yang saya berbangkit tadi. Bolehkah saya dapat komen daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu pun disebut Mahkamah Khas, dan dianya merupakan iaitu kalau di kalangan hakim-hakim, tidak ada sistem pada ketika itu, berkenaan dengan bagaimana kalau sekiranya kita hendak menghakimi sesuatu hakim kalau sekiranya tidak ada *infra* pada ketika itu, sudah tentu perkara ini mesti diselesaikan. Dan ia mesti ditentukan oleh pihak yang bertanggungjawab pada ketika itu. Kalau maknanya untuk menyelesaikan masalah itu sudah tentulah kita kena selesai tetapi kalau macam melantik hakim ini, sistemnya sudah ada. Jadi sebab itu berbeza kes *Judicial Commission* ini. *Judicial Commission* ini kita hendak pilih hakim ini, kita tidak boleh *impose on them* tetapi macam mahkamah khas ini merupakan satu perkara yang luar biasa, yang perlu diadakan untuk mengatasi kemelut yang ada dalam negara.

Akhirnya sudah tentu ia pergi kepada rakyat untuk memutuskan apa yang perlu kita lakukan. Sebab itu berbeza di antara Mahkamah Khas ini dengan *Judicial Commission* yang hendak kita cadangkan untuk menentukan supaya hakim-hakim yang dipilih ini ialah hakim-hakim daripada sudut pandangan setengah pihak yang boleh dipercayai dan lain-lain. Ada perbezaan sedikit dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dato Shafie Abdullah...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Puchong hendak tanya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai *separation of power* ini bagi saya, memang saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ia ada satu sistem yang *full proof*. Sebagai contoh kita lihat di Amerika Syarikat, satu negara yang dianggap demokrasi, transparensi, bagaimana hakim mereka dilantik. Juga dilantik oleh presiden melalui satu *process constituency*. Siapa presiden? Presiden adalah dimiliki oleh rakyat majoriti, *popular votes*.

So, bagi saya, adakah bersetuju Yang Berhormat bahawa memang tidak ada satu sistem yang *full proof* untuk pelantikan hakim atau *promotion* hakim tetapi yang penting sekali ialah membuat satu sistem di bawah Perlembagaan kita, mengikut apa yang sedia ada dan apa yang telah diberikan mandat oleh rakyat. Apakah pendapat Yang Berhormat mengenai sistem ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada saya kita bercakap tentang *executive*, *judiciary* atau *legislative*, saya rasa suara rakyat yang paling keramat sekali. Saya percaya kalau sesuatu perkara yang tidak baik yang dilakukan oleh Parlimen ataupun yang dilakukan oleh *executive*, saya percaya rakyat akan bangun dan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang telah menyalahgunakan kuasa... [Disampuk]

Okey, Dato Shafie Abdullah kerana mengugut bekas hakim KL Rehkraj dan atas tiga laporan polis lain, Zaharah Abdul Rahman. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa kedua-dua kes ini telah pun diterima laporannya oleh polis dan telah pun di siasat dan ia telah pun dikategorikan sebagai *no further action* kerana pada pendapat pihak yang menyiasat bahawa tidak cukup keterangan untuk dibuat apa-apa pendakwaan. Keputusan telah dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya tahu cara ugutan yang digunakan oleh Dato Shafie Abdullah ke atas bekas hakim KL Rehkraj? Apa cara ugutan itu? Siapa buat laporan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, *detail* maklumat saya tidak ada. Saya tidak mahu cakap bohong di sini, cuma soal yang ditanya ialah sama ada tindakan telah diambil terhadap laporan ini. Jawapannya itulah, telah diambil. Jadi, *detail* saya sendiri tidak tahu apa cara ugutan. Kalau Yang Berhormat hendak, mungkin saya boleh tengok. Saya akan sampaikan, kalau mahulah. Bertulis, ya!

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor juga bertanya berkenaan dengan seorang Timbalan Ketua Menteri di Sabah yang telah pun dihukum RM1,800. Yang Berhormat pun sebut, dengan izin, *the point is not how much the denda* itu tetapi kesalahan itu. Baik, saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat sebut tetapi saya sebut dua perkara:

- (i) sudah tentu dia tidak *disqualified* kerana ini undang-undang. Undang-undangnya iaitu bahawa kurang daripada RM2,000 tidak *disqualification*. Maknanya dia boleh dari segi undang-undang.
- (ii) dari segi moral semenjak Yang Berhormat bagi Keningau dikenakan hukuman itu maka dia telah menawarkan dirinya untuk bertanding pilihan raya dua, tiga kali selepas itu.

Saya percaya ini berlaku pada tahun 1990. Kemudian kita ada pilihan raya lagi dan dia telah menawarkan diri. Dari segi moral ini, saya percaya saya tidak boleh tentukan, Yang Berhormat tidak boleh tentukan. Yang boleh menentukan ialah rakyat yang dia menawarkan dirinya sama ada mereka merasakan bahawa dia boleh atau tidak.

Selepas dia didenda RM1,800, dia telah menawarkan diri untuk bertanding dalam pilihan raya dan tiga kali lagi dia dipilih oleh rakyatnya. Siapa kita untuk menyatakan dia tidak layak kalau rakyat, pengundi di tempatnya mengundi dia balik. Sebab itu bagi saya, saya kata yang penting ialah rakyat. Kalau rakyat merasakan bahawa dia tidak ada moral lagi untuk bertanding, saya percaya rakyat akan tolak dia tetapi siapa kita untuk hendak menolak kehendak pengundi yang telah mengundi beliau.

Sebab itu saya merasakan bahawa kita telah mengambil semua tindakan tetapi kalau rakyat merasakan bahawa dia layak, siapa untuk kita menyatakan bahawa dia tidak layak. Sebab itu kalau dia dipilih semula menjadi Menteri ataupun Timbalan Ketua Menteri, ini ialah kerana dia mendapat sokongan daripada partinya. Ahli-ahli partinya tidak merasakan dia tidak ada moral dan dia juga dipilih oleh rakyat yang mengundinya. Oleh kerana itu kita anggap iaitu bahawa dia layak untuk diberikan jawatan kalau rakyat dan partinya memikirkan bahawa dia layak.

Sebab itu saya rasa pada hari ini dia jadi menteri pun adalah di atas kehendak pengundi-pengundinya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga bercakap tentang Dato' Cyrus Das. Saya setuju seperti mana Yang Berhormat sebut. Itu terpulanglah kepada Dato' Cyrus Das untuk mengambil tindakan membersihkan namanya. Takkan kita pula gesa dia. Apa hak kita? Dato' Cyrus Das itu terpulang kepada dia kalau dia hendak membersihkan namanya.

Berkenaan dengan Yang Berhormat bangkitkan berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Taiping. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa dalam isu ini Yang Berhormat bagi Taiping, kita faham tentang proses dan prosedur undang-undang. Kalau Mahkamah Rendah mendapati dia bersalah, dia boleh merayu kepada mahkamah yang lebih tinggi dan berakhir dengan Mahkamah Persekutuan.

Selagi proses ini tidak *exhaust, the avenues are not exhausted yet* dan ada rayuan yang dibuat oleh pihak Yang Berhormat bagi Taiping maka kita tidak boleh menyatakan iaitu dia sudah bersalah. Sebab sistemnya begitu. Maknanya kalau Mahkamah Rendah ambil keputusan ada rayuan maka terpulanglah kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat keputusan dan belum muktamad lagi sehinggalah mahkamah yang paling tertinggi sekali iaitu Mahkamah Persekutuan mengambil keputusan belum lagi ada muktamad dalam soal menjatuhkan hukuman ini.

Saya difahamkan iaitu bahawa Yang Berhormat bagi Taiping membuat rayuan. Oleh kerana itu belumlah lagi kita boleh mengambil kesimpulan bahawa dia sudah pun secara muktamadnya didapati bersalah. Sebenarnya sepatutnya macam *info line*, ia tidak sepatutnya menamakan dalam *info line* menyatakan kes ini sedang merayu atau apa, kita hendak kena jaga juga kepentingan. Maknanya orang itu belum bersalah lagi tetapi kalau dia sudah bersalah *by all means*, kalau sudah didapati muktamad bersalah, *by all means* Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor boleh menulis kepada Perdana Menteri supaya Perdana Menteri mengambil tindakan terhadap sesiapa yang telah didapati bersalah oleh mahkamah. Kepada saya dalam kes ini Yang Berhormat bagi Taiping telah pun membuat rayuan dan kita tunggu sahingga keputusan rayuan itu barulah boleh kita mengambil satu tindakan terhadap beliau.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Ya sila, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan kali yang pertama di mana Ahli Yang Berhormat bagi Taiping didapati bersalah oleh *Disciplinary Board*. Bolehkah saya dapat tahu bagi kesalahan yang kedua, apa *misconduct* beliau.

Misconduct serious, nature of the misconduct. Bolehkah saya dapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat daripada Taiping sendiri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, *floor* ini saya yang punya.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita menggulung berkenaan dengan Rang Undang-undang LPA iaitu *Legal Profession Act*. Oleh sebab itu, untuk mengaitkan dengan perkara yang lain dan suruh orang lain jawab ini akan menjatuhkan kewibawaan saya pula. Sebab itu saya harap supaya perkara seperti ini macam saya sebut sebenar tadi kalau mahu *detail* selepas ini saya akan beritahu secara *detail* apakah kesalahan itu dan sebenarnya ini bukan rahsia lagi kalau telah pun dibawa ke mahkamah, semua orang sudah tahu. Kalau kita boleh baca daripada laporan atau report semua orang tahu apa benda kesalahan itu. Tidak perlulah saya bangkit dalam Dewan ini dan tidak perlulah Yang Berhormat bagi Taiping menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan LPA iaitu *Legal Profession Act*, Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor bangkitkan berkenaan dengan soal seksyen 46 bukan yang (1), yang itu kita mansuh, (a) kita mansuh dan dua-dua tu lagi iaitu bahawa *Trade Union Member* dan Ahli Parlimen tidak boleh menjadi Ahli Jawatankuasa kepada Bar Committee ini atau Majlis Peguam. Pertamalah saya sebut maknanya itu bahawa Ahli Parlimen ini bukan sahaja pembangkang tetapi yang *backbencher* pun juga tidak boleh. Saya bimbang dan takut nanti kalau orang tidak faham, kalau perkara ini dibangkitkan oleh pembangkang seolah-olah ahli-ahli pembangkang sahaja tidak dibenarkan. Sebenarnya semua Ahli Parlimen tidak dibenarkan. Kalau dia menjadi Ahli Parlimen, *Trade Union Congress Member* tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Majlis Peguam tetapi praktis boleh cuma Jawatankuasa Majlis Peguam sahaja tidak boleh.

Saya bersetuju Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah berkata dalam ucapan beliau pada tengah hari tadi mengatakan menteri sendiri bersetuju, memang saya bersetuju kerana kalau kita lihat soal kebebasan. Pada ketika itu saya tidak fikir tentang lain, *the right* (hak) saya setuju. Memang patut boleh tetapi Yang Berhormat saya pernah menjadi timbalan menteri waktu kita menghadapi kemelut kehakiman ini. Timbalan menteri pada ketika itu pada tahun 1995. Saya melalui dan saya ada pengalaman ini semua dan keadaan pada ketika itu memang cukup teruk iaitu hubungannya di antara *Bar Council* dengan kerajaan. Dan saya sendiri berasa begitu insaf kerana perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Sebab itu apabila saya sekarang menjadi menteri ada kuasa lebih sedikitlah, saya nekad.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Banyak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak. Terima kasih Yang Berhormat. Banyak ya. Kita *very modest* lah kan. Saya nekad sebenarnya. Saya juga seorang peguam. Tidak sepatutnya *Bar Council* dengan kerajaan ini bertembung kerana saya sebagai Menteri kalau saya menjaga kehakiman, kehakiman itu bukan sahaja terdiri daripada hakim dan *prosecutor*. Ini semua pegawai kerajaan tetapi juga *Defense Council*. Ini bermakna saya juga merupakan menteri kepada pengamal-pengamal guaman di negara kita dan kalau saya juga menjadi menteri tidak sepatutnya *Bar Council* yang terdiri dari *officers of the court* yang cukup penting. Mahkamah tidak boleh berfungsi kalau ada hakim dengan *prosecution* sahaja, tidak ada keadilan dan tidak ada pembelaan.

Defense Council yang terdiri daripada peguam-peguam yang mengamalkan undang-undang itu juga merupakan jatuh di bawah tanggungjawab saya dan saya bertanggungjawab untuk memastikan iaitu *never against*, jangan lagi berlaku di mana *Bar Council* ini dilihat sebagai musuh kepada kerajaan dan kerajaan dilihat sebagai musuh kepada *Bar Council*. Orang hilang keyakinan dan tidak boleh dinafikan sebab itu cukup penting hubungan di antara kerajaan dengan *Bar Council*, cukup penting. Sebab itu Yang Berhormat walaupun saya bersetuju saya tidak menafikan, Yang Berhormat cakap itu betul. Saya bersetuju iaitu memang sepatutnya diberikan hak, kalau orang lain boleh, mengapa peguam tidak boleh.

Akan tetapi kita tahu bahawa peguam ini merupakan satu kumpulan orang yang mendapat secara automatik dihormati oleh masyarakat dan dia adalah *officers of the court*. Sebab itu setelah saya menjadi menteri saya berasakan bahawa *never against* iaitu bahawa kita dalam kerajaan mesti bermusuh dengan *Bar Council* dan *Bar Council* bermusuh dengan kerajaan. Perkara pertama yang saya lakukan ialah untuk turun berjumpa dengan *Bar Council* Malaya, Pengerusi dan saya berjumpa semua kerana sebagai menunjukkan *indication* iaitu bahawa kita menghormati *Bar Council*.

Saya cukup hendak jaga *Bar Council*. Hubungan. Maka oleh kerana itu saya hendak menjaga juga *the independence of the Bar Council, it is very important*. Sebab itulah politik ini merupakan satu perkara yang cukup penting untuk hendak menunjukkan sama ada *Bar Council* ini bebas ataupun tidak. *Independence thinking dan independence thinking ini not independence only for the government but independence from the opposition, is that important?* Kerana pentingnya *Bar Council* ini. Kalau macam hari ini kita tengok katalah kita tidak ada seksyen 46 ini yang melarang Ahli Parlimen daripada menjadi *Member of Bar Council, Jawatankuasa*. Saya bimbang dan takut terbawa-bawa apa yang Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor hari Ahli Parlimen bayangkan juga dia menjadi Presiden kepada *Bar Council*, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga menjadi Presiden Perak *Bar Council*....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu pilihan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betullah pilihan. Memang saya faham pilihan jadi bolehkah mereka mengasingkan pandangan mereka sebagai Ahli Parlimen yang mempunyai *political believes* dalam DAP, bolehkah mereka memisahkan daripada tanggungjawab mereka untuk bertindak bagi Majlis Peguam tanpa dipengaruhi oleh fahaman politik mereka. Boleh tidak? Sukar. Dia akan terbawa-bawa. Apa yang kita bangkitkan sebagai pembangkang di sini akan dijadikan sebagai agenda pula kepada *Bar Council*.

Apabila menjadi agenda *Bar Council* maka akan berlakulah balik apa yang telah berlaku 10 tahun dahulu. Ini yang saya hendak elak. Apa salahnya Yang Berhormat tidak menjadi Presiden *Bar Council* pun boleh bersuara di sini tetapi janganlah *drag Bar Council* itu membawa isu yang sama sebagai pembangkang, *for no reason you drag the Bar Council which should be independence. Independence of the government and also of the political believes of the other political parties*. Yang itu sahaja yang saya mahu.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, silakan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum 46A khasnya (b) ada dibawa ke dalam Dewan dan diluluskan menjadi undang-undang itu adalah dalam tahun 1978 jika saya tidak silap, sebelum itu tidak ada apa-apa masalah. Dalam zaman Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, ketiga-tiga *lawyer* ini tidak ada apa-apa masalah. Kenapa ada masalah apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri. Dan adakah benar pada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad ada masalah permusuhan di antara *Bar Council* dan kerajaan bukan sebelum itu. Adakah itu benar?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak perbetulkan iaitu *Legal Profession Act* ini ialah 1975.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: 1976!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:1976. Dia tidaklah pada tahun itu juga difikirkan, tahun itu juga berlaku. Mengikut nota saya menunjukkan bahawa suasana yang kurang menyenangkan itu telah pun berlaku waktu Allahyarham Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri lagi. Ini nota yang saya lihat. Bermakna tidak betullah kalau Yang Berhormat kata perkara ini berlaku waktu Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, tidak. Saya pun pening juga. Dia hentam tapi kadang-kadang sokong tetapi tidak apalah. Ini biasalah.

Waktu itu dia belum jadi Perdana Menteri lagi. Yang menjadi Perdana Menteri Tun Hussein Onn dan waktu saya hendak membentangkan rang undang-undang ini nota-nota itu jelas menunjukkan bahawa ianya berlaku pada zaman Tun Hussein. Tidak betullah kalau hendak mengatakan bahawa ianya berlaku pada zaman Tun Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri, tidak. Ia zaman Allahyarham Tun Hussein Onn jadi Perdana Menteri. Itu yang pertama tidak betul.

Nombor dua Yang Berhormat, memang betullah sebelum itu tidak ada apa-apa. Kalau tidak ada apa-apa hubungan antara *Bar Council* dengan kerajaan baik buat apa kita hendak pinda tetapi kerana pada ketika itu juga *young lawyer* yang tidak *young* lagi hari ini Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Pada ketika itu juga dia memang hebat, dia *young lawyer*, dia jadi *Bar Council* sebelum jadi Ahli Parlimen saya ingat dia penyokong kuat parti DAP pada ketika itu sudah lihat bahawa politik telah menguasai ini dan menyebabkan keadaan tidak elok, keruh tidak seperti dahulu. Sebab itulah kita ambil tindakan ini kerana kita hendak pastikan supaya jangan *Bar Council* dengan kerajaan itu bertembung. Kita tidak mahu. Sebab itu Yang Berhormat kita ambil tindakan ini. tanya lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan. Walaupun Seksyen 46A (1)(a) dari dibuat pada tahun 1978 pada zaman Tun Hussein Onn tetapi apa yang penting adalah implementasi seksyen itu dengan kuat adalah pada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tun Dr. Mahathir Mohamad benci semua *lawyer*. Dia menyatakan dalam Dewan ini "*Hung all the lawyers and the judges*". Adakah itu apa yang benar untuk menunjukkan pada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam zaman itu kebencian di antara *Bar Council* dan kerajaan adalah serius adalah masa itu bukan sebelum itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak beritahu sama ada implementasi itu kuat atau tidak kuat tapi rang undang-undang diimplementasikan sebaik sahaja dia digazet iaitu pada tahun 1976. Perkara ini berlaku yang saya hendak kata dengan *Bar Council* ini berlaku pada tahun 1995 iaitu dekat dua puluh tahun kemudian baru berlaku tetapi apa yang saya hendak cakap di sini sebenarnya apa yang berlaku di antara Dato' Seri Tun Dr. Mahathir pada ketika itu Perdana Menteri kalau ada pertembungan dan kalau ada pergaduhan bukan di antara beliau dengan *Bar Council* tapi pergaduhan itu berlaku di antara beliau dengan hakim.

Tidak betullah hendak kata bahawa dia marah kepada *lawyer* kemudian hentam hakim. Tidak begitu. Sebenarnya perselisihan itu berlaku dengan hakim terlebih dahulu, kemudian *Bar Council* mengambil sikap dan dia membela hakim selepas itu barulah bertembung dengan Perdana Menteri pada ketika itu. Tidak betul hendak katakan bahawa bergaduh dengan *Bar Council* tidak. Yang pertamanya perselisihan itu ialah dengan hakim dahulu. Hendak kata secara rambang dia benci peguam itu saya rasa spekulasi. Tapi dia memang pertembungan itu dengan hakim dahulu. Jadi tidak berbangkit soal dia tidak suka kepada *Bar Council members*...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada Yang Berhormat hendak tanya?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak tanya. Boleh Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan. Sila tanya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, saya amat kecewa dengan kenyataan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata memberi contoh mengapa Seksyen 46A(1)(b) dan (c) tidak mahu dimansuhkan kerana mahu memastikan Majlis Peguam adalah bebas tidak ada pengaruh dan contoh-contoh yang diberi oleh Yang Berhormat adalah pengaruh pembangkang. Ini jelas Yang Berhormat pihak kerajaan takut bahawa pandangan-pandangan pembangkang ini akan dimasukkan atau menjadi pandangan bagi Majlis Peguam.

Yang Berhormat, saya haraplah di era ini tadi Yang Berhormat kata semasa membentangkan rang undang-undang bersifat terbuka dan positif di era ini masa telah berubah

kita mesti mengakui sistem demokrasi dan cabang serta peranan yang dimainkan oleh pembangkang. Kenyataan Yang Berhormat itu jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan amat takutkan pembangkang dan juga mencabar dan tidak mengakui kemampuan peguam-peguam yang terdiri daripada 12,000 orang ini untuk memilih wakil mereka sendiri mempunyai pendirian sendiri. Saya haraplah Yang Berhormat di era ini bersikap lebih terbuka dan mansuhkan seksyen 46A(1)(b) dan (c) dan akui dan jangan lihat pembangkang sebagai musuh. Kami mempunyai peranan untuk memberi kritikan agar kerajaan dan juga negara boleh maju ke depan. Saya pohon penjelasan aspek ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tidak takut sebab itu kita kata semua Ahli Parlimen bukan sahaja pembangkang tapi *backbencher* macam Yang Berhormat bagi Kota Melaka pun tidak boleh jadi. Sebab kita rasa kalau dia jadi Presiden *Bar Council* nanti dia akan membawa pandangan kita. Kita pun tidak mahu *Bar Council* dipengaruhi oleh pandangan Barisan Nasional. Kita hendak dia bebas. Kita tidak mahu hari ini *Chairman Bar Council* Yeoh Poh San dia tidak masuk parti mana. Kita hendak dia macam itu. Kalau dia jadi Ahli MCA kita pun tidak hendak dia kalau dia Ahli Parlimen sebab nanti orang kata dia akan bawa pandangan kita.

Kalau kita bercakap tentang bebas biarlah bebas betul-betul bebas. Sudah tentu Yang Berhormat kalau macam Dewan hari ini Yang Berhormat bagi Batu Gajah katakan dia Presiden *Bar Council* saya peranglah dengan dia. Macam mana hakikatnya iaitu bahawa dalam Parlimen dia pembangkang. Kita kata iaitu bahawa hendak bangkang, bangkanglah bukan takut dengan dia. Dalam Parlimen ini mana ada pembangkang duduk diam. Kita tengok ke main lantang bercakap. Tidak ada apa-apa. *No problem*, sebab inilah merupakan arenanya. Biarlah dalam Dewan Rakyat ini ada pembangkang yang membangkang supaya kita boleh jawab di sini tapi kalau dia Ahli Parlimen dia jadi Presiden *Bar Council* dia balun saya dalam mesyuarat saya tidak boleh buat apa. Saya tidak boleh pergi jawab sana. Jadi sebab itu lebih baik dia membangkang di sini supaya saya boleh berdiri bangun dan menjawab dia.

Sebab itu saya kata, iaitu bukan kita takut pembangkang, tak ada takutlah. Di kawasan saya pun Chenderoh sekarang Padang Rengas tunggu juga DAP lawan saya, tak mahu pula lawan, tuduh saya macam-macam lawanlah saya... [*Ahli-ahli DAP menyampuk*] Ha lawanlah saya, saya cadangkan supaya lepas ni, DAP yang lawan saya, senang. Bila yang lawan saya Keadilan, tak usah ke PAS pun takut lawan saya, ha jadi, saya harap supaya untuk membolehkan saya menjawab balik segala apa yang dibangkit oleh Ahli Parlimen Pembangkang...

Seorang Ahli: Dr. Mahathir, Dr. Mahathir...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:Sebab itu saya kata, tak usah jadi *Bar Council*, bangkit di sini kerana saya juga akan menjawab apa yang dibangkitkan di sini tetapi, kalau menjadi Presiden *Bar Council* dok bantai saya kat luar, tak apa-apa boleh buat, sebab itu saya harap supaya lihat secara positif sebenarnya iaitu bahawa kerana saya benar-benar mahu, mahu melihat iaitu bahawa *Bar Council* ini berada di dalam tahap perhubungan yang baik dengan kerajaan. Sebab itu Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, hari ini saya mengatakan bahawa saya tidak akan memansuhkan peruntukan itu kerana hendak dengan peguamlah nak baik tetapi, kalau Yang Berhormat tak jadi Ahli Parlimen duduk dalam *Bar Council*, *no problem* kita boleh bincang, tetapi, Ahli Parlimen nak bangkang, bangkang di sini. Saya takkan lari dari tanggungjawab saya untuk menjawab segala apa yang saya bentangkan dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Bukit Gelugor, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa larangan seperti 46(1B), peruntukan seperti itu tidak ada, tidak ada di Australia, Britain, New Zealand dan dalam negeri-negeri lain dalam Komanwel. Adakah Yang Berhormat sedar itu apa yang benar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa yang kita buat di negara kita adalah berdasarkan, bersandarkan kepada suasana yang ada di dalam negara kita ya, di negara kita. Sebut Australia kita tahu iaitu, *dominant culture is WASP* iaitu *White Anglo-Saxon Protestant* di UK begitu, di New Zealand begitu tetapi di Malaysia ni tak ada *dominant culture* 55 peratus orang Melayu yang lain itu ada China, India bukan sebuah negara yang senang dan mudah untuk ditadbirkan. Sebab itu apa juga yang kita ambil kira, apa juga yang kita nak luluskan dia mesti berbentuk kepada fakta yang wujud di negara Malaysia, ya. Kalau sekiranya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti kejap, biar saya jawab dulu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Tak dengar jawapan saya. Hari ini Yang Berhormat, kita banyak hal, banyak hal ya, yang kita lakukan masih lagi kita melihat kepada kulit ni, sebab tu saya nak balik juga kepada juri sistem, nanti saya akan jawab. Sebab kita tak boleh lari daripada hakikat iaitu bahawa apa-apa nak buat walaupun kita di atas, saya dalam kerajaan dan Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen, kita mempunyai sefahaman bahawa ini negara Malaysia, rakyat Malaysia, tapi di bawah tidak begitu Yang Berhormat, di bawah tidak begitu.

Di bawah itu masih lagi ada soal, "Aku Melayu, kamu China, kamu India". Yang ini kita nak kena jaga dan apa yang kita lakukan tidak semestinya kita kena ikut apa yang dilakukan di negara lain. Dia kena ingat itu bahawa waktu perkara ini dilakukan pada ketika itu kita baru sahaja keluar daripada pergaduhan kaum yang begitu kuat pada tahun 1969, kita ambil kira itu semualah, benda itu jangan berlaku lagi.

Sebab itu kadangkala apa yang tidak ada di negara lain tidak semestinya tidak boleh dilakukan di negara kita. Kita mesti buat undang-undang berlatarbelakangkan kepada latar belakang negara kita, yang tu penting tanggungjawab kerajaan ialah untuk memastikan iaitu supaya perkara-perkara tidak diingini yang berlaku dahulu tidak berulang kembali kerana kalau dia berulang kembali, saya rasa kita telah gagal untuk menjadi sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang agama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, apa yang jadi dalam Peristiwa 13 Mei, tidak ada kaitan dengan rasional peruntukan 46(1B). Di negara lain tidak ada peruntukan seperti ini dan tidak ada apa-apa masalah dan dalam negara ini, kenapa peguam dipilih, kenapa doktor, akauntan semua tidak dipilih untuk mengadakan larangan seperti ini. Adakah kerajaan takut daripada *lawyer*, dan tidak takut daripada doktor, akauntan dan profesion-profesion lain. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Setuju sajalah setuju, setuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana ada demokrasi macam ini, mana ada demokrasi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila diam.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia tanya suruh saya setuju, tak ada demokrasi tapi *Democratic Action Party*. Dengarlah pandangan sebelah sini juga...

Seorang Ahli: Bar Council accountant kah? Saya pun tak faham, macam mana ni.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Profesion saya nak beri tahu, *accountant* tu, dia berurusan dengan buku dia saja, ya. Dengan *balance account* apa dia bercakap tentang undang-undang orang tak peduli ya. Doktor dia *deal* sahaja dengan orang sakit tu, *deal* dengan orang sakit. Sebut lagi arkitek, dia dengan kertas dia nak *design* tetapi *lawyer* ni, *officers of the court*, *officers of the court*. Sebenarnya dia adalah orang

yang memahami undang-undang. Sebab tu, kepada saya dia merupakan satu masyarakat yang penting, yang kita tidak mampu untuk bermusuhan dengan mereka.

Kita kena berbaik-baik dengan mereka dan kadangkala oleh kerana mereka merupakan orang yang memahami undang-undang apa yang dia cakap itu, orang kata, kalau tidak dihujahkan balik orang akan percaya kata. Saya pernah pergi ke kampung, sebut sahaja *lawyer* sahaja semua orang hormat, belum tahu lagi saya tahu semua undang-undang, tak mungkin semua *lawyer* tahu semua undang-undang tetapi, sebut peguam mendapat penghormatan. Kalau beritahu ni, arkitek dia tak tak tahu pun orang kampung apa benda arkitek ni, baru saja arkitek ni, itu pun arkitek dia dok buat kerja dengan kertas dia saja tapi, *lawyer* jangan? *Lawyer* orang hormat. Walaupun ada kes-kes tertentu yang Yang Berhormat bagi Jerai sebut tadi itu bahawa menipu, itu biasalah mana masyarakat pun ada.

Akan tetapi, kalau sebut *lawyer*, peguam orang hormat, walaupun dia tak tahu semua undang-undang, tak mungkin kita tahu semua undang-undang, tapi orang ingat dia tahu law. Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dia berucap, dia ni pandai bercakap orang kata, orang beritahu dia *lawyer*, oh patutlah, tetapi, kalau dia arkitek, dia ni pandai bercakap, dia arkitek, oh arkitek boleh bercakap ha. Orang bercakap macam itu. Jangan kita memperendahkan profesion kita..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau doktor pandai bercakap Yang Berhormat... [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Doktor? Bukan sahaja bercakap orang tak faham, tulisan dia pun orang tak tahu... [Ketawa] Itu jarang-jarang saja doktor jadi *politician* ni, tapi *lawyer* ni berselerak tengok ni...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Speaker setujukah, Speaker?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Haa *lawyer* berselerak ni, nak tengok, ramai *lawyer*. Sebab itu kita jangan memperendahkan *don't underrate the profession* apa yang dia boleh buat *do not underrate*, sebab kalau kita bergaduh dengan peguam kita, memang betul orang pertama yang akan lihat untuk nak melabur di negara kita dia akan tengok macam mana sistem perundangan dia. Kalau kerajaan berkelahi dengan peguam, kau lari orang, ya.

Sebab itu jangan merendahkan profesion peguam. Sebab itu kita kena lihat peguam ini berbeza sedikit dengan profesion-profesion yang lain. Sebab itulah saya tetap mengatakan iaitu bahawa masih lagi perlu supaya peruntukan ini tidak dimansuhkan kerana saya berniat dan bertekat, iaitu walau apa sekali pun saya nak pastikan iaitu hubungan di antara kerajaan dengan Majlis Peguam adalah tahap yang terbaik dan dapat meyakini masyarakat bahawa tidak ada perkara yang '*untoward*' boleh berlaku di negara kita kalau sekiranya kita mempunyai hubungan yang baik dengan Majlis Peguam. Dengan izin, *and I intend to do that when I'am a Minister in charge of law*.

Kita berbalik kepada perkara Yang Berhormat sebut berkenaan dengan Cherie Booth. Yang Berhormat, betul, dia seorang peguam dan Yang Berhormat bertanya mengapa diberikan keistimewaan seolah-olah dia datang pada lawatan rasmi. Saya hendak bagi tahu, memanglah Cherie Booth ini dia peguam tetapi walaupun dia peguam, dia juga isteri kepada Perdana Menteri Britain. Isteri!

Saya ingin bercakap dua perkara di sini. Pertamanya, Yang Berhormat, adat kita sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa dan agama, memang cara kita menghormati orang. Kalau dia isteri kepada Perdana Menteri, walaupun dia datang tetapi itu cara kita. Biarlah orang kata, "Eh! Kalau Perdana Menteri kita pergi dia orang tidak layan," itu cara dialah tetapi kita orang Timur, Rakyat Malaysia memang begitu. Kita bagi penghormatan kerana apa? Saya tidak nafi kerana dia isteri kepada Perdana Menteri, Tony Blair. Takkanlah kita menunjukkan budi bahasa kita, tidak usah pedulilah. Kita tahu dia hendak datang ni...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah sekejap, tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi jalan lagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah dulu. Jangan tanya saya cukup, saya hendak jawab dulu Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, lepas itu tanyalah. Bila saya berhenti, duduk, barulah berdiri. Belum lagi... Eh! Ini tengah bercakap ni. Mana ada berhenti!

Kita sebagai orang Timur, kalau kita dimaklumkan oleh *Special Branch* daripada UK, memberitahu pada hari yang tertentu isteri Perdana Menteri hendak datang, bolehkah beri sikit sekuriti. Pertamanya, sebagai orang Malaysia, adakah kita hendak kata, "*I'm sorry, she's nobody. Come at her own risk*". Saya ingat ini *unmalaysian*. Sekarang ini *Malaysian* pun sudah dikatakan *rude*. Tidak tahulah kalau dia wawancara kepada Yang Berhormat, tidak tahulah tetapi *Malaysian were said to be rude*, tetapi kerajaan tidak mahu jadi *rude*. Sebab itu kita bagi.

Nombor dua Yang Berhormat, *prevention is better than cure*. Jemaah Islamiah di sebelah Tenggara Asia ini, yang hendak datang ini semua orang tahu. Kalau sekuriti kita *lack*, kita buat tidak tahu..., katakanlah, sesuatu dirancang oleh mereka ini, geram kepada Barat, tidak dapat Bush, cari Blair. Tidak dapat Blair, cari bini Blair. Dia tahu bahawa kerajaan Malaysia tidak akan bagi keselamatan atau *security* kepada dia. Kalau apa-apa tidak berlaku, tidak apalah. Kalau apa-apa berlaku, tidakkah pertamanya kalau sesuatu berlaku kepada Cherie Blair, tidakkah malu kita! Sebagai sebuah negara, Cherie Blair boleh pergi ke mana-mana dunia tidak ada apa-apa, datang ke Malaysia sesuatu berlaku.

Nombor dua, Yang Berhormat, saya percayalah, kalau kita tidak bagi sekuriti kepada Cherie Blair, sesuatu berlaku kepada dia, sesi Dewan Rakyat Ketua Pembangkang yang pertama sekali akan bangun dan menghentam kerajaan kerana tidak memikirkan untuk pertimbangan memberikan sekuriti kepada mereka.

Sebab itulah Yang Berhormat, *prevention is better than cure*. Sebelum apa-apa perkara berlaku, lebih baiklah kita dimaki-hamun pun tidak mengapa. Tidak ada rugi kepada kita. Orang akan melihat kita sebagai berjaga-jaga dan menghormati kita kerana menghormati isteri Perdana Menteri negara lain. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sudah habis jawab, sudah tidak ada soalan? Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mengikut peruntukan undang-undang, apabila sesuatu permohonan ada dibuat untuk diterima masuk sebagai peguam TUC, kita akan adakan keperluan untuk dia datang ke sini kerana ini adalah satu *application* bukan satu *trial*. Cherie Blair datang ke sini untuk publisiti. Ini tidak boleh dinafikan. Apa motif dia untuk datang ke sini, apabila undang-undang tidak ada memperuntukkan kehadiran beliau dalam mahkamah apabila permohonan beliau ada didengar. Adakah Yang Berhormat sedar apa motif dia?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *it's none of my concern*, motif dia. *The fact is*, sedikit. Itu dia. Apa dia punya motif atau apa ke, itu saya tidak tahulah. Betullah Yang Berhormat kata, *there's no need for her to come*, tapi mungkin dia hendak tunjuk kesungguhan dia, *commitment* dia tetapi kalau dia hendak datang, itu keputusan dia. Kita punya *concern is that* bila dia datang kita kena pasti jangan ada apa-apa berlaku kepada dia.

Oleh sebab itu saya tidak boleh hendak jawab apa Yang Berhormat cakap itulah. *That one you have to write to her and ask her. But, my concern is my sincere*, Yang Berhormat. Dia datang juga. Sebab itu bila dia datang takkan kita kata, "*please don't come*". Saya ingat tidak kenalah kita *Malaysian*. Dia hendak mari. Dia hendak mari, marilah. Biarlah. Walaupun satu malam dia hendak mari juga. Takkan kita hendak halang. Pergi ke

Airport, "No, you cannot come". We are Malaysian, Yang Berhormat pun Malaysian. Kita semua Malaysian. Itu nature kita. Famous. We don't say, "please come", but we don't stop them from coming. Okey? Saya tidak tahulah mungkin DAP memerintah, dia buat polisi tertutup tidak tahulah tetapi kita terbuka macam yang dimahukan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Biarlah terbuka, tetapi dalam hal ini dia tertutup. Jadi, nampak dia "forked tongue"lah di sini.

Yang Berhormat, soal Cherie Blair ini memang tidak boleh dinafi, kita beri dia sedikit keistimewaan, *not too much*. Sikit sahaja sebagai tanda kita sebagai orang yang prihatin tentang keselamatan isteri kepada seorang Perdana Menteri daripada negara yang baik dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan 70% yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ini. Dia kata 70% daripada mereka yang menjadi peguam di negara ini adalah di bawah..., dia bukan di bawah umur, bawah daripada pengalaman tujuh tahun, dan 30% sahaja yang lebih daripada 30 tahun. Yang Berhormat bercakap sebentar tadi berkenaan dengan *freedom*, berilah kebebasan, mengapa halang tetapi dalam perkara ini hendak halang pula ni. Kalau sudah 70% daripada mereka di bawah tujuh tahun, *what can we do?* Apa yang kita boleh buat untuk kita hendak pastikan supaya mereka juga diberikan keadilan untuk menjadi ahli Majlis Peguam. *That is something beyond us.*

Akan tetapi saya percaya, kalau kita aktif, kita *interact* dengan mereka, saya percaya sebagai seorang yang muda sudah tentu di kalangan dia, dia lebih mempercayai orang yang ada pengalaman lebih daripada tujuh tahun untuk memimpin mereka tetapi kalau yang lebih daripada tujuh tahun ini pun tidak menunjuk minat untuk hendak aktif dalam *Bar Council*, macam mana yang di bawah tujuh tahun ini hendak pilih mereka. Ini cuma *figure* saja. Apa yang kita boleh buat ialah kita yakinkan kepada mereka, "*Look, I'm experienced and I'm capable of running Bar Council,*" dengan izin. *I'm very sure*, kalau ditanya di kalangan orang-orang muda ini dia lebih hendak kepada orang yang berpengalaman untuk memimpin daripada dia pilih di kalangan dia.

Ini soal, saya rasa kalau mereka majoriti, sudah tentu mereka tidak sokong yang lebih daripada tujuh tahun, saya rasa itu tidak boleh menjadi satu alasan untuk tidak memberikan kebebasan kepada mereka untuk memilih hendak menjadi pemimpin mereka. Tidak apalah, hendak buat macam mana satu hari nanti statistik ini akan berubah pula mungkin satu hari nanti yang tujuh tahun ini akan berkurangan yang lebih pula daripada tujuh tahun mungkin kita tidak tahu, jadi statistik ini dia *move all the time*. Saya tidak boleh terima iaitu kalau bimbang mereka akan menguasai maka kita tidak membenarkan mereka untuk menjadi ahli *Bar Council*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis Bukit Gelugor. Sekarang ini saya hendak pergi kepada Kota Melaka dia bertanya berkenaan dengan *judiciary*, yang ini telah pun saya jawab. Kita semua tahu bahawa *judiciary* ini dilantik mengikut perlembagaan tetapi kalau ada cara-cara baru yang kita fikirkan saya ingat yang pertama sekali kita harus yakinkan kepada pihak hakim sendiri. Biar dia yakin apa hendak buat dan biarlah dia sendiri yang mengutarakan supaya ada pertukaran daripada sistem ini. Kalau dia mencadangkan kita boleh bersetuju untuk mengelak sama ada *legislative* dan eksekutif daripada dituduh *imposing on the judiciary*. Kemudian Kota Melaka ada bangkitkan berkenaan dengan benda yang sama juga, lantikan hakim, sudah jawab.

Ipoh Barat, Ipoh Barat saya sudah jawab yang pertama tadi, Ipoh Barat kata saya bersetuju, memang betul saya bersetuju tetapi saya telah berubah hati setelah saya melihat iaitu ada kepentingannya lebih besar daripada kepentingan dan kebebasan itu maknanya hubungan dengan *Bar Council* itu cukup penting dan ini perlu dipertahankan sebab itu saya berubah hati dalam soal ini.

Keduanya Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan soal Cherie Blair juga, seksyen 18 yang beri kuasa kepada peguam untuk Majlis Peguam Malaysia untuk...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bolehkah saya dapat tahu Yang Berhormat mengenai cara ubah hati itu? Adakah itu pendirian kerajaan atau dari apa yang arahan yang Yang Berhormat dapat dalam Kabinet kerana pada pandangan saya apabila Yang Berhormat memberitahu Dewan pada sesi dahulu dan sesi tahun dahulu. Setahun dahulu pada masa itu Yang Berhormat hanya menjadi menteri dan bukan mengawal undang-undang dan saya berpendapat pada masa itu Yang Berhormat sangat aktif membawa perubahan-perubahan seperti 46(1b) dan (1c) tetapi selepas menjadi menteri mendapat satu perubahan negatif sudah macam mendapat menerima atau terikat dengan pendirian kerajaan atau arahan-arahan dari peguam negara. Saya hendak tahu adakah Yang Berhormat ini sekarang mendapat pandangan yang baru kerana situasi yang baru ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak sebut di sini iaitu perubahan itu ialah perubahan peribadi saya. Kerana kita setiap menteri itu masing-masing portfolio dan saya percaya untuk mengamal demokrasi sudah tentu iaitu bahawa saya berhak untuk beri pandangan saya, peribadi. Kita tidak boleh cuba menakutkan saya dengan mengatakan itu bahawa ini pendirian kerajaan *so you don't say anything*, tidak boleh macam itu sebab kita mesti ada pendirian masing-masing pandang masing-masing. Pada ketika itu saya bukan menteri undang-undang dan saya sebenarnya tidak boleh hendak panggil dan bincang dengan AG kerana ini bukan hak saya. Saya pada ketika itu tidak menjaga undang-undang. Setiap menteri telah pun diberikan portfolio masing-masing dan saya cuma jaga Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada ketika itu.

Apabila saya menjadi menteri undang-undang saya boleh berbincang dengan *Attorney General*. Saya bincang dengan beliau apabila dia pun kalau saya panggil pun dia marilah sebab dia tahu, sekarang yang ini yang menjaga undang-undang ialah saya. Memang perubahan yang berlaku itu melibatkan peribadi saya, bukan kerajaan.

Saya menteri menjaga undang-undang, saya boleh panggil *AG's Chamber* maknanya *bill-bill* yang saya..., oleh sebab saya bertanggungjawab dan saya panggil dan saya bincang dan memang saya bincang dengan *Attorney General*, banyak hal saya bincang dengan dia dan kita selalu berhujah. Dia akan beri pandangan dia.

Saya beri pandangan saya. Akhirnya apabila dibincangkan, saya lihat baru betul bahawa kita perlu menjaga hubungan di antara kita dengan Majlis Peguam kerana tekanan kepada saya akan menjadi begitu kuat lagi kalau sekiranya orang kata, "*Yang Berhormat waktu jadi menteri dahulu Yang Berhormat pun peguam, macam mana boleh gaduh dengan....*".

Saya memang saya kena ambil kira semua kerana saya tidak akan terlepas daripada apa yang berlaku kepada Majlis Peguam Malaysia dengan kerajaan waktu saya menjadi menteri yang bertanggungjawab kepada peguam. Hari ini menteri yang jaga peguam ini sayalah jadi saya kena jaga kepentingan peguam dan bukan sahaja kepentingan hakim, bukan sahaja kepentingan *prosecution*, pegawai-pegawai kerajaan tetapi peguam pun saya kena jaga kebajikan mereka.

Sebab itu yang mana saya setuju Yang Berhormat boleh setuju dengan saya, saya setuju supaya tujuh tahun ini dihapuskan, kita hapus, kuorum kita kurang yang ini saya bercakap kita kurang tetapi bila datang hal ini bila dihujahkan tentang perkara ini saya rasa, ya. Saya juga manusia yang boleh diyakinkan dan saya bukan orang kata jumud, tidak boleh berubah, boleh berubah berikan saya hujah-hujah yang betul, saya boleh terima. Saya terima hujah ini dan saya rasa adalah betul iaitu bahawa apa yang kita lakukan ini ialah untuk menjaga hubungan di antara kita dengan Majlis Peguam Malaysia, ini cukup penting. Bagi saya sebagai menteri yang bertanggungjawab kepada undang-undang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, balik berkenaan dengan Metramac ini, dahulu pun mula-mula masa kita merdeka dahulu mula-mula kita merdeka dahulu, kita pun tidak ada cukup peguam yang terlatih untuk hendak membela kes-kes kita. *But we made do*, kita lepaskan okey dengan kita punya profesional yang ada pada ketika itu tidak ramai, *we made do*, itu dahulu. Sekarang ini banyak sudah peguam-peguam yang terlatih, yang berkebolehan,

tidak akanlah kita sebagai masyarakat peguam-peguam negara kita mengatakan bahawa itu dalam kes ini tidak ada peguam yang layak yang untuk membela anak *client* ini.

Saya fikir banyak peguam Malaysia yang boleh buat kerja ini dan kita mesti melindungi peguam-peguam kita dan saya percaya apa yang dilakukan oleh Majlis Peguam Malaysia itu untuk menunjukkan keyakinan iaitu bahawa kita boleh. Kalau dalam kes ini ada *lawyer* yang boleh buat tetapi kita merayu kepada Cherie Blair untuk datang bagaimana daripada segi imej, profesion peguam-peguam kita dalam negara kita ini yang sepatutnya Majlis Peguam Malaysia menjaga imej kita.

Kalau sahaja saya percaya bahawa mahkamah buat keputusan dibolehkan peguam luar datang maka itu merupakan satu *statement* daripada pihak kehakiman kita iaitu bahawa *I have got no confidence in the ability of local lawyers*. Dia punya kesan itu mendalam bukan setakat kes itu sahaja dan saya sokong keputusan yang dibuat oleh mahkamah sebab saya yakin dan percaya iaitu bahawa kita ada *enough*.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap, tunggulah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tunggulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini macam dekat sarkas itu, keluar dan tembak begitu, jangan macam itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh sambung esok? Yang Berhormat Menteri boleh sambung esok?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Belum, belum, belum habis tanya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, boleh sambung esok, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kita ada Usul Penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

BANK NEGARA PERLU MEMANTAU OPERASI BANK

5.30 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk Bank Negara Perlu Memantau Operasi Bank. Malayan Banking Berhad merupakan pemegang gadaian bagi keseluruhan tanah lot 4723 hingga 4732, seksyen 5, Bandar Georgetown, Pulau Pinang di bawah gadaian bertarikh 1 Oktober, 1996 yang diwujudkan oleh Strongkota Development Sdn. Berhad, pemilik sebagai penggadai bagi menjamin pembayaran balik pinjaman yang diberikan oleh Malayan Banking Berhad sebanyak RM5 juta. Strongkota Development Sdn. Berhad telah mendapat kelulusan untuk memajukan projek kondominium di atas tanah tersebut.

Walau bagaimanapun projek itu dibekukan kerana tanah-tanah itu diambil alih oleh kerajaan untuk Projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang atau PORR. Pada 25 Mei 1999, Encik Loo Sun Wah, pemilik 68% ekuiti Strongkota Development Sdn. Berhad dimuflikan oleh Malayan Banking atas tuntutan RM5.8 juta. Encik Loo menjadi mangsa untuk beberapa tahun kerana kelewatan pihak kerajaan memuktamadkan urusan pengambilan balik tanah dan pembayaran pampasan. Pada bulan November tahun 2003, Jabatan Insolvensi Malaysia telah meminta Encik Loo dan syarikat mengikuti Akta Kebankrapan untuk membayar balik RM5.8 juta kepada Malayan Banking, tetapi bank itu enggan bersetuju.

Pada 13 Januari 2004, Malayan Banking meminta syarikat membayar RM7 juta dan ini adalah tidak munasabah. Syarikat itu terpaksa memenuhi permintaan bank untuk membayar balik RM7 juta dalam satu perjanjian menggunakan wang pampasan dari Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Borang 'E', Akta Pengambilan Tanah dikeluarkan pada 15 Januari 2004 tetapi pihak bank tidak menyerahkan geran tanah kepada Pentadbir tanah. Borang 'H', Akta Pengambilan tanah dikeluarkan pada 6 Disember 2004, dan wang pampasan disimpan di mahkamah. Ini telah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh bank bahawa mereka ingin melihat Borang 'H', sebelum tarikh 31 Disember 2004. Sebelum boleh menimbang kelanjutan masa kepada syarikat menyelesaikan tuntutan yang dipersetujui.

Malayan Banking bukan sahaja tidak menyerahkan geran kepada Pentadbiran tanah bagi mendapat pembahagian wang yang dipersetujui untuk melepaskan Encik Loo dari status mufliks tetapi telah meneruskan tindakan untuk menuntut RM10.89 juta melalui surat peguam bertarikh 4 April 2006 ini. Tuan Yang di-Pertua, kes pertikaian ini masih belum dibawa ke mahkamah dan oleh itu saya pohon Bank Negara Malaysia untuk menjalankan pemantauan untuk memastikan apakah tindakan Malayan Banking telah melanggar apa-apa peruntukan dan Akta-akta Perbankan dan seterusnya memberi arahan-arahan tertentu untuk dipatuhi oleh Malayan Banking dalam pertikaian ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Kewangan. Setiausaha Parlimen, sila.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab ucapan ini secara *general* dahulu, kemudian selepas itu barulah saya pergi spesifik kepada kes ini. Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau aktiviti-aktiviti institusi perbankan bagi memastikan institusi perbankan beroperasi secara berhemah bagi mengekalkan sistem perbankan secara menyeluruh.

Aktiviti pemantauan ini dijalankan melalui pengawasan secara *off-side* di mana Bank Negara Malaysia mengkaji kedudukan institusi kewangan secara berterusan melalui penyerahan laporan bulan dan pengawasan secara *on-side* yang merangkumi pemeriksaan khusus ke atas sesebuah institusi perbankan, dengan memberi tumpuan kepada bahagian institusi yang terdedah kepada risiko yang tinggi. Sebab itu, Bank Negara Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif sebagai langkah untuk meningkatkan infrastruktur

perlindungan pengguna. Di antara inisiatif tersebut ialah menyediakan mekanisme pembelaan dengan penubuhan biro pengantaraan kewangan yang bertindak sebagai pengantara bebas di dalam kes pertikaian antara pengguna dengan institusi kewangan.

Di samping itu, institusi perbankan juga diarahkan supaya menubuhkan unit aduan masing-masing untuk mengendalikan setiap aduan agar dapat memperbaiki kelemahan dan mempertingkatkan tahap perkhidmatan pelanggan mereka. Usaha juga dihalakan untuk mengukuhkan standard pendedahan bagi memastikan pengguna mendapat akses kepada maklumat yang mencukupi dan tepat pada masanya untuk memudahkan mereka membuat kelulusan yang efektif. Sebagai langkah untuk membantu peniaga yang menghadapi masalah pinjaman, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan jawatankuasa penyelesaian pinjaman kecil yang bertujuan untuk membantu peniaga kecil dan sederhana yang berdaya maju yang menghadapi kesulitan akibat pinjaman tidak berbayar atau NPL. Melalui penyusunan semula pinjaman serta penyediaan bantuan kewangan.

Selain itu, Bank Negara Malaysia juga baru-baru ini telah menubuhkan agensi kaunseling dan pengurusan kredit ataupun AKPK. AKPK menyediakan saluran bagi pinjaman individu dan bakal peminjam mendapatkan nasihat dan bantuan berhubung pengurusan kredit dan membekalkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk pengurusan kewangan. AKPK akan menyediakan khidmat kaunseling dan penyelidikan kredit serta khidmat penyelesaian hutang kepada individu secara percuma. Individu yang berkelayakan akan mendapat akses kepada bantuan dan struktur semula pinjaman-pinjaman melalui prosedur luar mahkamah. Berdasarkan bentuk pembayaran balik pinjaman yang dipersetujui antara pihak peminjam dan pihak pemberi pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes ini yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Tanjong, isu... ini telah pun dirujuk kepada Bank Negara Malaysia sebelum ini. Bank Negara Malaysia telah pun menyiasat perkara ini dan mengadakan perjumpaan dengan Strongkota Development Sdn. Berhad dengan MBB, Malayan Banking bagi mencari jalan penyelesaian ke atas isu yang dibangkitkan.

Baru-baru ini pada 20 Jun 2006, Bank Negara Malaysia telah mengatur perjumpaan antara kedua-dua pihak dan Strongkota Development Sdn. Berhad dan juga Malayan Banking bagi menyelesaikan isu ini dan Strongkota Development Sdn. Berhad akan mengemukakan semula cadangan kepada MBBB. Tuan Yang di-Pertua.

KECACATAN PILI BOMBA DI SEBERANG PERAI AKIBAT PENCURIAN

5.38 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Di kawasan Seberang Perai, pili bomba-pili bomba, kebanyakan mereka telah dipecah, dicuri untuk *cast iron* dan tembaganya. Perkara ini berlaku sejak awal tahun ini dan sehingga sekarang pihak berkenaan masih belum memperbaikinya. Dengan pili bomba-pili bomba dalam keadaan kecacatan dan tidak boleh diguna pakai. Sila bayangkan sekiranya berlaku kebakaran, akibatnya amatlah dahsyat dan kerajaan tidak boleh lari dari tanggungjawabnya.

Saya meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu bilangan pili bomba-pili bomba dalam keadaan sebegini di Seberang Perai dan langkah-langkah membaik pulih mencegah kecurian ini dan bila akan dijalankan. Tuan Yang di-Pertua, saya pun pernah membangkitkan soalan sebegini pada sesi yang lepas iaitu bulan Mac dan saya mendapat satu jawapan bertulis Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sedar terdapat banyak pili bomba telah dipecah, dicuri, dan dijual oleh pencuri-pencuri. Untuk mengatasi masalah ini, langkah telah diambil untuk membaik pulih fungsi pili bomba tersebut dengan cara segera. Ini tidak patut, ini tidak betul, ini tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sepatutnya sehingga sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: ...Belum ada pembaikan dijalankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Biar menteri jawab.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ini boleh digesakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa... Diamlah! Beri peluang sayalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila diam.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Sentiasa mengambil berat dan prihatin masalah pili bomba yang wujud di seluruh negara. Sehingga kini, Jabatan Bomba dan Penyelamat atau JBPM Negeri Pulau Pinang mencatatkan sebanyak 800 *plus* unit pili bomba rosak di seluruh Seberang Perai. Kerosakan yang berlaku ialah kehilangan *elbow* akibat dicuri oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk dijual sebagai bahan lusuh. Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam usaha menangani masalah kerosakan pili bomba akibat kecurian ini telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) JBPM telah mempertingkatkan rondaan di kawasan - kawasan yang sering berlaku kehilangan ke atas *elbow* pili bomba;
- (ii) JBPM telah berbincang dengan pihak Perbadanan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang untuk penyelesaian jangka masa pendek di mana Perbadanan Bekalan Air Negeri sedang membuat kajian menggunakan bahan *ductile* iaitu plastik yang kuat untuk membuat *elbow* pili bomba sebagai ganti bahan logam atau *brush* yang digunakan sekarang;
- (iii) memerlukan peruntukan kewangan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang untuk penyelenggaraan pili bomba yang rosak memasang pili bomba baru di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Jumlah peruntukan kawasan yang disalurkan pada tahun 2006 adalah berjumlah RM880,000;
- (iv) JBPM juga telah meletakkan *plan contingency* kebakaran di kawasan-kawasan yang sering terlibat dengan vandalisme dan kecurian. Salah satu aspek penting dalam *plan contingency* ini ialah untuk mengenal pasti sumber bekalan air terbuka yang terdapat di kawasan tersebut sebagai alternatif sekiranya pili bomba tidak dapat digunakan untuk menentang kebakaran; dan
- (v) menjalin kerjasama dengan pihak polis diraja Malaysia untuk menangani masalah kecurian pili bomba. Sehubungan dengan ini, pada 3 Mei 2006, tiga orang yang disyaki terlibat dalam kes kecurian *elbow* pili bomba telah ditahan oleh polis di kawasan Tasik Gelugor, Seberang Perai Utara. Untuk maklumat Yang Berhormat, JBPM dalam tahun ini, kami akan perbaiki atau pasang balik 200 unit pili bomba baru.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Yang Berhormat, urusan kita hari ini selesai. Dewan yang mulia ditangguh sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.